

19 MAC 2019 (SELASA)



DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS TAHUN 2019

PENGGAL KEDUA

MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN)

SHAH ALAM, 19 MAC 2019 (SELASA)

Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi

YANG HADIR

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)
(Tuan Speaker)

Y.A.B. Tuan Amirudin bin Shari (Sungai Tua)
(Dato' Menteri Besar Selangor)

Y.B. Dato' Teng Chang Khim, D.P.M.S.
(Bandar Baru Klang)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/L Veraman (Kota Kemuning)

Y.B. Puan Rodziah binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Ir. Izham bin Hashim (Pandan Indah)

Y.B. Datuk Abdul Rashid bin Asari, P.S.D., S.M.S., J.P.
(Selat Klang)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Puan Haniza binti Mohamed Talha, S.M.S. (Lembah Jaya)

19 MAC 2019 (SELASA)

Y.B. Puan Dr. Siti Mariah binti Mahmud (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Hee Loy Sian (Kajang)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Banting)

Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Puan Dr. Daroyah binti Alwi, P.J.K. (Sementa)
(Timbalan Speaker)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Tuan Dr. Idris bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Hasnul bin Baharuddin, P.P.T. (Morib)

Y.B. Tuan Rajiv A/L Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Tuan Ronnie Liu Tian Khiew (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Ahmad Mustain bin Othman (Sabak)

Y.B. Tuan Harumaini bin Haji Omar, P.P.N. (Batang Kali)

Y.B. Puan Rozana binti Zainal Abidin (Permatang)

Y.B. Puan Juwairiya binti Zulkifli (Bukit Melawati)

Y.B. Tuan Mohd Shaid bin Rosli (Jeram)

Y.B. Tuan Sallehudin bin Amiruddin (Kuang)

19 MAC 2019 (SELASA)

Y.B. Tuan Mohd Sany bin Hamzan (Taman Templer)

Y.B. Tuan Chua Wei Kiat (Rawang)

Y.B. Tuan Lai Wai Chong (Teratai)

Y.B. Tuan Edry Faizal bin Eddy Yusof (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Mazwan bin Johar (Sungai Ramal)

Y.B. Puan Michelle Ng Mei Sze (Subang Jaya)

Y.B. Tuan Syamsul Firdaus bin Mohamed Supri (Taman Medan)

Y.B. Puan Lim Yi Wei (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Shatiri bin Mansor (Kota Damansara)

Y.B. Puan Jamaliah binti Jamaluddin (Bandar Utama)

Y.B. Tuan Mohd Najwan bin Halimi (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Mohd Fakhrulrazi bin Mohd Mokhtar (Meru)

Y.B. Tuan Azmizam bin Zaman Huri (Pelabuhan Klang)

Y.B. Tuan Leong Tuck Chee (Pandamaran)

Y.B. Tuan Gunarajah A/L R George (Sentosa)

Y.B. Tuan Borhan bin Aman Shah, P.J.K. (Tanjong Sepat)

Y.B. Tuan Adhif Syan bin Abdullah (Dengkil)

Y.B. Tuan Mohd Zawawi bin Ahmad Mughni, P.P.T. (Sungai Kandis)

Y.B. Puan Wong Siew Ki (Balakong)

Y.B. Tuan Halimey bin Abu Bakar (Seri Setia)

19 MAC 2019 (SELASA)

Y.B. Dato' Haji Mohd Shamsudin bin Haji Lias,
DPMS., JSM., SSA. (Sungai Burong)

Y.B. Datuk Rosni binti Sohar, DMSM., PJK. (Hulu Bernam)

Y.B. Tuan Rizam bin Ismail (Sungai Air Tawar)

Y.B. Dato' Mohd Imran bin Tamrin, D.I.M.P (Sungai Panjang)

Y.B. Tuan Zakaria bin Hj Hanafi (Semenyih)

Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi, D.P.M.S. (Sijangkang)

19 MAC 2019 (SELASA)

**TIDAK HADIR
(Dengan maaf)**

Y.B. Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali
S.P.M.S., S.M.S. (Bukit Antarabangsa)

Y.B. Tuan Muhammad Hilman bin Idham (Gombak Setia)

TURUT HADIR

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya, D.P.M.S., B.C.M., B.K.T., P.J.K.
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Y.B. Dato' Masri bin Mohd Daud, D.S.A.P., P.C.M.
Penasihat Undang-undang Negeri Selangor

Y.B. Dato' Nor Azmie bin Diron, D.P.M.S.
Pegawai Kewangan Negeri Selangor

19 MAC 2019 (SELASA)

PEGAWAI BERTUGAS

Puan Gayathri Prasena A/P Jaya Kumar
Setiausaha Bahagian Dewan

Encik Muhajirih bin Ahmad
Penolong Setiausaha Dewan

Encik Zawawi bin Mohd. Arif
Penolong Setiausaha Pentadbiran

Puan Siti Salina binti Muftar
Setiausaha Pejabat

Encik Abdul Khalil bin Sabiis
Bentara

Encik Mohamad Izad Shafiq bin Ahmad Mashudi
Puan Nur Syahira Shazrin binti Mat Rohani
Pelapor Perbahasan

19 MAC 2019 (SELASA)

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

SETIAUSAHA DEWAN : Selamat pagi dan salam sejahtera. Aturan urusan mesyuarat bagi Mesyuarat Pertama (Pembukaan) Penggal Kedua Dewan Negeri Selangor Yang Keempat Belas pada 19 Mac 2019 dimulakan dengan bacaan doa.

PENOLONG SETIAUSAHA DEWAN : *Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillahi Robbil 'Alamiin. Wassolatuwasalamu 'Aala Rasulil 'Aamin Sayidina Muhammadin Waala 'Alihi Wasahbihi Ajma'in*

Ya Allah Ya Tuhan Kami, Sesungguhnya Engkaulah Tuhan yang memiliki segala kebesaran dan kekuasaan. Kami bersyukur ke hadrat Mu kerana melimpahkan kami dengan nikmat dan rahmat juga mengurniakan kami bumi yang subur dan maju Negeri Selangor Darul Ehsan. Dengan rahmat Mu jua pelbagai rancangan pembangunan telah dinikmati oleh rakyat, pelbagai keturunan dan bangsa yang taat kepada Raja dan Kerajaan Negeri ini. Ya Allah kami memohon kehadrat Mu agar memberikan kami sebaik-baik petunjuk dan bimbingan untuk memuliakan kami khususnya Ahli Dewan Negeri meneruskan khidmat menimbang dan memutuskan segala perkara yang dibincangkan di dalam Dewan yang mulia ini supaya segala rancangan pembangunan Negeri Selangor Darul Ehsan berjalan lancar, tepat dan berkesan. Kepada Mu jua Ya Allah kami berserah.

*Wassalahu Aala Saiyidina Muhammad Wa'ala Alihi Wassohbihi Ajma'iin
Walhamdulillahi Rabbil 'Alamiin.*

TUAN SPEAKER: Salam sejahtera dan selamat datang kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli EXCO, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negeri, Pegawai-pegawai Kerajaan dan pada pemerhati-pemerhati sekalian. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah atas pelantikan Yang Berhormat Sementa sebagai Timbalan Speaker yang baharu dan Yang Berhormat Semenyih sebagai Ahli Dewan yang baharu. Saya telah menerima surat tidak hadir memohon cuti daripada Yang Berhormat Bukit Antarabangsa dan juga Yang Berhormat Gombak Setia kerana ada urusan lawatan rasmi di Kedah untuk makluman Dewan ini. Dan tanpa melengahkan masa saya mempersilakan Setiausaha Dewan untuk meneruskan aturan mesyuarat pada pagi ini.

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan mesyuarat seterusnya membentangkan kertas-kertas mesyuarat. No. 1 Kertas Mesyuarat Bilangan 1 Tahun 2019. Laporan Tahunan 2017 Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor. No. 2 Kertas Mesyuarat Bilangan 2 Tahun 2019. Penyata Kewangan Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor bagi tahun

19 MAC 2019 (SELASA)

berakhir 31 Disember 2017. No. 3 Kertas Mesyuarat Bilangan 3 Tahun 2019. Sijil Ketua Audit Negara dan Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 bagi 12 Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor iaitu 1 Majlis Bandaraya Shah Alam, 2 Majlis Bandar raya Petaling Jaya, 3 Majlis Perbandaran Klang, 4 Majlis Perbandaran Ampang Jaya, 5 Majlis Perbandaran Subang Jaya, 6 Majlis Perbandaran Selayang, 7 Majlis Perbandaran Kajang, 8 Majlis Perbandaran Sepang, 9 Majlis Daerah Kuala Selangor, 10 Majlis Daerah Hulu Selangor, 11 Majlis Daerah Kuala Langat, 12 Majlis Daerah Sabak Bernam. No. 4 Kertas Mesyuarat Bilangan 4 Tahun 2019. Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai Pembasmian Kemiskinan. JPK Pembasmian Kemiskinan bagi Dewan Negeri Selangor berhubung penyelarasan pendapatan garis kemiskinan. No. 5 Kertas Mesyuarat Bilangan 5 Tahun 2019. Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai Pembasmian Kemiskinan JPK Pembasmian Kemiskinan bagi Dewan Negeri Selangor berhubung pekerja ladang. No. 6 Kertas Mesyuarat Bilangan 6 Tahun 2019. Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri JP ABASS bagi Dewan Negeri Selangor berhubung jejambat, *flyover* di Bandar Saujana Putera. Aturan mesyuarat seterusnya pertanyaan-pertanyaan.

TUAN SPEAKER: Sementa.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: *Bissmilahhirrahmannirrahim, assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh* serta salam sejahtera. Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya No. 1.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA YB. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI (N43 SEMENTA)

TAJUK : PERUNTUKAN UNTUK MEMBERDAYAKAN PUSAT WANITA BERDAYA

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar :

- a) Sila nyatakan berapa banyak program PWB telah dilaksanakan sepanjang tahun 2018, mengikut pecahan kategori program.
- b) Berapakah peratus peruntukan PWB telah dibelanjakan untuk tahun 2018, dan mengikut pecahan DUN. Sekira tidak habis dibelanjakan mengapa? Sila nyatakan sebabnya.

TUAN SPEAKER: Silakan pihak kerajaan.

Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD: Terima kasih Yang Berhormat, Tuan Speaker terima kasih, Yang Berhormat Sementa. *Bissmilahhirrahmannirrahim, assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh.* Untuk makluman Ahli-ahli Yang

19 MAC 2019 (SELASA)

Berhormat sejumlah 479 program merangkumi 108 program-program pembangunan kapasiti dan 371 program-program kemahiran telah berjaya dilaksanakan oleh 56 Pusat Wanita Berdaya (PWB) di seluruh Selangor bermula September sehingga Disember 2018. Perjawatan pengurusan dan para penyelia PWB selaras dengan pembubaran DUN pada April 2018 lalu. Pecahan kategori program adalah seperti berikut. Untuk program pembangunan kapasiti pendemokrasian hak rakyat 1. Kefahaman gender belum lagi. Urus tadbir baik adalah 12. Wanita dan perundangan 3. Alam sekitar belum ada lagi. Kesihatan dan pembangunan keluarga 9. Keselamatan dan pembangunan keluarga 15. Asas keusahawanan 12. Asas pelaburan belum lagi. Pengurusan kewangan peribadi dan keluarga 56 menjadikan 108 program pembangunan kapasiti. Untuk program kemahiran, seni kraf tangan 97, laman tani dan landskap 5. Industri makanan dan minuman 186. Program 3R, *reduce, reuse, recycle* 10. Gaya hidup sihat 23, pertahanan diri 2, penyelenggaraan kenderaan 2, teknologi maklumat 3, seni dan budaya 43, menjadikan 371 program-program kemahiran. Jumlah peruntukan PWB pada tahun 2018 adalah sebanyak RM2,800,000.00 iaitu 50,000.00 untuk setiap PWB DUN. Untuk makluman Yang Berhormat Sementa, program PWB bermula akhir September sehingga Disember 2018 dan berjaya membelanjakan peruntukan sedia ada sebanyak 42% iaitu RM877,483.00 daripada baki iaitu berakhir April 2018 sebanyak RM2,092,000.00. Perincian peruntukan Yang Berhormat, saya akan beri agak panjang jadi saya akan berikan secara bertulis. Antara faktor yang mempengaruhi peratusan penggunaan peruntukan PWB bawah 50% ini adalah kerana urusan lantikan para pengurusan pengurus PWB di peringkat negeri dan lantikan para penyelia PWB baru mewakili setiap DUN seluruh Selangor selepas pembubaran DUN dengan mengambil kira masa yang diperlukan bagi proses penamaan calon-calon penyelia PWB oleh ADUN. Panggilan temu duga dan sesi temu duga calon-calon penyelia, kertas kelulusan lantikan melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN). Selain daripada itu, bagi tujuan mempersiapkan para penyelia PWB ini untuk menjalankan tugas dan amanah yang telah diberikan serta berhadapan dengan masyarakat, Kerajaan Negeri dengan kerjasama Institut Wanita Berdaya (IWB Selangor) turut menganjurkan kursus asas latihan kepimpinan penyelia PWB dan beberapa sesi latihan khusus untuk melatih para penyelia PWB yang mana 41 orang daripada keseluruhan 56 orang penyelia adalah daripada penyelia baharu dan kurang berpengalaman dalam melaksanakan program-program PWB, terima kasih.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Silakan Yang Berhormat Sijangkang.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Soalan tambahan saya, daripada jumlah program yang begitu banyak yang telah dilakukan di Negeri Selangor ini, apakah program-program yang memberikan impak yang cukup besar terutamanya kepada kumpulan-kumpulan wanita ini yang berjaya di memperdayakan, *success story* yang mungkin boleh ditiru oleh kawasan-kawasan atau pun DUN di seluruh Negeri Selangor, terima kasih.

19 MAC 2019 (SELASA)

Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD: Yang Berhormat Sijangkang, baik seperti yang dimaklumkan PWB kita telah bermula daripada 2010. Dan kalau mengikut impak yang paling besar adalah kesedaran di kalangan wanita di akar umbi tentang peranan mereka untuk mengambil bahagian di dalam semua aktiviti yang kita anjurkan kepada mereka terutamanya dalam pembinaan kapasiti mereka. Dan di samping itu semua, hampir kata kesemua PWB DUN sudah mempunyai kumpulan-kumpulan usahawan-usahawan yang asalnya mereka didedahkan dalam kursus-kursus atau pun program-program PWB dan setelah mereka menunjukkan minat, mereka disalurkan sama ada untuk memohon pinjaman daripada HIJRAH dan juga untuk mereka mendalami usahawan mereka itu. Dan sebahagian daripada mereka telah menjalani kursus-kursus lanjutan usahawan untuk *packaging* dan sebagainya. Jadi saya kira yang penting adalah impak paling besar yang saya dapat daripada maklum balas daripada Adun-adun adalah kehadiran PWB ini dapat menghampirkan para Adun dengan rakyat wanita serta membawa turun program-program IPR kepada mereka, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Batang Kali.

Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Yang Berhormat saya ingin bertanya sama ada pihak kerajaan ada bercadang untuk mengujudkan setiap daerah misalnya melalui PWB satu keluaran. Contohnya di Batang Kali misalnya, kita kenal pasti ibu-ibu tunggal yang boleh menjahit baju, kemudian kita hantar kursus misalnya. Kemudian kita adakan satu *kiosk* atau pun pusat-pusat yang mereka boleh mengeluarkan hasil-hasil mereka ini di satu kawasan, terima kasih Tuan Speaker.

Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD: Terima kasih Yang Berhormat Batang Kali. Memang begitulah niat kita di PWB setelah mendedahkan mereka kepada kemahiran-kemahiran dan juga program-program pembangunan kapasiti, maka mereka yang berhasrat atau pun sudah ada di PWB-PWB ini produk-produk yang dihasilkan oleh mereka. Malah daripada penggal yang lepas kita sudah ada beberapa produk 20 produk. Cuma sekarang ini kita dalam perancangan bagaimana kita untuk memasarkan produk-produk itu dan memang ada cadangan untuk menujuhkan PWB *Shop* tetapi kita buat PWB *Shop* itu dia akan terletak agak jauh daripada pusat masing-masing. Maka sekarang ini kita dalam proses memberdayakan mereka untuk membuat *online marketing* dan *insyaAllah* projek yang terdekat sekali ialah produk-produk PWB ialah kuih muih raya untuk menyambut Hari Raya ini dan saya harap Adun-adun sekalian akan memberi sokongan kepada PWB masing-masing kerana mereka akan menggembungkan tenaga daripada wanita-wanita ibu tunggal dan juga peserta-peserta KISS untuk melaksanakan program ini, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Sungai Ramal.

Y.B. TUAN MAZWAN BIN JOHAR: Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya, saya sendiri baru dapat tahu bahawa dalam kawasan kampung-kampung ini ada satu pertubuhan lain dipanggil Pertubuhan Kumpulan Wanita atau pun (WI) *Women Institut*. Yang ini ada sejarah panjang sebelum zaman merdeka lagi ditubuhkan. Dan sehingga

19 MAC 2019 (SELASA)

hari ini pembuka semua sudah tidak ada, dia masih sampai hari inilah dia masih wujud. Dan apabila diperhatikan objektif dan peranannya adalah lebih kurang sama seperti PWB. Jadi sekarang ini di kampung-kampung yang ada di kawasan saya pun ada WI ini dia ada persaingan yang di antara kedua ini. So, apakah perancangan mungkin Kerajaan Negeri ada untuk membuat penyelarasan atau pun mengharmonikan aktiviti mereka ini supaya tidak menjadi satu aktiviti yang tidak sihat, sekian terima kasih.

Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD: Sungai Ramal, sebenarnya memang di peringkat negeri dalam usaha kita dalam menjajah semula semua program-program supaya tidak bertindih dengan terutamanya program-program yang ditawarkan oleh Kerajaan Persekutuan di bawah Kemas dan sebagainya. Dan memang persaingan itu saya kira di mana-mana akan ada sebab NGO-NGO pun ada peranan dia. Cuma kita harap PWB akan lebih menonjol di dalam pembangunan kapasiti kerana program-program kemahiran ini akan banyak malah bercambah, cuma bagaimana kita nak salurkan mereka ini. macam mana WI ini, memang kita tahu lah zaman mak-mak kita dulu sudah ada WI lebih kepada *social group* yang kumpulan sosial dan mereka membuat program-program kemahiran yang wanita minat. Masak, jahit dan sebagainya. Tapi program PWB, dia ada kesinambungan daripada situ YB. Dia tidak hanya buat program kemahiran. Sebahagian besar daripada program kita Insha Allah akan menjadi program-program pembangunan kapasiti wanita itu sendiri. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Bandar Utama

Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN : Terima kasih Tuan Speaker.
Soalan saya no. 2.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN (N36 BANDAR UTAMA)

TAJUK : PENAMBAHBAIKKAN SISTEM TRAFIK DAN PENGANGKUTAN AWAM DI SELANGOR

2. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pelan-pelan terkini bagi penambahbaikan sistem trafik dan pengangkutan awam di Selangor yang terkini, terutamanya di kawasan bandar seperti Bandar Utama?
- b) Adakah terdapat sebarang perbincangan terkini dan kerjasama antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan bagi isu infrastruktur dan kemudahan awam?

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Tuan Speaker. Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan akan sentiasa memastikan pengurusan lalu lintas dan sistem trafik adalah terkawal berdasarkan pelan dan kajian sedia ada untuk meningkatkan kecekapan pengangkutan awam khususnya di kawasan Bandar seperti Bandar Utama. Untuk makluman yang Berhormat, perbincangan bagi isu infrastruktur dan kemudahan awam di antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan diadakan secara berterusan. Di antaranya adalah :

- i. Mesyuarat Majlis Tindakan Negeri yang diurussetiakan oleh Pejabat Pembangunan Persekutuan atau pun lebih dikenali sebagai *Implementation Coordination Unit (ICU)*. Negeri Selangor turut melibatkan jabatan dan agensi Kerajaan Persekutuan serta agensi Kerajaan Selangor.
- ii. Perjumpaan bersama Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. Di mana Kerajaan Negeri telah menyampaikan hasrat kepada Kerajaan Persekutuan bagi permohonan tuntutan pembayaran bayaran balik kos pembinaan jambatan Klang ketiga dan penyaluran peruntukan pembangunan jambatan tersebut yang secara dasarnya telah dipersetujui oleh Kerajaan Persekutuan.
- iii. Melalui perbincangan bersama Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) di mana KPLB telah meluluskan peruntukan sebanyak RM 5.5 juta kepada Negeri Selangor untuk pelaksanaan Program Komuniti Sosial yang berjumlah RM 2 juta dan Jalan Penghubungan Desa berjumlah RM 3.5 juta.
- iv. Perbincangan bersama Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli bagi isu penstrukturkan semula Industri Perkhidmatan Air Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur dan Putrajaya serta pelaksanaan projek loji rawatan Langat ke-2. Sehubungan dengan itu, perbincangan yang berterusan serta kerjasama yang terjalin di antara kedua-dua Kerajaan dapat mempertingkatkan lagi usaha-usaha penambahbaikan infrastruktur dan kemudahan awam di Negeri Selangor dari semasa ke semasa.

TUAN SPEAKER : Sila Bandar Utama

Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN : Saya ingin bertanya ada tak pelan-pelan spesifik terhadap penyelesaian untuk kesesakan lalu-lintas?

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Dalam memastikan jaringan jalan raya serta pengurusan trafik di Negeri Selangor lebih terancang dalam mengatasi masalah kesesakan serta mengurangkan jumlah kenderaan di jalan raya, pelan atau kajian pelan induk telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri melalui PBT. Saya bagi contoh, yang pertama, Pelan Induk Pengangkutan Negeri Selangor yang berjumlah RM 1 juta dan Kajian Pengangkutan dalam sebahagian daripada rancangan struktur Negeri Selangor dan juga Pelan Induk Kajian Pengangkutan MBSA yang dimulakan oleh Majlis Bandar raya Shah Alam, Pelan Induk Pengangkutan Petaling Jaya yang telah siap, Kajian Pengurusan Lalu-lintas dan Kapasiti Jalan Raya sedia ada di kawasan Melawati oleh

19 MAC 2019 (SELASA)

Majlis Perbandaran Ampang Jaya dan lain-lain lagi. Kalau di kawasan Bandar Utama, yang penting sekali adalah Pelan Induk Pengangkutan Petaling Jaya. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Bukit Lanjan

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Soalan no. 3

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING (N37 BUKIT LANJAN)

TAJUK : PERUNTUKAN CERIA 2019

3. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah jumlah peruntukan program CERIA membantu pembaikan apartmen kos rendah kos rendah-sederhana untuk tahun 2019?

- b) Berapa jumlah bantuan daripada Kerajaan Persekutuan yang disalurkan ke Negeri Selangor untuk membantu pembaikan apartmen kos rendah, kos rendah-sederhana pada tahun 2019?

Y.A.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Yang Berhormat sekalian, sebanyak RM10 juta telah diperuntukkan untuk program yang dipanggil sebagai CERIA untuk tahun 2019. Untuk jawapan b, setakat ini Kerajaan Negeri masih lagi menunggu maklum balas daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan iaitu Kerajaan Persekutuan untuk menyalurkan sebarang peruntukan-peruntukan khas untuk aktiviti menambah baik serta menaik taraf apartmen-apartmen kos rendah di Negeri Selangor dan juga kos-kos sederhana rendah pada tahun 2019. Namun begitu, kerjasama erat di antara KPPT dan Kerajaan Negeri akan berjalan sebagaimana biasa walaupun tidak ada dana khas. Kita percaya kita akan dapat menambah beberapa peruntukan-peruntukan khas yang boleh diperbincangkan atas sesuatu kes-kes yang melibatkan rumah-rumah kos rendah atau pun rumah-rumah kos sederhana rendah di Negeri Selangor. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ya, Semenyih

Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HJ. HANAFI : Terima kasih Tuan Speaker. Saya memohon bagi pihak Semenyih bahawa laluan kami ke dalam kawasan Semenyih ini, Semenyih ke Kajang, memanglah sekarang ini masalah keluasan laluan terlalu sesak di

19 MAC 2019 (SELASA)

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat Semenyih, ini soalan tambahan. Ini berkaitan dengan

Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HJ. HANAFI : Saya minta tambahan bas

TUAN SPEAKER : Oh tidak , ini peruntukan CERIA. Jadi ini tidak berkaitan. Sila duduk.

TUAN SPEAKER : Kuala Kubu Baharu

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya no. 4.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. PUAN LEE KEE HIONG (N06 KUALA KUBU BAHRU)

TAJUK : PROGRAM HARI TANPA KENDERAAN

4. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan PBT yang menganjurkan program Hari Tanpa Kenderaan dan jumlah kos yang dibelanjakan oleh pihak pengajur pada tahun 2018.
- b) Nyatakan PBT yang telah dan akan menganjurkan program Hari Tanpa Kenderaan pada tahun ini.

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Terima kasih Y.B. Kuala Kubu Baru yang bertanyakan tentang Program Hari Tanpa Kenderaan yang dianjurkan oleh PBT. Untuk makluman Ahli - Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Teknologi Hijau Negeri Selangor, amat menggalakkan program pelaksanaan Hari Tanpa Kenderaan. Program ini adalah merupakan inisiatif yang dijalankan oleh Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor bagi mencapai sasaran penurunan karbon di kawasan Bandar. Sehubungan itu, sebanyak lapan PBT telah menganjurkan Program Hari Tanpa Kenderaan pada tahun 2018. Butiran terperinci berkaitan pengajuran dan kos perbelanjaan adalah seperti berikut:

| BIL. | PBT | SENARAI PENGANJURAN PROGRAM HARI TANPA KENDERAAN TAHUN 2018 | KOS PENGANJURAN (RM) |
|-------------|------------|--|-----------------------------|
| | | | |

19 MAC 2019 (SELASA)

| | | | |
|---------------|-------------|--|-------------------|
| 1. | MBSA | Penganjuran Program Hari Tanpa Kenderaan sebanyak 10 kali bermula Januari hingga Disember 2018. | 352,393.00 |
| 2. | MBPJ | Penganjuran Program Hari Tanpa Kenderaan sebanyak 5 kali bermula Mac hingga Disember 2018. | 210,000.00 |
| 3. | MPSJ | Penganjuran Program Hari Tanpa Kenderaan dan Jom Sihat @ Lestari MPSJ pada 28 Oktober 2018 bertempat di Jalan Kemajuan Subang SS16, Subang Jaya. | 15,150.00 |
| 4. | MPAJ | Penganjuran Program Hari Tanpa Kenderaan sebanyak 11 kali yang bertempat di Padang Perbandaran MPAJ, Pandan Indah. | 90,519.82 |
| 5. | MPS | Penganjuran Program Hari Tanpa Kenderaan pada 23 Februari 2018. | 40,000.00 |
| 6. | MPKj | Penganjuran Program Hari Tanpa Kenderaan pada 11 November 2018. | 30,000.00 |
| 7. | MPSp | Penganjuran Program Hari Tanpa Kenderaan sebanyak 9 kali bermula Mac hingga Disember 2018. | 65,035.00 |
| 8. | MDHS | Penganjuran Program Tanpa Kenderaan bermula Ogos hingga Disember 2018. | 160,000.00 |
| JUMLAH | | | 963,097.82 |

Manakala, senarai PBT yang telah dan akan menganjurkan Program Hari Tanpa Kenderaan pada tahun 2019 adalah seperti berikut: Saya tidak payah menyebut butiran. Hanya menyebut PBT yang terlibat. Iaitu Majlis Bandaraya Shah Alam, Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Majlis Perbandaran Subang Jaya, Majlis Perbandaran Ampang Jaya, Majlis Perbandaran Selayang, Majlis Perbandaran Kajang, Majlis Perbandaran Sepang dan akhirnya Majlis Daerah Hulu Selangor. Sekian.

TUAN SPEAKER : Kuala Kubu Baharu

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG : Terima kasih Tuan Speaker. Saya nak bertanya kepada Yang Berhormat EXCO, perbelanjaan yang dibelanjakan pada tahun 2018 adalah sebanyak RM 900 ratus ribu lebih untuk Hari Tanpa Kenderaan. Adakah angka ini terlalu tinggi atau pun rasa munasabah untuk kita meningkatkan kesedaran mengurangkan karbon di Bandar?

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Terima kasih soalan tambahan daripada Yang Berhormat Kuala Kubu Baru. Untuk makluman Yang Berhormat, penganjuran Program Tanpa Kenderaan ini bukan setakat kita memberi kesedaran kepada penduduk atau rakyat. Tapi kita juga masukkan semua program-program yang kita anjurkan termasuk banyak program-program sampingan. So kosnya adalah lebih kurang RM30,000.00

19 MAC 2019 (SELASA)

satu program. So saya memang mengakui kos yang terlibat memang ada sedikit lebih tapi kita buat pertama kali mengadakan kempen ini untuk memberi kesedaran kepada rakyat tentang bertapa pentingnya kita kurangkan menggunakan kenderaan. So saya rasa untuk di Majlis Bandar raya Shah Alam, kita telah pun buat *track bicycle*. Kita telah pun ada kan *public transport*. Dan kita menggalakkan rakyat/penduduk supaya kurangkan gunakan kenderaan sendiri. Kita menggalakkan supaya mereka *car pole* pergi ke kerja. Dan juga kita menggalakkan mereka kalau boleh menggunakan *public transport*. Kita menggalakkan. Dan juga kalau boleh kita kayuh *bicycle* pergi kerja. Itu lah yang kita targetkan di Selangor ini. Sekian.

TUAN SPEAKER : Sijangkang.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Soalan pertama saya ialah apakah kayu ukur yang digunakan kejayaan kepada Program Hari Tanpa Kenderaan ini terutamanya dalam mengurangkan kandungan karbon di Bandar. Dan adakah satu pemantauan atau pun pemerhatian dibuat berapa ramai pengguna-pengguna yang menggunakan basikal yang menggunakan *track basikal* yang disediakan ini. Atau pun ini sebagai satu tindakan yang akhirnya dilihat sebagai satu pembaziran. Dengan peruntukan yang digunakan tetapi tidak ada pengguna yang seperti mana kita hasratkan. Terima kasih.

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Untuk makluman Sijangkang, ya. Kita ada pantau. Tapi untuk program yang kita jalankan ini memang sambutan amat bagus. Di Shah Alam ini yang datang untuk menyertai program ini sebanyak lebih 2000 orang. Sebab itulah kita nak bagi kesedaran kepada rakyat. So saya rasa program ini, bukan kita boleh nampak kesannya satu dua hari ini. Kita nak satu program yang panjang ini memupukkan kesedaran kepada rakyat supaya kurangkan guna kenderaan. Sebab itulah kita akan pantau dari semasa ke semasa. Kita akan pantau setiap PBT supaya mereka buat program ini dengan cara yang lebih jimat. Iaitu fokus kepada rakyat, fokus kepada program untuk kita kurangkan aktiviti terutama kenderaan untuk mengurangkan karbon level di Bandar raya.

TUAN SPEAKER : Sungai Burung.

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan tambahan saya ialah apakah bentuk-bentuk program yang diadakan bagi melaksanakan Program Hari Tanpa Kenderaan ini dan kita tahu dan saya sebenarnya menyokong usaha-usaha untuk kita kalau boleh mengurangkan penggunaan kenderaan di jalan raya di samping kita menggalakkan masalah kesesakan lalu-lintas dan masalah pencemaran. Tapi sebenarnya adakah langkah-langkah ini akan memberikan pilihan kepada mereka. Jadi saya ingin tahu apakah bentuk-bentuk program yang telah dilaksanakan ini. Dan bagaimana kita nak pastikan Kerajaan Negeri pastikan pihak PBT ini dapat memberikan pelaksanaan program ini yang memberikan kesan. Kalau boleh bukan saja bentuk program *ad-hock* tetapi boleh menjadi program jangka panjang yang menggalakkan. Akhirnya rakyat akan mengurangkan penggunaan kenderaan.

19 MAC 2019 (SELASA)

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Terima kasih Yang Berhormat Sungai Burung. Untuk Program Tanpa Kenderaan ini kita juga selitkan program-program lain yang saya rasa fokus kepada tentang program ini kita ada anjurkan program PJ *Smart Ride*, so ini merupakan satu program yang mana kita menggalakkan rakyat menggunakan bicycle. So yang kedua, kita mengadakan *paper work* atau acara sampingan untuk kita menggalakkan orang untuk jalan so yang ini kedua. Telah banyak program yang kita selitkan dan yang penting program itu kita menggalakkan mereka datang ini mereka park kenderaan mereka jauh, 1 km atau 2 km mereka terpaksa jalan masuk ke program tapak program itu. So kita menggalakkan ini supaya mereka sedar di mana kita menggalakkan penduduk kita, rakyat kita supaya mereka pergi kerja gunakan *public transport* dan juga menggalakkan mereka guna *bicycle*. Ya tentang *bicycle* memang di Malaysia ini susah kerana panas so hujan tapi kalau bandingkan negara luar ini mereka suka *bicycle* kerana cuaca yang sederhana. Tapi di Malaysia ini kita akan menggunakan di mana untuk di masa akan datang kita akan menggunakan *electric bike* ataupun elektrik motor yang di mana lebih mesra alam, kita kurangkan gunakan *motorbike* atau kenderaan. So untuk masa akan datang kita akan menggalakkan orang gunakan *electric car*. So inilah merupakan program-program pada masa akan datang. So saya harap YB Sungai Burong juga memainkan peranan untuk sama-sama kita menggalakkan penduduk dan rakyat untuk guna tanpa guna kenderaan pada masa akan datang. Sekian.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Penjelasan sedikit sebab saya tak cukup jelas.

TUAN SPEAKER : Cukuplah YB saya bagi Bukit Melawati.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Sebab saya memberikan teguran yang baik Speaker, saya pun ada basikal dan saya pun sama-sama. Tapi saya nak minta penjelasan kita nak orang berbasikal

TUAN SPEAKER : Sudah cukup dah saya tak benarkan. Sila duduk. Sila duduk.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Penting atau tidak program ini.

TUAN SPEAKER : Tidak-tidak sila duduk. Minta lagi sila duduk. Habis masa saya nak bagi kepada Bukit Melawati. Saya dah bagi tadi dah, kenyataan dah panjang.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Kalau tidak program itu saya tak jelas.

TUAN SPEAKER : Duduk-duduk memang tak jelas. *Confused* ya. Bukit Melawati silakan.

Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI : Terima kasih Tuan Speaker soalan saya nombor 5.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI
(N10 BUKIT MELAWATI)

TAJUK : PROGRAM BLUE PRINT MEMBASMI KEMISKINAN

5. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah penerima bantuan *Blueprint* bagi DUN Bukit Melawati;
- b) Bagaimanakah prestasi dan kejayaan program *Blueprint* setakat ini dan bagaimanakah program ini dapat membantu membasmi kemiskinan.

JAWAPAN:

a) Sepertimana semua sedia maklum, Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan merupakan salah satu daripada usaha Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Pemberdayaan dan Pembangunan Sosio Ekonomi. Program ini bertujuan untuk meningkatkan taraf ekonomi melalui penjanaan/ peningkatan pendapatan bagi golongan masyarakat/ individu yang berpendapatan di bawah RM1,500.00 sebulan atau pendapatan seisi rumah di bawah RM3,000.00 terutamanya melibatkan peniaga-peniaga kecil menerusi pemberian bantuan peralatan/ mesin berdasarkan perusahaan yang sedang dijalankan.

Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan adalah program bantuan yang dilaksanakan mengikut daerah di mana borang permohonan perlu dikemukakan ke Pejabat Daerah/Tanah untuk diproses. Berdasarkan rekod, jumlah permohonan yang diluluskan dan telah berjaya menerima mesin/ peralatan bagi daerah Kuala Selangor dari tahun 2012 hingga 2018 Oktober adalah sebanyak 200 orang.

b) Pada tahun 2018, satu Kajian Penilaian Impak melibatkan Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan, Program Dana Usahawan Mikro (DUMS), Program Pinjaman Mikro kredit Perniagaan Hijrah Selangor dan Penggerak Belia Tempatan dalam Pembangunan Generasi Muda Selangor (PeBT) telah dilaksanakan oleh Institut Darul Ehsan (IDE).

Bagi Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan sejumlah 1171 penerima bantuan telah digunakan sebagai sampel di dalam kajian impak ini. Hasil dapatan kajian tersebut telah menunjukkan bahawa 87% iaitu seramai 1019 daripada 1171 orang penerima bantuan telah berjaya meningkatkan pendapatan selepas menerima bantuan mesin/ peralatan daripada Kerajaan Negeri. Manakala hanya 13% iaitu seramai 152 sahaja mencatatkan tiada peningkatan.

19 MAC 2019 (SELASA)

Merujuk kepada Laporan Akhir Kajian Penilaian Impak Program Bantuan Blueprint Pembasmian Kemiskinan, majoriti responden dari kalangan penerima Program Bantuan Blueprint Pembasmian Kemiskinan iaitu 95% bersetuju bahawa bantuan mesin/ peralatan yang diterima telah berjaya membantu meningkatkan pendapatan bulanan mereka.

Berdasarkan kajian yang telah dilaksanakan ini, terbukti Program Bantuan Blueprint Pembasmian Kemiskinan telah memberikan impak yang positif kepada rakyat Selangor khususnya di dalam membasmikan kemiskinan.

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Pelabuhan Klang.

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI : Terima kasih Y.B. Tuan Speaker dan juga terima kasih ke atas penjelasan yang dibuatkan oleh EXCO yang membasmikan kemiskinan. Soalan saya kepada Y.B. EXCO, adakah Y.B. EXCO akan menambah baik lagi program-program Blueprint ini Y.B. EXCO untuk menambah lagi dana bagi program Blueprint ini sebab di kawasan Pelabuhan Klang saya lihat mana-mana masyarakat ataupun rakyat yang menerima bantuan Blueprint ini memang ternyata berkesan dan berjaya menambahkan pendapatan mereka dan..

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat ringkaskan. Soalan tambahan *straight forward*. Jangan buat kenyataan.

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI : Itulah soalan dia adakah Yang Berhormat akan buat tambahan.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN : Terima kasih Port Klang. Keprihatinan anda sejak program ini diperkenalkan sejak 2003 dia memang 2 juta sampai sekarang. Saya memang telah membawa perkara ini dalam UPEN agar memang bantuan untuk pembasmian kemiskinan melalui program Blueprint ini perlu ditingkatkan telah saya unjurkan kepada UPEN sekalipun.

Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Bukit Melawati.

Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI : Terima kasih Y.B. EXCO. Saya ingin tahu beberapa kekerapan mesyuarat ataupun *sitting* oleh pihak kerajaan negeri ataupun pihak Y.B. EXCO bagi meluluskan sesuatu permohonan ini kerana saya difahamkan hanya 2 kali setahun dan ia mengambil masa yang agak panjang kerana kita terima permohonan agak kerap dan setiap bulan jadi tempoh saya ingin tahu juga *time frame* di pihak yang telah ditetapkan dalam SOP bagi menyelesaikan permohonan ini. Terima kasih.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN : Terima kasih Yang Berhormat Bukit Melawati. Tuan Speaker, seperti sedia maklum tadi dengan jawapan apa itu soalan daripada Port Klang tadi. Dana yang adalah RM2 juta, ya bantuan Blueprint

19 MAC 2019 (SELASA)

pembasmian kemiskinan pada awalnya saya cuba membawa program apa itu mesyuarat sekerap yang mungkin tapi disebabkan dana itu adalah *limited* apa itu terhad maka telah dikatakan hanya 2 kali setahun tapi itu pun 2 kali setahun. Memang ada berdasarkan kepada program-program sekiranya ada permohonan yang terdesak, memang saya minta PTD, Pejabat Tanah dan Daerah supaya program permohonan terdesak itu di bawa terus kepada UPEN dan seterusnya saya boleh membuat kelulusan. Program ini akan ada satu kajian, bukan kajian yang diselidik daripada Pejabat Tanah itu sendiri lepas buat permohonan dia kena buat satu kajian di bawah Pejabat Penghulu, Pejabat Tanah. Mereka perlu adakan menyediakan kertas-kertas semua itu, mengambil masa yang agak lama. Mungkin dalam masa 3 hingga 4 bulan. Lepas itu, baru mereka membawa kepada UPEN. So, daripada permohonan itu memang ambil masa yang begitu lama. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Kampung Tunku.

Y.B. PUAN LIM YI WEI : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya nombor 6.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. PUAN LIM YI WEI (N35 KAMPUNG TUNKU)

TAJUK : USAHAWAN BELIA DAN WANITA

6. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk membangunkan usahawan belia dan wanita?

JAWAPAN:

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL :

- a) Saya ingin menyatakan di sini, pada masa ini Kerajaan Negeri di bawah Pembangunan Usahawan Negeri Selangor melaksanakan inisiatif secara holistik dan tiada pengkhususan kategori. Iaitu sama ada kategori belia ataupun apa ini wanita. Namun ia adalah signifikan untuk diterokai dan telah pun mula dibincangkan seawal bulan Januari ini bilamana kita lihat ada potensi kalau kita memfokuskan kategori pembahagian ataupun pembangunan usahawan ini, *approach* yang berbeza yang dibuat kepada belia dan wanita. Lagi-lagi setelah kita lihat bila kerajaan negeri telah melaksanakan kajian impak ke atas beberapa inisiatif di bawah inisiatif penduduk Peduli Rakyat yang berkaitan dengan keusahawanan. Jadi kita lihat penglibatan usahawan belia dan wanita adalah wajar untuk diberi fokus memandangkan golongan ini agak besar. Ia merupakan penerima-penerima semua bantuan-bantuan di bawah program usahawan. Jadi kajian yang kita buat itu adalah berkaitan ataupun bersangkutan dengan kajian

19 MAC 2019 (SELASA)

dana usahawan mikro, *Blueprint* dan juga HIJRAH. Jadi ingin saya katakan di sini, pada dewan yang mulia bahawa untuk belia program yang akan diberi fokus adalah pembangunan belia yang akan bermula dengan siri jelajah usahawan Selangor yang akan dimulakan pada bulan 4, bulan depan di mana kerajaan negeri telah pun menetapkan salah satu fokus adalah di mana usahawan belia ini akan diberikan secara pengkhususan dialog secara berdepan dengan semua agensi kerajaan untuk memikirkan apakah sebenarnya program-program yang boleh kita tambah nilai kepada program usahawan mereka, terutama bagi membuatkan pendedahan kepada mereka tentang elemen-elemen industri 4.0 ataupun 4.0 yang wajar diketengahkan kepada belia-belia. Begitu juga, pada bulan lepas sebenarnya PJ *Start Up* yang telah pun Kampung Tunku sendiri ya Yang Berhormat Kampung Tengku sendiri mulakan satu usaha yang saya nampak begitu baik dengan kerjasama ini sebenarnya kita telah pun memberi ruang kepada belia-belia. Namun untuk pembangunan wanita saya lihat apa yang telah pun dimulakan oleh Jawatankuasa Tetap Wanita dengan memfokuskan beberapa inisiatif usahawan itu akan diambil maklum oleh pihak STANDCO ataupun jawatankuasa usahawan untuk memastikan program ini kesinambungannya akan diambil oleh Jawatankuasa Usahawan untuk memastikan usahawan wanita ini berfokus dan terus akan ditingkatkan dari satu tahap ke tahap. Sekian, itu sahaja Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Permatang.

Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN : Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya nombor 7.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN (N09 PERMATANG)

TAJUK : PASUKAN IKATAN DESA

7. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
 - a) Berapakah peruntukan yang akan disalurkan kepada Pasukan Ikatan Desa pada tahun 2019?
 - b) Sekiranya ada, siapakah yang bertanggungjawab membelanjakan peruntukan tersebut?
 - c) Apakah insentif kebijakan kepada petugas keselamatan tersebut?

JAWAPAN:

19 MAC 2019 (SELASA)

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Terima kasih Permatang. Permatang bertanyakan tentang peruntukan yang disalurkan kepada Pasukan Ikatan Desa pada tahun 2019. Yang Berhormat sekalian, ingin saya maklumkan pada 2019 Kerajaan Negeri telah pun memperuntukkan sebanyak RM1.5 juta untuk digunakan bagi pembangunan modal insan termasuk latihan dan pembekalan peralatan- yang dirasakan perlu dan relevan kepada pasukan ini. Walaupun pasukan ini tidak lagi dinamakan Pasukan Ikatan Desa namun program yang ada itu diteruskan memandangkan ia amat perlu, untuk soalan yang seterusnya, Permatang bertanya tentang tanggungjawab siapakah yang bertanggungjawab untuk membelanjakan peruntukan ini, maka ingin saya nyatakan peruntukan ini dikawal selia oleh unit Pembangunan Luar Bandar Desa dan Kampung Tradisi di bawah UPEN tetapi ia nya dibelanjakan secara tatacara kewangan yang telah ditetapkan yang berkuat kuasa, yang telah dikuatkuaskan dan perlulah dipatuhi supaya perbelanjaan dilakukan kelak tidak bermasalah. Kalau saya boleh terangkan sedikit iaitu program ini di bawah seliaan UPEN tetapi di bawah Jawatankuasa Biro Keselamatan (MPKK) merupakan individu ataupun Jawatankuasa yang akan bertanggungjawab merupakan pelaksana kepada program ini. Seterusnya Permatang bertanya tentang apakah insentif kebajikan kepada petugas keselamatan yang telah pun ditubuhkan ini. Jadi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar Desa dan Kampung Tradisi telah berbincang dan akan melebar besarkan lagi skopnya. Jadi kita lihat bila skopnya lebih besar bukan sahaja kita memandangkan insentif di dalam konteks kebajikan tetapi kita lihatkan peranan yang dimainkan oleh Ikatan Desa dulunya dinamakan Nadi Desa itu telah pun dilebarkan iaitu daripada memberikan hanya semata-mata untuk isu keselamatan di kampung, tetapi sekarang dilebarkan untuk merupakan sebenarnya satu jawatankuasa yang merupakan dipanggil *respond team* dengan izin. Iaitu awal sebelum sesuatu agensi yang terlibat itu turun ke padang. Maknanya kita telah pun mula melebarkan ke skopnya iaitu selain daripada PDRM, Bomba, NADMA, kita juga akan memberikan tugas fokus akan dilebarkan bagi memastikan mereka ini juga merupakan individu yang diberikan kemahiran dalam konteks paramedik dan sebagainya. Tetapi untuk inisiatif yang disebut buat masa ini dan peruntukan program-program pelaksanaan selain daripada barang-barangan untuk memulakan program di peringkat kampung tetapi inisiatif ini telah pun sebagaimana yang saya umumkan dalam Dewan Undangan ini iaitu selari dengan pengumuman yang dibuat oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat iaitu semua pekerja sosial ini akan diberikan lindungan sama ada perlindungan keselamatan dan juga dalam konteks perlindungan insurans. Jadi saya mencadangkan kepada pihak Kementerian supaya program ini juga mengambil kira Nadi Desa untuk menjadikan individu atau pekerja sosial ini dimasukkan sebagai salah satu program yang boleh mendapat perlindungan ini. Sekian, terima kasih.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Sijangkang.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih Tuan Speaker. Kerajaan Negeri sebelum ini telah membelanjakan dengan jumlah yang agak besar untuk membeli peralatan-peralatan untuk membekalkan peralatan kepada program Ikatan

19 MAC 2019 (SELASA)

Desa ini. Tadi disebutkan bahawa peruntukan RM1.5 juta itu sebagainya membeli peralatan-peralatan. Apakah status peralatan-peralatan yang telah disediakan Kerajaan Negeri sebelum ini. Terima kasih.

Y.B. RODZIAH BINTI ISMAIL : Terima kasih YB Sijangkang. Seperti mana kita sedia maklum tahun lepas ataupun awal tahun lepas, satu program RM1.5 juta ini telah pun dibelanjakan untuk membeli peralatan untuk semua pasukan Ikatan Desa dan setelah ia dibuat audit ia ada boleh dikatakan kesemua 80% dalam keadaan masih ada, telah pun diinventorikan oleh Pejabat Daerah tetapi dalam 20% itu ada beberapa kes yang kadang-kadang berlaku kecurian dan juga tidak dipulangkan semula pun ada, tetapi saya tidak dapat berikan perincian kepada Yang Berhormat tetapi *insyaallah* saya akan bekalkan tetapi apa pun statusnya ianya kita *keep tracking* ataupun kita masih mengambil pengetahuan untuk kita inventori kan tetapi bagi mereka yang telah pun tidak mempunyai barang ini kita akan menyediakan satu dana baru untuk memastikan ia dapat, pasukan ini dapat mempunyai peralatan yang lengkap bagi mengoperasi keselamatan kampung. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Hulu Bernam.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Terima kasih Speaker. Saya ingin bertanya kepada EXCO berapa banyak kah kampung yang telah mempunyai pasukan Ikatan Desa di Negeri Selangor. Terima kasih.

Y.B. RODZIAH BINTI ISMAIL : Terima kasih Hulu Bernam. Kalau mengikut kepada jumlah kampung kita ada 371 kampung. Jadi di bawah kampung ini perlu membuka atau perlu mewujudkan biro keselamatan ini, jadi secara *direct* ini boleh saya menyatakan semua kampung sebenarnya akan ada ataupun telah ada biro ini ataupun Ikatan Desa ini. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Saya silakan Subang Jaya.

Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan Subang Jaya nombor 8.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE (N31 SUBANG JAYA)

TAJUK : PEMBUNANGAN SISA KE DALAM LONGKANG

8. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah dasar Kerajaan Selangor untuk menyelesaikan masalah pembuangan sisa oleh peniaga-peniaga (terutamanya peniaga restoran) ke dalam longkang?

19 MAC 2019 (SELASA)

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Tuan Speaker, bagi menyelesaikan masalah pembangunan, pembuangan sisa oleh peniaga-peniaga khususnya peniaga restoran ke dalam longkang setiap Pihak Berkuasa Tempatan telah menetapkan dalam syarat permohonan lesen perniagaan iaitu peniaga wajib menyediakan perangkap minyak (*grease trap*) sebelum sesuatu lesen perniagaan diluluskan selaras dengan Peruntukan 20 Undang-undang Kecil Pelesenan Establismen Makanan 2007.

PBT juga boleh menjalankan tindakan penguatkuasaan kompaun di bawah peruntukan Seksyen 47, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) iaitu meletakkan debu atas jalan dan sebagainya.

Bagi tindakan pengawalan, PBT sentiasa menjalankan pemantauan secara berkala terhadap pengusaha-pengusaha restoran khususnya melalui pemeriksaan/penggredan premis makanan bersama Pejabat Kesihatan Daerah. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Subang Jaya.

Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE : Tuan Speaker, soalan tambahan. Adakah kerajaan Negeri mempunyai rancangan untuk mendirikan satu pasukan atau pasukan pemantauan rendah yang berjadual dan lebih kerap di setiap PBT untuk menguatkuasakan undang-undang sedia ada. Terima kasih.

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Pasukan pemantauan memang telah wujud di setiap PBT di mana Jabatan Kesihatan ataupun Jabatan Pelesenan akan membuat pemantauan selalu di semua premis makanan. Oleh itu tadi dalam jawapan saya, saya telah menjawab melalui pemeriksaan dan penggredan premis. Jadi gred tu akan dibuat setiap tahun.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Sungai Burong.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Terima kasih Tuan Speaker kerana memberi peluang untuk membuat soalan tambahan. Saya ingin bertanya dengan Yang Berhormat EXCO adakah bersetuju bahawa keadaan masalah pembuangan sisa-sisa perniagaan ini terutama dalam restoran-restoran ini adalah memang terlalu buruk keadaannya di kawasan-kawasan dalam PBT di negeri Selangor dan adakah kalau Yang Berhormat setuju adakah langkah-langkah yang lebih konkret perlu dilaksanakan sekarang untuk memastikan bahawa negeri Selangor ini bersih dan indah dan memberikan fokus kepada kawasan-kawasan perniagaan terutamanya restoran yang memang kita dapat masih lemah dalam pembuangan di dalam kawasan longkang. Makanan-makanan yang dimasak yang telah sisa *direct* terus kepada longkang dan saya boleh katakan kalau kita pergi lah ke kawasan-kawasan restoran terutamanya kita nampak memang di belakangnya, di depan nampak cantik dan indah, dihiasi dengan macam-macam tetapi bila kita pergi ke belakangnya dengan longkang busuk dan mencemarkan.

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Terima kasih Sungai Burong. Ia memang menjadi fokus utama bagi Kerajaan Negeri Selangor untuk memastikan semua premis makanan dalam keadaan yang sihat dan bersih. Dan seperti apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Sungai Burong tadi kita memang tidak membentarkan sisa makanan tu terus masuk ke dalam longkang. Oleh itu satu syarat yang ditetapkan adalah semua premis restoran perlu ada *grease trap* sebelum lesen perniagaan diberikan dan untuk makluman Yang Berhormat satu tindakan penguatkuasaan yang lebih dristik telah bermula di negeri Selangor untuk memeriksa semua restoran termasuk restoran mamak dan juga restoran makanan yang lain yang telah bermula dan banyak bilangan yang banyak restoran telah disemak atau diperiksa oleh PBT-PBT. Dan tindakan ini akan diteruskan untuk memastikan semua premis makanan dalam keadaan yang bersih dan sihat.

TUAN SPEAKER : Sabak.

Y.B. TUAN AHMAD MUSTAIN BIN OTHMAN : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya nombor 9.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN AHMAD MUSTAIN BIN OTHMAN
(N02 SABAK)**

TAJUK : MASALAH PERTANIAN

9. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mengapa hasil padi masih gagal melepas sasaran yang ditetapkan oleh jabatan? Adakah perlu tindakan kepada petani yang tidak mematuhi S.O.P yang ditetapkan oleh jabatan?
- b) Perlukah pentadbiran (PPK) yang gagal berfungsi untuk dirombak semula?
- c) Apakah tindakan sekiranya petani menghadapi masalah benih?

Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM : Terima kasih Ahli Yang Berhormat Sabak yang bertanyakan soalan mengenai masalah pertanian di Sabak. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian dan Agensi Persekutuan IDA Barat Laut sentiasa berusaha membantu para petani untuk meningkatkan hasil padi. Antara langkah utama yang diambil ialah menggalakkan petani mengikut kaedah SOP *Rice Check* ataupun prosedur Semakan Penanaman Padi dan juga menggalakkan para petani mendapatkan pensijilan My GEF (*My Good Engineering Practice*) ataupun pertanian supaya hasil padi dapat dipertingkatkan mengikut sasaran.

Soalan bahagian (b) berhubung dengan fungsi Pertubuhan Peladang Kawasan. Sebarang pindaan dan rombakan kepada pengurusan Pihak Pertubuhan Peladang

19 MAC 2019 (SELASA)

Kawasan boleh dibuat melalui Lembaga yang menguruskan perjalanan atau pengurusan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan pihak LPP sedia menerima sebarang cadangan atau rombakan kepada maklum balas daripada pihak-pihak yang berkenaan.

Dan yang bahagian (c) tentang masalah benih padi yang dihadapi oleh para petani boleh membuat aduan terus kepada Bahagian Industri Padi dan Beras di bawah Kementerian Pertanian dan Asas Tani ataupun melalui Jabatan Pertanian di peringkat daerah atau negeri ataupun melalui IDA Barat Laut itu sendiri. Sekian.

TUAN SPEAKER : Sabak.

Y.B. TUAN AHMAD MUSTAIN BIN OTHMAN : Yang Berhormat EXCO soalan tambahan saya. Tidak adakah cadangan untuk menyatukan tanah-tanah sawah untuk diurus oleh Koperasi atau PPK bagi memudahkan kawalan penyakit padi kerana antara sebab mengapa pengawalan penyakit padi tidak berkesan kerana ada sebahagian petani yang tidak mengikut SOP yang ditetapkan oleh Jabatan Pertanian. Saya minta ada cadangan untuk disatukan tanah-tanah sawah supaya memudahkan kawalan penyakit padi. Terima kasih.

Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM : Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya kita telah berbincang dan juga telah mengadakan siri perbincangan dan dialog dengan Kementerian Pertanian dan juga Menteri Pertanian berhubung isu-isu berkaitan masalah hasil yang rendah di kawasan padi kita di barat laut dan memang antaranya cadangan yang dibincangkan ialah berhubung dengan tanah-tanah sawah yang makin kecil, apabila dibahagi-bahagikan negeri kecil dan ada usaha dan cadangan supaya dapat kita bentuk satu gugusan ataupun satu konsortium bagi menyatukan pengurusan sekurang-kurangnya penanaman itu dapat dibuat dengan baik dan memang ada tempat yang berjaya menyatukan atau menghimpunkan secara blok tanah-tanah ini termasuklah di Simpang Lima di bawah koperasi yang menguruskan lebih kurang 500 hektar. Jadi ini sebenarnya boleh membantu kerana dengan sawah, kawasan yang lebih luas dapat dilaksanakan langkah-langkah yang lebih konkrit dan ekonomik. Ini yang sedang di teliti dan kita memang ada cadangan untuk melaksanakan kawasan-kawasan sawah ini disatukan di bawah pengurusan yang sama untuk meningkatkan hasil tetapi Yang Berhormat Sabak perlu faham juga bahawa masalah padi hasil ini bukan sahaja isu tanah-tanah sawah yang kecil ada banyak lagi masalah lain yang sedang kita teliti dan ia berkait rapat dengan SOP penanaman itu sendiri. Kalau kita dapat laksanakan prosedur penanaman padi ini dibuat dengan betul dan cara yang sistematik, risiko untuk masalah penyakit atau hasil yang kurang itu dapat dikurangkan. Jadi ini yang kita cuba galakkan melalui kursus-kursus dan juga kesedaran dan juga bimbingan, khidmat bimbingan dari Jabatan Pertanian dan agensi berkaitan kita cuba bantu para petani kita supaya memahami bahawa dia kena mengikut prosedur penanaman yang betul untuk menjamin hasil yang lebih baik. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Pelabuhan Kelang.

19 MAC 2019 (SELASA)

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI : Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Soalan saya nombor 10.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI
(N46 PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : RUMAH SELANGORKU

10. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :-

- (a) Apakah perkembangan terkini dan jumlah pembinaan rumah Selangorku daripada tahun 2016 sehingga kini mengikut mukim?
- (b) Berapa ramai pemohon rumah Selangorku yang masih belum berjaya mendapatkan rumah Selangorku?

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Terima kasih kepada Yang Berhormat Pelabuhan Klang yang ingin tahu tentang perkembangan pembinaan rumah Selangorku. Untuk makluman Yang Berhormat bermula dari tahun 2016 sehingga 28 Februari 2019, Secara keseluruhan sebanyak 114 projek (**57,710 unit**) Rumah Selangorku (RSKU) telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN). Sehingga 28 Februari 2019, sebanyak 3 projek (**888 unit**) RSKU telah siap dibina dan telah diserahkan kunci. Manakala sebanyak 21 projek (**11,396 unit**) RSKU sedang dalam pembinaan dan baki sebanyak 90 projek (**45,426 unit**) RSKU masih dalam perancangan. Perincian mengikut mukim yang ada kat saya mungkin saya hanya bacakan yang berkaitan dengan Pelabuhan Klang sahaja iaitu di Mukim Klang, ada 9 projek melibatkan sejumlah 5,898 unit. Yang selebihnya saya akan bekalkan Pelabuhan Klang ya. Kemudian Pelabuhan Klang juga ingin tahu berapa Selangorku yang belum dapat unit rumah Selangorku. Jadi sehingga 1 Mac 2019, jumlah pemohon RSKU yang masih belum berjaya mendapatkan rumah adalah seramai 123,352 pemohon.

TUAN SPEAKER : Balakong.

Y.B. PUAN WONG SIEW KI : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya nombor 10. Terima kasih. Sorry nombor 11.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN WONG SIEW KI
(N27 BALAKONG)**

TAJUK : PROGRAM JOM SHOPPING

11. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Program *Jom Shopping* sukar dilaksanakan kerana syarat-syarat yang ketat dan cara perlaksanaan yang menyusahkan rakyat. Apakah pembaikan yang akan dirancang oleh Kerajaan Negeri?
- b) Adakah kerajaan akan menimbangkan cara mengagihkan kupon beli-belah kepada rakyat sebaik sahaja mereka berjaya membuat pendaftaran?

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN : Tuan Speaker, Program Pemberian Bantuan secara baucar kepada fakir miskin sempena perayaan atau lebih dikenali sebagai Program *Jom Shopping* merupakan program bantuan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri sejak tahun 2012 melalui Jawatankuasa Tetap Pemberdayaan Dan Pembangunan Sosioekonomi. Program ini bermatlamat meringankan beban keluarga yang kurang berkemampuan dalam membuat persiapan menyambut perayaan. Melalui program ini setiap keluarga yang kurang berkemampuan berpeluang membuat pembelian barang keperluan bernilai RM100 di pasar raya terpilih bersempena tiga perayaan utama iaitu Tahun Baru Cina, Hari Raya Aidilfitri dan Deepavali dengan peruntukan berjumlah RM8.4juta dan sasaran tahunan seramai 84 ribu orang penerima manfaat. Dengankekangan kewangan yang terhad peruntukan yang sedia ada perlulah dibahagikan dengan adil dan saksama. Bagi Program *Jom Shopping* setiap DUN akan menerima sejumlah baucar di antara 300 unit hingga 800 unit mengikut kepada kepadatan pengundi di sesuatu DUN berkenaan. Oleh yang demikian, sejak tahun 2013 hingga 2018 beberapa kriteria penerima manfaat telah ditambah baik dan kriteria-kriterianya adalah seperti berikut :-

- i. Penerima bantuan adalah masyarakat yang menyambut perayaan berkenaan.
- ii. Penerima bantuan adalah daripada pendapatan seisi rumah RM1500 dan ke bawah
- iii. Penerima bantuan mestilah pengundi berdaftar di DUN berkenaan
- iv. Hanya seorang penerima bantuan sahaja yang layak menerima baucar bagi setiap keluarga.
- v. Penerima bantuan bukanlah penerima manfaat di bawah Program Kasih Ibu Smart Selangor

Pada tahun 2012 bantuan berbentuk hamper telah diperkenalkan khusus untuk membantu mengurangkan bebanan golongan miskin dalam menyambut perayaan Hari Raya Aidilfitri dan Deepavali. Namun dengan cara pengagihan hamper selepas permohonan, pemohon membuat pendaftaran banyak permasalahan telah dikenal pasti antaranya adalah permasalahan dari segi penghantaran, ruang penyimpanan Pusat Khidmat DUN yang terhad. Prosedur pendaftaran yang tidak teratur dan tiada kriteria khusus yang ditetapkan. Oleh yang demikian pada tahun 2013 kerajaan negeri telah membuat penyamarataan dengan mewujudkan bantuan perayaan secara baucar yang pernah digunakan untuk Tahun Baru Cina. Dalam memastikan ketulusan dalam menyalurkan bantuan, kerajaan negeri telah menetapkan prosedur baru di mana

19 MAC 2019 (SELASA)

penerima bantuan perlu mendaftarkan diri di Pusat Khidmat DUN dan penerima yang layak serta mengikut kriteria yang telah ditetapkan akan membuat pembelian barang di dalam bentuk baucar di dalam pasar raya yang terpilih. Oleh yang demikian kerajaan negeri melihat prosedur dan kriteria semasa yang telah ditetapkan adalah cara pelaksanaan yang terbaik pada masa ini.

TUAN SPEAKER : Teratai

Y.B. TUAN LAI WAI CHONG : Terima kasih kepada Tuan Speaker. Adakah kerajaan negeri Selangor mengembangkan cara *direct* kredit kepada bank akaun pemohon untuk menggantikan baucar *shopping*. *Thank you.*

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN : Terima kasih Yang Berhormat Teratai. Itu adalah satu cadangan, saya percaya cadangan tersebut mungkin akan dapat diberi dikaji nanti oleh UPEN. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Hulu Selangor. Eh Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya nombor 12.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB (N18 HULU KELANG)

TAJUK : LANGKAH PEMELIHARAAN PERMATANG KUARZA GOMBAK

12. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah-langkah semasa yang diambil oleh kerajaan bagi memelihara kawasan Permatang Kuarza, Gombak dan melindungi persekitarannya sementara proses pengiktirafan UNESCO diperolehi?

Y.B. DATUK ABDUL RASHID BIN ASARI : Terima kasih Hulu Kelang. Tuan speaker, pihak berkuasa negeri telah melantik pasukan perunding pakar untuk menyediakan kajian sosio Permatang kuarza Gombak Selangor atau PKGS yang terdiri daripada tiga orang pakar iaitu, Yang Berbahagia Datin Paduka Profesor Meretas Siti Zuraina binti Abdul Majid, Pakar Arkeologi Warisan Dan Budaya Dunia. Yang kedua Yang Berbahagia Profesor Meretas Dato' Dr. Abdul Latif bin Muhammad, Pakar Biodiversiti Warisan Alam Semula jadi Dunia. Dan yang ketiga Yang Berbahagia Profesor Dr. Muhammad Shafie Bin Leman, Pakar Geodiversiti Warisan Alam Semula Jadi Dunia. Hasil penemuan kajian sosial PKGS mendapati nilai estetik PKGS adalah tidak terlalu luar biasa atau super *relative* jika dibandingkan dengan tapak-tapak lain. Yang kedua, kajian saintifik penyelidikan penerbitan dan sumber rujukan serta

19 MAC 2019 (SELASA)

maklumat khusus berkenaan kuarza di PKGS masih terlalu terhad. Yang ketiga integriti suatu tapak yang disalurkan sebagai tapak warisan dunia UNESCO perlu berada di tahap tertinggi dan ini amat berkaitan dengan isu pengurusan dan pemeliharaan tapak bagi mengekalkan keaslian kawasan PKGS. Terdapat perubahan kepada keperluan pencalonan di mana sebuah tapak yang ingin dicalonkan sebagai tapak warisan dunia UNESCO perlu menguatkuaskan Conservation Management Plan atau CMP terlebih dahulu sekurang-kurangnya dua tahun. Mesyuarat penyelarasan laporan draf akhir sosio PKGS teknikal bertarikh 12 Disember 2018 memutuskan tapak PKGS masih belum bersedia untuk dicalonkan sebagai tapak warisan dunia UNESCO. Walau bagaimanapun pasukan perunding pakar mendapati PKGS sangat berpotensi sebagai salah satu komponen geosite dalam pembentukan geopark khususnya di Selangor. Tapak geopark ini akan dicadangkan sebagai tapak Geopark Kebangsaan terlebih dahulu sebelum diangkat sebagai tapak Geopark Global UNESCO iaitu pengiktirafan Geopark Global UNESCO adalah kedua tertinggi daripada Tapak Warisan Dunia UNESCO. Untuk makluman Tuan Speaker dan Yang Berhormat, Majlis Tindakan Ekonomi Negeri Selangor, (MTES) yang bersidang pada 21 Februari 2019 telah bersetuju dengan cadangan PKGS sebagai sebahagian tapak geopark kebangsaan. Geopark di definisikan sebagai satu kawasan dengan keluasan bersesuaian mempunyai sempadan yang jelas dan mengandungi beberapa tapak warisan geologi berkepentingan kebangsaan. Serantau atau antarabangsa yang dibangunkan secara lestari ianya adalah untuk meningkatkan tahap ekonomi dan nilai budaya penduduk terutamanya menerusi aktiviti pelancongan. Konsep pembangunan geopark memberikan perhatian kepada keseimbangan tiga aspek utama iaitu kepentingan pemuliharaan sumber ahli khususnya sumber geowarisan, pembangunan infrastruktur untuk pelancongan dan aktiviti sosioekonomi yang menguntungkan masyarakat setempat. Berikut merupakan potensi-potensi sosioekonomi kepada penduduk setempat. Pertama, memperkenalkan produk pelancongan baharu iaitu geopelancongan. Kedua, membuka lebih banyak peluang pekerjaan. Yang ketiga, memasarkan serta mengetengahkan tarikan baru yang berpotensi. Yang keempat, mampu menarik persaraan pelancongan saintis, ahli geologi, pelajar dan pengkaji pelbagai bidang dari seluruh dunia. Yang kelima, menjadikan tapak PKGS lebih terkenal dan membuka ruang pertukaran maklumat dan kerjasama dalam kalangan geopark dunia dalam negara ini. Terima kasih.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Tambahan.

TUAN SPEAKER : Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Adakah berita itu berita sedih? Yang telah disiarkan sebelum ini bahawa tempat itu akan jadi warisan dunia. Satu perebutan kuasa yang sepanjang empat belas ataupun enam belas kilometer ini merupakan satu berita dunia. Jadi bagaimana kerajaan untuk mengambil langkah untuk mengubah imej itu agar tidak dianggap sebagai *second choice, second class* pada satu pembangunan pelancongan pada masa depan?

19 MAC 2019 (SELASA)

Y.B. DATUK ABDUL RASHID BIN ASARI : Seperti yang saya katakan tadi untuk menjadikan kawasan ini sebagai satu warisan dunia ataupun UNESCO ia mestilah mempunyai syarat-syarat yang tertentu yang lebih ketat. Jadi sekiranya syarat-syarat itu tidak dapat dikemukakan kepada warisan UNESCO maka tidak dapatlah ia diubah. Jadi oleh kerana makan masa selama dua tahun, kita terpaksa menjaga kawasan tersebut dengan lebih selamat dan lebih sempurnalah. Dan segala pembangunan yang akan dibuat di kawasan tersebut mestilah mendapat kelulusan daripada Majlis Perbandaran dan juga Jabatan Perancang Bandar.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Saya bantah. Sebagai ADUN Hulu Kelang yang di mana tapak itu berada di DUN Hulu Kelang Gombak. Saya ingat kalau saya, kita pergi ke New Zealand ada 19 tapak warisan dunia. Australia 19 dan sebahagianya belum dibuka lagi. Dan tempat-tempat itu tempat *remote*, sungai pun ada, gunung pun ada, hutan rimba pun ada. Bagaimana mereka adakah *fair*, adakah adil penilaian telah dibuat oleh pasukan itu terhadap warisan yang ada di Malaysia. Kalau ada bantahan boleh tak dibuat bantahan? Petition ke apa?

Y.B. DATUK ABDUL RASHID BIN ASARI : Yang Berhormat, seperti yang saya katakan tadi kawasan ini memanglah kita sediakan untuk pusat pelancongan dan juga disediakan supaya ia menjadikan tarikan pelancongan terutama di negeri Selangor dan seperti Yang Berhormat katakan tadi kawasan-kawasan itu memang kita jaga dan memanglah banyak orang yang berminat untuk membangunkan kawasan ini tetapi saya percaya Jabatan Perancang Bandar akan membuat bantahan-bantahan sekiranya ada pembangunan di buat di kawasan tersebut.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Soalan tambahan boleh? Tuan speaker boleh?

TUAN SPEAKER : Hulu Bernam.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Saya ingin bertanya berapa dalam pemulihan tapak ini berapakah belanja untuk mengurus tapak ini dan juga berapa lama tempoh nak dapat pengiktirafan daripada UNESCO ini sehingga.. terima kasih.

Y.B. DATUK ABDUL RASHID BIN ASARI : Buat masa ini kerajaan telah membelanjakan hampir RM500 ribu untuk usaha-usaha untuk mendapatkan maklumat-maklumat dan rancangan-rancangan untuk menjadikan kawasan ini sebagai kawasan warisan UNESCO. Seperti yang saya katakan tadi kita mengambil masa lebih kurang dua tahun untuk menyediakan persediaan-persediaan, dokumen-dokumen, dan juga apa-apalah keperluan yang diperlukan untuk menjadikan kawasan ini sebelum kita bawa kepada warisan dunia UNESCO. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sungai Panjang.

Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Soalan saya nombor 13.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN
(N03 SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : INSTITUSI MAJLIS PENGURUSAN KOMUNITI KAMPUNG (MPKK)

13. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Apakah peranan, tanggungjawab serta tugas khusus MPKK ?
 - Nyatakan jumlah Pengerusi MPKK yang telah dilantik dan yang masih belum dilantik mengikut daerah?

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Terima kasih Yang Berhormat Sungai Panjang. Sungai Panjang banyak bertanya tentang berkaitan dengan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung, MPKK. Izinkan saya menjawab isu yang dinyatakan ataupun ditanya iaitu apakah peranan tanggungjawab khusus yang dimainkan oleh MPKK. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat semua MPKK ataupun singkatan kepada Majlis Pengurusan Komuniti Kampung ini adalah merupakan satu jenama baru daripada JKKK iaitu Jawatankuasa Kampung, Kemajuan dan Keselamatan Kampung yang telah pun diumumkan oleh Jemaah Menteri pada 27 Jun 2018 dengan itu kerajaan Selangor juga telah pun mengambil pengetahuan sehingga pada 19 September 2018 nama MPKK ataupun Majlis Pengurusan Komuniti Kampung ini telah pun diguna pakai di peringkat negeri Selangor. Untuk makluman semua peranan dan tanggungjawab serta peranan khusus MPKK adalah mereka ini merupakan individu yang dilantik oleh kerajaan negeri. Maksudnya pengerusi itu dilantik melalui MMKN dan mereka mempunyai tugas khusus yang perlu dimainkan. Di antaranya adalah untuk melengkapkan jawatankuasa yang terdiri daripada seorang pengerusi, setiausaha dan 11 lagi ahli jawatankuasa yang mana ahli jawatankuasa itu mempengerusikan biro-biro yang ada iaitu biro pembangunan prasarana, biro keselamatan dan kesihatan biro pengurusan kewangan, biro kesejahteraan dan keceriaan, biro pendidikan dan inovasi, biro pemantapan spiritual, biro pemajuan dan kesukarelawan, biro infrastruktur dan komunikasi dan yang akhirnya biro hal ehwal wanita dan keluarga. Dalam masa yang sama komposisi penglibatan ahli-ahli biro ini 30 peratus ini mestilah terdiri daripada wanita. Itu yang disyaratkan oleh kementerian dalam konteks jawatankuasa ataupun organisasi MPKK. Malah MPKK juga berfungsi untuk merancang dan melaksanakan pelan-pelan pembangunan kampung bersama dengan Pejabat Daerah, di mana satu profil kampung telah pun dibangunkan ataupun sistem profil kampung telah dibangunkan maka tanggungjawab MPKK untuk menyediakan profil kampung ini bersama-sama akhirnya tidak ada elemen-elemen dalam profil kampung itu terlepas dan untuk makluman Yang Berhormat, Alhamdulillah di Selangor ini 77 peratus profil kampung daripada 371

19 MAC 2019 (SELASA)

kampung ini telah pun dilengkapkan. Kita akan menyasarkan bulan Jun nanti, insyaallah ianya akan lengkap diperincikan oleh kesemua kampung-kampung.

Satu lagi ingin saya nyatakan di sini peranan MPKK ada dua aspek utama, pertama adalah memfokuskan peningkatan dan kualiti pengurusan kampung maknanya kita fokuskan kepada apa ni mereka yang diberikan tanggungjawab ini untuk diberdayakan diberikan kecekapan itu. Kita bagi latihan, tunjuk ajar dan bagaimana mereka perlu melaksanakan program ini. Dan mereka ini akan dipantau dari masa ke semasa kerana kita tak mahu hanya wujud satu pengurus saja tapi Biro nya tak ada. Ya itu pertama. Yang kedua nya aspek keselamatan iaitu mereka perlu memantau juga ataupun bersama-sama dengan ni untuk melihat keseluruhan program-program dan pelaksanaan untuk peningkatan dan pembangunan kampung bersama-sama dengan rakyat. Jadi untuk jawapan kedua sebenarnya untuk pelantikan Ketua Kampung daripada 371 telah pun dilantik sebanyak 354 yang mana masih kosong ada beberapa 17 kampung. Kekosongan ini disebabkan setelah dilantik ada yang letak jawapan.

Setelah dilantik ada yang sakit juga meletakkan jawatan. Setelah dilantik bila melalui proses-proses apa ni penyiasatan dan sebagai nya ada yang terdiri daripada yang bankrap dan juga yang tidak lepas apa ni siasatan, ataupun ujian keselamatan dan yang benar-benar tidak belum dilantik adalah 9 yang masih lagi dalam proses kerana memandangkan ada faktor-faktor yang tidak dapat apa tu terdapat dilepaskan oleh pihak kerajaan memandangkan sekarang garis panduan itu telah diubah kita cek dulu baru kita terima. Macam dulu kita terima dulu baru kita buat pengesahan itu kita telah murnikan. Jadi untuk pendetailan Petaling 19 telah dilantik 1 belum dilantik. Klang 33 yang telah dilantik 1 kosong. Gombak 33 yang dilantik, 3 kosong. Hulu Langat 61 dilantik, 1 kosong. Sepang 18 dilantik, 1 kosong. Kuala Langat 32 dilantik 2 kosong. Kuala Selangor 53 dilantik 2 kosong. Hulu Selangor 30 dilantik, 3 kosong. Sabak Bernam 72 dilantik dan 4 kosong. Itu saja makluman, sekian terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sungai Panjang.

Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN : Soalan tambahan. Terima kasih Yang Berhormat Speaker dan juga Yang Berhormat Exco. Soalan tambahan saya adalah adakah menjadi satu kewajipan ataupun satu keperluan Pengurus MPKK ataupun Jawatankuasa MPKK ni perlu tinggal dan juga berada di dalam kawasan kampung tersebut. Sebab ada beberapa aduan dan juga rungutan daripada kampung-kampung ini yang nak mencari ataupun nak mengenal pasti di mana Ketua Kampung atau Pengurus MPKK apabila berlaku sebarang bencana ataupun keperluan yang memerlukan kerjasama ataupun tugas MPKK yang telah pun diterangkan tadi. Terima kasih.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Terima kasih Yang Berhormat Sungai Panjang. Memang menjadi dalam garis panduan pelantikan Ketua Kampung mestilah tinggal di dalam kampung atau kawasan jajahannya. Ya, contoh dia tidak duduk dalam kampung itu, tetapi Pengurus kampung itu sebenarnya terlibat juga menjaga ada beberapa tanah-tanah jajahan namanya tanah jajahan ya maknanya kawasan-kawasan

19 MAC 2019 (SELASA)

yang dia perlu ambil bahagian lah di dalam pelantikan itu, jadi syarat dia memang mesti sebab itu di antara kekosongan yang berlaku juga bila kita tengok kampung lain, dia tinggal di kampung lain tetapi dia mohon untuk duduk jadi ketua kampung di dalam satu-satu kampung itu, jadi kita tolak. Ya, Kita tolak. Jadi memang kita hendak ketua kampung itu duduk di kampung tersebut ataupun di sempadan kampung yang ada bila mana kampung-kampung itu berkongsi komuniti yang sama, contohnya ada dua kampung, tiga kampung ni dia kongsi-kongsi, satu masjid, satu balai raya itu dipertimbangkan tapi kalau dia memang dalam kampung itu memang sedia ada semua kelengkapan atau pun keperluan asas kita tidak akan mempertimbangkan kalau tinggal di luar kampung. Terima kasih.

Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Sungai Panjang.

Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN : Terima kasih Yang Berhormat Speaker dan juga jawapan daripada Yang Berhormat EXCO. Tadi Yang Berhormat EXCO ada bercakap tentang pengurusan masjid jugak kerana di dalam kampung-kampung ini mungkin terdapat masjid-masjid di dalam kawasan jajahan Pengerusi MPKK ini dan secara tradisinya Pengerusi MPKK ini akan dilantik sebagai Penasihat masjid tapi dalam waktu yang sama di kawasan saya ada mendapat, saya menerima aduan dan juga rungutan daripada pihak jawatankuasa masjid kerana mereka ada menyatakan bahawa Pengerusi MPKK ini mencampuri urusan eksekutif ahli jawatankuasa masjid sedangkan peranan dan juga tanggungjawab khusus MPKK ini adalah untuk keselamatan, merancang, melaksana pembangunan kampung dan sebagainya tidak termasuk untuk menentukan siapa jawatankuasa masjid dan sebagainya, ia adalah rungutan jadi saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat EXCO.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Yang Berhormat Sungai Panjang buat masa ini saya tidak lagi dapat menerima aduan-aduan sebegini. Jika ada aduan saya tidak ada orang kata tidak ada halangan untuk kita melihat keperluan atau bagaimana ianya perlu diperjelaskan tetapi makluman semua Pengerusi MPKK merupakan penasihat kepada masjid jadi kena ada elemen-elemen kebersamaan itu. Tentang campuran mengambil campur jika masjid ataupun urusan surau-surau yang di bawah kawasan mereka itu dilihat ada perkara-perkara yang bertentangan ataupun program-program yang tidak mengikut garis panduan yang dinyatakan oleh Kerajaan ianya boleh ditegur, tak ada masalah sebab mereka adalah penasihat kepada masjid bukan urusan campur tangan tapi teguran kepada pengurusan masjid dan surau juga perlu diberi jika dilihat ada kesilapan dilakukan. Terima kasih.

Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HJ. HANAFI : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Semenyih.

Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HJ. HANAFI : Terima kasih Tuan Speaker. Saya nak bertanya apakah inisiatif Kerajaan Negeri untuk memastikan MPKK yang baru dilantik

19 MAC 2019 (SELASA)

ini benar-benar dapat membantu rakyat di kawasan atau di kampung masing-masing. Contohnya dari segi peruntukan atau kuasa. Pasal apa yang berlaku di kampung saya iaitu bila nak buat gotong-royong atau kes-kes yang segera lah bila berlaku banjir kilat dan sebagainya dia cakap tak ada peruntukan sedangkan kita di Selangor ni negeri yang maju. Saya rasa ada tak peruntukan khas kepada MPKK ini dapat menyegerakan tindakan contoh seperti atap terbang di angin ribut taufan sebagainyalah kita pertanyaan saya. Terima kasih.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Terima kasih Yang Berhormat Semenyih. Yang Berhormat Semenyih ini dia semangat sikit tapi soalan ini tidak berkaitan dengan soalan saya yang sekarang. Jadi kita PM tepi lepas ni insyaallah. Saya akan *explain*. (Ketawa).

TUAN SPEAKER : Ini tidak berkaitan. Minta maaf ya. Sungai Burong.

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS : Terima kasih Tuan Speaker, akhirnya dapat jugak. Ini pasal bukan apa pasal kawasan saya ini melibatkan kampung-kampung. Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Saya ingin bertanya bagi membolehkan pentadbiran MPKK ini memang memerlukan peruntukan kewangan jadi saya ingin bertanya adakah Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan khusus untuk pentadbiran dan pengurusan MPKK dan juga adakah ahli-ahli MPKK ini dibayar elaun? Kalau ada berapa jumlahnya?

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Ini pun Yang Berhormat Speaker tidak ada kaitan jadi sebenarnya jawapan itu ada khusus saya kena ada persoalan lain atau masuk perbahasan nanti saya jawab.

TUAN SPEAKER : Tak perlu jawab. Tanjung Sepat.

Y.B. TUAN BORHAN BIN AMAN SHAH : Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Soalan saya Soalan No. 14.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA

Y.B. TUAN BORHAN BIN AMAN SHAH

(N54 TANJUNG SEPAT)

TAJUK : KAWALAN HAKISAN DI PANTAI JENGKOK, SUNGAI PELEK, SEPANG

14. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri bagi mengawal hakisan yang berlaku di Pantai Jengkok, Sungai Pelek yang mengakibatkan kerosakan harta benda kepada masyarakat Orang Asli di kawasan tersebut?

Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Ahli Yang Berhormat Tanjung Sepat bertanyakan soalan berhubung dengan kawalan

19 MAC 2019 (SELASA)

hakisan di Pantai Jengkok, Sungai Pelek. Walaupun nama ada Sungai Pelak di sini tetapi di DUN Tanjung Sepat sebenarnya. Jadi untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor (JPS) telah mengemukakan permohonan di bawah peruntukan air pasang besar pada tahun 2017 sebanyak RM80 juta kepada JPS Malaysia. Permohonan berkenaan telah diluluskan dengan anggaran kos RM40 juta yang melibatkan 4 daerah. Iaitu daerah Sabak Bernam, daerah Kuala Selangor, daerah Klang dan daerah Kuala Langat. Malangnya permohonan bagi daerah Sepang tidak diluluskan.

Jadi satu lawatan tapak telah dibuat pada 31 Januari 2019 yang baru ini di mana keadaan hakisan yang teruk di sepanjang penempatan rumah rayau Orang Asli sepanjang 800 meter dan jarak hakisan ke pantai sekitar satu meter. Itu hasil yang didapati. Pihak JPS telah membuat kajian tentang projek kawalan ini dan sekarang di peringkat *value assessment* ataupun penilaian kos yang dijangka akan siap pada April 2019. Skop bagi projek ini melibatkan kerja-kerja perunding atau *in house design*, perunding dalaman dan juga kerja fizikal pembinaan ban pantai. Anggaran kos pembinaan bagi projek kawalan hakisan pantai ini adalah dianggarkan di sekitar RM5,000 per meter. Setiap meter sebanyak RM5,000.00.

Oleh demikian, anggaran kos bagi kawasan hakisan ini keseluruhannya adalah RM4 juta diperlukan untuk pelaksanaan projek ini. Sekian.

TUAN SPEAKER : Dusun Tua.

Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Soalan saya No. 15.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF (N23 DUSUN TUA)

TAJUK : PERUNTUKAN MASJID

15. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
 - a) Mengapa peruntukan/elaun imam masjid-masjid institusi di bawah pengurusan negeri dihentikan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Speaker dan Dusun Tua yang bertanyakan soalan. Pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia ataupun JAKIM telah menyelaras pemberian elaun bulanan Imam satu dan dua di setiap negeri dengan memberikan imbuhan bulanan sebanyak RM850.00 dan hanya diberikan kepada Imam-imam masjid kariah sahaja mengikut garis panduan pembayaran imbuhan Imam JAKIM tahun 2011.

Pada masa ini elaun Imam tidak diberikan kepada masjid-masjid institusi kerana terdapat pelantikan daripada pihak institusi bagi mentadbir masjid-masjid di bawah seliaan mereka. Selaras dengan itu juga Pihak Kerajaan Negeri pada tahun 2015 dan 2016 telah meluluskan sumbangan tambahan Imam-imam masjid kariah negeri yang berjumlah RM450.00. Setakat ini daripada angka yang kita perolehi terdapat 17 buah masjid-masjid institusi di Negeri Selangor iaitu ada 5 di daerah Hulu Langat, 5 di daerah Petaling, 4 di daerah Sepang, 2 di daerah Gombak dan 1 di daerah Kuala Selangor. Asasnya kerana lantikan itu dibuat oleh institusi-institusi berkenaan jadi Pihak Jabatan Agama Islam menganggap bahawa lantikan itu yang dibuat harus di bayar oleh institusi berkenaan dan tidak dibuat oleh Jabatan Agama Islam Negeri. Terima kasih.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Soalan Tambahan. Boleh?

TUAN SPEAKER : Hulu Bernam proaktif ya pagi ni. Silalah.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Eloklah. Terima kasih. Makan vitamin lebih. Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin bertanya kepada Y.A.B. Menteri Besar bahawa kita sedia maklum bahawa setiap nazir masjid menerima RM200.00 elaun setiap bulan jadi jumlah ini terlalu kecil sangat kalau dibandingkan untuk mengurus sebuah masjid. Apakah Kerajaan Negeri tidak berhasrat untuk meningkatkan elaun ini demi keadaan masa sekarang ya ekonomi dan sebagainya peningkatan kos pendapatan, kos pengeluaran ataupun kos perbelanjaan lebih tinggi jadi saya harapkan Kerajaan Negeri mengambil perhatian hal ini. Terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Speaker, saya rasa soalan atasas Imam sekarang dah terpesong ke Nazir. (Ketawa).

TUAN SPEAKER : Tak perlu jawab.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Saya jawab sikit.

TUAN SPEAKER : Oh nak jawab juga.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Pada ketika ini sebenarnya secara ideal Kerajaan Negeri sedang bergerak ke arah masjid dalam bentuk pengurusan. Pada ketika ini kita ada 50 hampir 50 buah masjid dengan tambahan 10 buah masjid diletakkan di bawah pengurusan di mana pengurusan akan meletakkan gaji-gaji pada tahap ikhtisas yang tertentu iaitu ada gaji sekitar RM1,200.00 hingga RM1,500.00 untuk Imam-imam yang dilantik menjadi Pengurus dan untuk maksud tersebut baru lah kita akan dapat melatih dan melantik pengurusannya yang dibayar dengan gaji yang seimbang yang menguruskan masjid secara profesional dan tidak dalam kaedah *part-time* dengan izin sebagaimana yang dibuat oleh nazir-nazir walaupun saya akui nazir-nazir bekerja tanpa gaji namun mereka telah memberikan sumbangan sebab itu Kerajaan Negeri menyediakan elaun yang sangat kecil saya akui dan kita sedia untuk menyemak kembali jika masanya sesuai. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Morib.

Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya No. 16.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN
(N53 MORIB)**

TAJUK : BANTUAN SIHAT SELANGOR

16. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
 - a) Kelulusan bantuan sihat Selangor mengambil tempoh masa yang lama sehingga 3 ke 4 bulan. Keperluan kepada pemohon amatlah diperlukan segera.
 - b) Apakah langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan untuk mempercepatkan proses kelulusan tersebut?

Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BT. MAHMUD : Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Terima kasih Yang Berhormat Morib. Morib telah bertanya mengenai bantuan sihat Selangor yang dikatakan mengambil masa yang lama sehingga 3 ke 4 bulan ya. Apakah langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan untuk mempercepatkan proses ini.

Untuk makluman Morib, permohonan bantuan sihat Selangor dibuat melalui atas talian melalui Laman Sesawang Bantuan Sihat Selangor.gov.my. Setiap permohonan yang telah didaftarkan perlu mengemukakan dokumen sokongan kepada Pusat Khidmat Masyarakat DUN masing-masing yang terdekat ya atau menghantar terus ke Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan, UPEN. Dokumen diperlukan adalah seperti berikut:-

1. Salinan Kad Pengenalan.
2. Surat Pengesahan Pemastautin.
3. Slip Pendapatan atau Akaun Pendapatan Pemohon.
4. Slip Pendapatan atau Akaun Pendapatan Pasangan Penjaga.
5. Surat Laporan atau Memo daripada Hospital, Klinik Kerajaan atau Pusat Rawatan atau Pusat Dialisis dan
6. Sebut harga rawatan dan peralatan.

Setiap permohonan yang lengkap akan diproses dalam tempuh 20 hari bekerja dan satu surat kelulusan akan dikeluarkan kepada pembekal atau pusat rawatan serta disalinkan kepada pemohon.

Buat masa sekarang kita hanya ada seorang pegawai yang secara sepenuh masa memproses bantuan sihat Selangor ini. Apa yang berlaku....

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat sila duduk. Ahli ahli yang berhormat sekalian masa telah menunjukkan jam 11.30 pagi, dengan ini saya menangguhkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya. Ahli-ahli yang berhormat sekalian, sebelum saya meneruskan aturan mesyuarat seterusnya, saya ingin merakamkan ucapan takziah kepada keluarga Allahyarham Tuan Bakhtiar bin Mohamad Nor yang meninggal dunia pada 11 Januari 2019 ketika masih berkhidmat sebagai Ahli Dewan Negeri bagi Kawasan Semenyih, saya memohon supaya dewan ini bertafakur selama satu minit mengikut kepercayaan agama masing-masing. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dipohon berdiri.

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan seterusnya, usul menyembah ucapan terima kasih serta menjunjung kasih ke atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

TUAN SPEAKER: Silakan, Bukit Lanjan.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Terima kasih Tuan Speaker. Tuan Speaker dan ahli ahli yang berhormat sekalian. Saya memohon membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut; Ampun Tuanku, patik-patik sekalian iaitu Tuan Speaker dan ahli-ahli yang sekalian Negeri Selangor yang berhimpun di dalam dewan ini memohon sembah terima kasih serta menjunjung kasih di atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor bagi membuka dengan rasminya Mesyuarat Pertama Pembukaan Penggal Kedua Negeri Selangor Yang Keempat Belas Tahun 2019. Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dan Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, kakitangan kerajaan serta para pemerhati yang saya muliakan. Salam sejahtera, salam ukhuwah untuk semua. Tahniah kepada Ahli Dewan Negeri yang baru, DUN Semenyih dan selamat datang ke Dewan Negeri Selangor. Selamat bertugas dan menjalankan tanggungjawab sewajarnya. Syabas juga kepada kerajaan Negeri Selangor di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dan barisan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor yang telah berterusan membuka ruang dan memberi peluang kepada rakyat berinteraksi secara terus dengan kerajaan negeri dalam menjayakan agenda *Smart Selangor*, meneruskan kecemerlangan Insentif Peduli Rakyat ataupun IPR, membangunkan pentadbiran dan tatakelola yang terbaik sejak 2008 sehingga kini. Terima kasih juga saya ucapkan kepada Kerajaan Persekutuan yang telah memberi kepercayaan penuh kepada Kerajaan Negeri ini dengan memberi dana dan juga peruntukan yang cukup besar untuk pembangunan di dalam negeri ini. Tuan speaker, dunia sekali lagi telah digemparkan dengan berita pembunuhan saudara kita di dua buah masjid di Christchurch, New Zealand. Ini satu perbuatan penganas ataupun *terrorist* yang tiada tempat dalam zaman peradaban

19 MAC 2019 (SELASA)

moden kini. Bukit Lanjan mengutuk keras-kerasnya kepada sebarang aktiviti keganasan dan pembunuhan. Tiada agama atau bangsa yang menyokong kegiatan ganas sebegitu. Kita seharusnya menyemarakkan semangat perpaduan antara bangsa dan kaum tidak ada sempadan batas keagamaan dan kepercayaan. Tetak buluh kajang sepuluh, laksana dititing kias ibarat, angkat tangan jemari sepuluh, doa dipohon biar selamat. Bukit Lanjan merakamkan salam takziah dan semangat setia kawan kepada semua sahabat muslimin dan muslimat atas tragedi berdarah itu. Moga bertabah dan cekal berdepan dengan sebarang kemungkinan. Buah manggis air mendidih, kamu menangis saya pun sedih.

Tuan Speaker, ahli-ahli dewan yang dihormati, dalam kita bersedih dalam beberapa peristiwa di luar negara dan juga di dalam negara ini, kita juga diselubungi satu fenomena pencemaran bahan kimia bahaya di Pasir Gudang, Johor. Kita bersimpati dengan mereka yang menetap di Pasir Gudang dan sekitarnya. Syabas kepada kerajaan Negeri Johor dan Persekutuan dan semua badan-badan berkaitan yang telah bertungkus-lumus menjaga keselamatan rakyat di sana. Semalam Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor telah menitah, bahawa pencemaran di sungai-sungai Selangor juga harus ditangani dengan tegas, dengan melaksanakan penguatkuasaan yang lebih serius terhadap mereka yang melepaskan sisa-sisa buangan ke dalam sungai. Selangor bernasib baik kerana kita mempunyai agensi seperti Lembaga Urus Air Selangor ataupun LUAS yang mempunyai enakmen sendiri dan pegawai-pegawai yang berwibawa yang prihatin dalam pengurusan air mentah di negeri Selangor. Minggu lepas kita telah lihat tindakan segera dan penyelesaian pantas oleh Lembaga Urus Air Selangor dan Unit Bencana Negeri Selangor bersama dengan agensi-agensi lain dalam isu pembuangan sisa minyak di Klang yang dapat dikawal dan dibersihkan dalam masa 72 jam. Syabas dan tahniah kepada mereka semua. Hukuman keras kepada pelaku dan syarikat-syarikat yang tidak bertanggungjawab ini hendaklah setimpal dengan apa yang mereka telah lakukan. Bukan hanya sekadar hanya denda, hukuman penjara malah perniagaan mereka mesti dihentikan serta-merta, lesen dilucutkan, dan sebarang aktiviti atau kontrak mereka di pantau seluruhnya. Ini merupakan masa yang paling tepat untuk meminda enakmen Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) supaya beban kos pembersihan dan pelupusan bahan pencemar diletakkan dalam tangan pihak-pihak yang ingkar dengan tanggungjawab dan undang-undang. Selain daripada itu, denda dan juga hukuman penjara itu perlu dinaikkan supaya kita di Negeri Selangor tidak memberi apa juar peluang kepada sesiapa untuk mencemarkan sungai-sungai di Negeri Selangor. Di Negeri Selangor, Unit Bencana Selangor dan juga agensi-agensi seperti LUAS, yang selalu prihatin dan pantas menangani isu-isu yang melibatkan pencemaran dan bencana lain. Saya juga yakin pihak PBT di Negeri Selangor sentiasa berwaspada dengan apa yang telah dan sedang berlaku khususnya di sektor industri kitar semula apatah lagi kilang-kilang tanpa lesen. Kita tidak perlu sampai ke tahap di mana pihak Kerajaan Negeri Selangor, Exco-exco, Pihak Kementerian ataupun Jabatan Alam Sekitar memberi arahan kepada pihak PBT kerana kuasa PBT sebenarnya sangat luas dan PBT merupakan barisan pertama ataupun dengan izin *first line of defence* membantu Kerajaan Negeri menangani masalah pencemaran. Bukit Lanjan mengesahkan saja PBT memantau aktiviti berkenaan, malah ahli-ahli majlis, MPKK, PeBT, PWB, ketua-ketua kampung juga perlu memain peranan bersama untuk membanteras aktiviti pencemaran yang berleluasa.

Tuan Speaker, Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor juga telah menitahkan agar kawasan-kawasan air dan hutan-hutan simpan di Negeri Selangor ini dikekalkan dan dipelihara dengan baik. Kita bersyukur di Negeri Selangor kerana pemeliharaan hutan simpan kekal diberi *priority* yang sangat-sangat tinggi dalam negeri ini. Maka saya merujuk kepada satu isu, iaitu isu pemberimilikan sekeping hutan simpan kekal, iaitu *Compartment 19* di Hutan Simpan Kekal Bukit Lagong kepada PKNS untuk dijadikan sebagai satu taman perumahan baru di Selayang. Tuan Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, pada bulan Februari, Jabatan Perhutanan Negeri Selangor telah mengadakan sesi pendengaran awam di Daerah Gombak yang dihadiri oleh penduduk-penduduk, NGO-NGO dan juga Ahli Parlimen Selayang dan Bukit Lanjan. Kita rasa bangga kerana hanya di Negeri Selangor terdapat pendengaran awam seperti ini. Jikalau ada permohonan untuk melupuskan kawasan hutan simpan kekal di Selangor, maka ia adalah wajib untuk Jabatan Perhutanan Negeri Selangor mengadakan satu pendengaran awam. Cuma saya ingin menyentuh ataupun mencadangkan supaya proses pendengaran ini ditambah baik lagi. Apa yang telah berlaku semasa pendengaran awam itu, peserta-peserta tidak dibenarkan masa yang mencukupi untuk berhujah, soalan ataupun hujah daripada peserta-peserta dihadkan kepada dua sahaja. Sepatutnya proses pendengaran awam adalah ruang untuk pihak berkepentingan untuk memberi fakta hujah dan juga apa jua maklumat yang mereka rasa penting dalam proses untuk membuat keputusan mengeluarkan hutan simpan kekal atau tidak. Kita juga rasa pelik apabila wakil pihak pemaju iaitu satu syarikat swasta yang telah ada GB dengan PKNS yang memberi taklimat kepada kita peserta-peserta mengapa Hutan Simpan Kekal Bukit Lagong harus dikeluar gazet pada petang tersebut, bukan pihak Kerajaan Negeri dan bukan wakil Jabatan Perhutanan Negeri Selangor yang memberi taklimat tersebut. Bukit Lanjan juga rasa agak tidak selesa pada saat para saintis yang boleh katakan sangat masyhur di rantau ini daripada satu institusi penyelidikan perhutanan dan biodiversiti yang terunggul di Malaysia iaitu *Forest Research Institute Malaysia* ataupun FRIM diberhentikan semasa perhujahan mereka. Saya memohon pihak kerajaan untuk semak semula dan membaiki proses pendengaran awam ini kerana kekurangan seperti yang disebut tadi tidak sepatutnya berlaku selepas ini. Mengapa isu ataupun satu keping hutan simpan kekal di Bukit Lagong yang boleh dikatakan bukan sangat besar menerima kritikan yang sangat keras daripada pelbagai pihak. Ini bukan kerana orang Selangor tidak ingin pembangunan ataupun orang Selangor tidak ingin perumahan baru tetapi kerana kita sayang Kerajaan Negeri Selangor. Saya mengambil kesempatan ini untuk menyentuh beberapa perkara yang penting dalam proses untuk Kerajaan Negeri membuat keputusan sebelum kerajaan negeri membuat keputusan. 1. Adalah Walaupun ianya sangat kecil, tetapi hutan simpan kekal di Bukit Lagong digelar ataupun dikategorikan sebagai Kawasan Sensitif Alam Sekitar Kelas 1. Dan dalam Pelan Rancangan Fizikal ianya mesti ada zon penampang seluas 500 meter. Dalam Rancangan Struktur Selangor 2035 kawasan Hutan Simpan Kekal Bukit Lagong juga jelas dikekalkan, iaitu kita boleh rujuk kepada muka surat 5-36 dan juga 5-39. Ada beberapa flora dan fauna yang dengan izin *an danger* boleh didapati di kawasan tersebut seperti Meranti Tembaga, Meranti Kepong, Merebau dan juga Petai ataupun *parkia speciosa*. Koridor hutan yang boleh dikatakan terakhir yang dan terdekat berpotensi untuk mengaitkan Hutan Simpan Bukit Lagong

19 MAC 2019 (SELASA)

kepada Hutan Simpan Kancing dan Hutan Simpan Templer dan seterusnya ke Taman Warisan Negeri Selangor kepada *Central Forest Spine* adalah di *Compartment 19* Hutan Simpan Kekal Bukit Lagong. Kalau kawasan ini dibangunkan, maka Hutan Simpan Bukit Lagong akan menjadi seperti satu pulau biodiversiti terpencil yang tiada lagi peluang untuk dikaitkan lagi ke Banjaran Titiwangsa dan ke *Central Forest Spine*. Dan saya merujuk kepada Rancangan Struktur Selangor 2035 Dasar MP17 muka surat 5-76 dan juga rajah yang didapati di mukasurat 5/78 yang jelas menunjukkan rangkaian tersebut. Apa yang juga menyediakan adalah ini mungkin menjelaskan satu (1) pencalonan yang datang daripada Negeri Selangor kepada UNESCO *World Heritage* atau Warisan Dunia di mana FRIM *Forest Park* yang terletak berdekatan di sana telah dimasukkan ke dalam senarai tentatif UNESCO bagi proses Pengiktirafan Warisan Dunia pada tahun 2017. Ini akan memberi satu (1) impak yang tidak baik kepada pencalonan tersebut dan Selangor adalah antara negeri-negeri di Malaysia yang telah memberi komitmen penuh kepada REDD+ atau (dengan izin) *Reducing emissions from deforestation and forest degradation and the role of conservation, sustainable management of forests and enhancement of forest carbon stocks in developing countries*. Ini juga selaras dengan Dasar Biodiversiti Biologi Malaysia, Negara ataupun National Policy on Biological Diversity 2016-2025 dan janji Malaysia di bawah UNFCCC Perjanjian Paris untuk tempoh 2020-2030.

Di Negeri Selangor, kita ada pengurusan hutan simpan kekal bertaraf lima (5) bintang;...(batuk).. satu (1) adalah maratorium pembalakan komersial, dua (2) Enakmen Seksyen 11, Enakmen Pemakaian Akta Perhutanan Negara, yang mewajibkan pendengaran awam untuk hutan yang di Nyah Warta, tiga (3) Penguatkuasaan Seksyen 12, Enakmen Pemakaian Akta Perhutanan Negara, empat (4) pertambahan kawasan hutan simpan kekal sejak 2009 di mana Selangor adalah antara dua negeri sahaja di Semenanjung Malaysia yang dapat menambah keluasan kawasan hutan simpan kekal, dan kelima (5) iaitu kita keluarkan hak milik ataupun kita Nyah Warta Hutan Simpan Kekal hanya untuk projek infrastruktur awam dan untuk kemudahan awam. Maka, satu (1) projek perumahan di *compartment 19*, tidak memenuhi kriteria iaitu untuk kegunaan awam dan untuk infrastruktur awam. Ianya tidak memenuhi objektif Kerajaan Negeri untuk memberi sesuatu *Public Utility* (dengan izin) kepada orang awam khasnya yang duduk di persekitaran *compartment 19*. Ianya akan menjadi satu *precedent* (dengan izin) yang tidak baik di Negeri Selangor. Kerana, sejak 2008 Kerajaan Negeri Selangor telah berhenti semua hutan simpan di Nyah Warta untuk kepentingan swasta atau *private interest* (dengan izin) termasuk di kalangan GLC-GLC di Negeri Selangor.

Alasan sejarah, yang saya pernah dengar bahawa, kita perlu menyelesaikan ataupun Kerajaan Negeri Selangor perlu menyelesaikan satu (1) masalah yang telah berlaku sejak tahun 2003 kerana masa itu diluluskan untuk diberi milik, saya rasa adalah satu alasan yang kita boleh lihat semula kerana kita juga boleh rujuk kepada sejarah sebelum ini iaitu pada tahun 2009, di mana Kerajaan Negeri Selangor telah membatalkan pemberimilikan hutan simpan kepada beberapa GLC-GLC khasnya di kawasan Hutan Simpan Sungai Buloh. Dan kita, di Negeri Selangor telah menggazet semula satu kawasan hutan simpan di tapak tersebut dan sekarang dipanggil Hutan Simpan Kota Damansara. Maka, Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor

19 MAC 2019 (SELASA)

berkenaan tanggungjawab Kerajaan Negeri untuk memelihara semua hutan simpan di Negeri Selangor adalah sangat tepat dan Kerajaan Negeri harus berani untuk membuat perkara yang terbaik demi masa depan generasi yang akan datang.

Tuan Speaker, setiap tahun tanggal 8 Mac adalah tarikh keramat yang kita pasti kenang selamanya. Bukan sahaja ianya detik permulaan bagi Kerajaan Selangor Yang Baru

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Saya mencelah tadi. Boleh saya mencelah? Boleh?

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Boleh. (Batuk) Silakan Hulu Bernam.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Terima Kasih Bukit Lanjan. Tadi, Bukit Lanjan ada menyebut ucapan tahniah kepada Kerajaan Negeri Johor, tentang tindakannya menangani masalah pencemaran tadi ya. Jadi apa sebenarnya bagi saya tidak wajar untuk kita beri ucapan tahniah kepada Kerajaan Negeri Johor kerana mereka gagal menangani masalah ini peringkat awal. Kerana pada mulanya, 35 orang sahaja dah kena. Tapi, dibiarkan begitu sahaja dan nampaknya hingga sampai 900 orang 1,000 orang kena. Ini masalah kelewatan, ataupun S.O.P tindakannya tidak teratur. Jadi, saya mencadangkan supaya Kerajaan Negeri membentuk jawatankuasa menangani bencana seperti ini peringkat awal supaya tidak terkapai-kapai seperti mereka. Terima kasih Tuan Speaker.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Terima kasih Hulu Bernam. Saya tidak ingin berbincang ataupun membahas secara mendalam apa yang telah berlaku di Johor. Tetapi skop ataupun kadar *Serious* di Johor itu, mereka telah berlaku sebaik boleh. Dan , saya pernah dalam keadaan tersebut. Selama sepuluh (10) tahun, saya cuba jaga isu pencemaran dan sebagainya bukan senang untuk menangani isu ini. Tetapi, cadangan daripada Hulu Bernam iaitu adakan satu S.O.P di Negeri Selangor untuk menangani apa juar bencana. Untuk maklumat Hulu Bernam, kita di Negeri Selangor ada satu *team* yang sangat-sangat bagus. (Tepuk Meja) di bawah Pejabat Dato' Setiausaha Negeri (Dato' SS) dan unit bencana ini adalah satu (1) unit di mana, mereka telah mendapat pengiktirafan yang sangat bagus.

Mereka telah membuat koordinasi antara semua agensi dan kita boleh lihat, di Negeri Selangor, walaupun kita ada banyak bencana, banyak masalah, banyak pencemaran dan sebagainya, tetapi mereka sangat profesional, pantas, cepat, seperti apa yang telah berlaku di Klang minggu lepas.

Jadi, di Negeri Selangor, saya tidak tahu ada unit bencana Peringkat Negeri di negeri-negeri lain tetapi di Negeri Selangor memang sudah ada unit bencana ini sejak penggal lepas dan diberi satu (1) peruntukan yang cukup besar untuk menyelesaikan apa juga bencana.

TUAN SPEAKER : Sila Banting.

19 MAC 2019 (SELASA)

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Saya ingin bertanya Yang Berhormat
Bukit Lanjan,

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Ya saya.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Ya. Mengapakah tidak kita memuji tindakan murni daripada Kerajaan Johor kerana mereka telah pun memulakan satu (1) inisiatif untuk menyelesaikan masalah pencemaran yang berlaku di Pasir Gudang. Kita terbaca surat khabar dan laporan akhbar daripada media bahawa, Sungai Kim-Kim ini, kalau ini saya mengikuti laporan media *The Star* pada 15 Mac; *Polluted and has been a chemical waste dump for 10 years*. Jadi, kita bertanya juga apakah Kerajaan Negeri Johor 10 tahun yang lepas?. Bukankah kalau kita diberi peluang untuk menjadi kerajaan di Johor 10 tahun yang lepas dan kita ada peluang untuk mengatasi masalah ini dengan lebih awal.(Tepuk Meja).

Jadi, soalan Hulu Bernam itu, saya rasa bukan kah pernah bahawa soalan dari Hulu Bernam itu, sedikit lari kerana ianya tidak berlandaskan kepada fakta yang penuh, yang benar bahawa sungai itu memang telah pun dicemari sejak 10 tahun yang lepas. DOE masa itu di bawah Kerajaan Persekutuan. Kerajaan Persekutuan 10 tahun yang lepas adalah tidak lain dan tidak bukan, Barisan Nasional. Jadi, itu adalah masalah dia. Bukankah Kerajaan Negeri Selangor dan Kerajaan Negeri Johor dan Kerajaan Persekutuan Sekarang yang diperintah oleh Pakatan Harapan patut diberi pujian kerana berani mendepani masalah dan mengatasi masalah yang tidak pernah di atasi oleh Kerajaan Barisan Nasional pada masa dahulu. (Tepuk Meja)

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Saya... bagi saya peluang Tuan Speaker saya ingin menjawab.

TUAN SPEAKER : Bukit Lanjan bagi tak? (Ketawa)

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Boleh? Boleh? (ketawa) Bagi Hot Sikit.

Sebenarnya, apa yang dinyatakan tadi bahawa, kalau benar berlaku zaman Barisan Nasional, lalai, terabai, tetapi tidak pernah berlaku seperti ini. Kenapa waktu sekarang berlaku? Itu tanda, sekarang tidak diambil tindakan yang begitu baik. Tidak dijelaskan, tidak diberi penguat kuasa yang begitu tepat. Dan Menteri Besarnya pun sanggup ke Batam lagi, pergi berjalan lagi sedangkan rakyat sedang menderita, tercemar.

TUAN SPEAKER : Ya, Yang Berhormat Bukit Lanjan, Teruskan. Nak respon ke, nak apa ha respon. Terpulang.

Y.B. ELIZABETH WONG KEAT PING : Tidak perlu respon. (Ketawa) kerana kes ini di bawah siasatan polis sekarang. Jangka pesalah laku ini, akan dibawa ke

19 MAC 2019 (SELASA)

mahkamah pada masa terdekat. Di sana, kita boleh cari lebih maklumat lah. Tentang apa telah berlaku di Negeri Johor.

Jadi, Tuan Speaker, saya ingin sentuh tentang beberapa... saya ada beberapa perkara lagi.

TUAN SPEAKER : Teruskan, teruskan.

Y.B. ELIZABETH WONG KEAT PING : Setiap tahun, pada tanggal 8 Mac ianya adalah satu tarikh keramat di mana kita pasti kenang selamanya. Bukan sahaja ianya detik permulaan Kerajaan Selangor yang baru, maka tarikh ini juga adalah tarikh untuk kita raikan Hari Wanita Sedunia yang disambut secara meluas.

Hari Wanita Sedunia adalah satu hari besar yang kita raikan untuk kita bersama-sama memperingatkan perjuangan dan keberhasilan kaum wanita ini di dalam semua bidang seperti, ekonomi, pendidikan, kesihatan, politik, sains, teknologi, sukan dan sosial. Kini, kita mempunyai satu Timbalan Perdana Menteri wanita pertama dalam sejarah, dua (2) menteri wanita dan dua (2) timbalan menteri wanita, di mana mereka semua pernah berkhidmat sebagai Ahli Dewan Negeri Selangor pada satu ketika (Tepuk Meja).

Semalam, Dewan Negeri Selangor juga telah melantik Timbalan Speaker Wanita yang ke-2 dalam sejarah dunia yang mulia ini. (Tepuk Meja) (Batu)

Saya ingin merujuk, pada ketika ini pada kenyataan Timbalan Perdana Menteri yang telah menyatakan bahawa sebanyak 4,963 kes keganasan rumah tangga di laporan sehingga kini. Dan ini, tidak boleh kita nafikan jumlah ini akan meningkat. Saya mencadangkan kepada Kerajaan Negeri dan Jawatankuasa Tetap yang terlibat untuk melipat gandakan program kesedaran ataupun *public awareness* (dengan izin), tentang keselamatan sosial. Khususnya kaum wanita sama ada, mereka yang bekerjaya ataupun tidak. Program ini, hendaklah berupaya untuk mendapat maklum balas dan pandangan daripada rakyat, agar modul yang dirangka benar-benar memberi kesedaran menyeluruh. Kita juga maklum bahawa, kecemerlangan Skim IPR, khususnya Skim Kesihatan Wanita, Skim Kad Peduli Sihat dan Kasih Ibu Smart Selangor atau pun KISS, adalah satu...adalah program-program yang sangat berjaya di Negeri Selangor. Dan program sebegini yang memberi manfaat kepada Kaum Hawa perlu dipertingkatkan.

Saya menyeru kepada Kerajaan Negeri supaya peruntukan KISS sebagai contohnya, tidak dikurangkan, tetapi diberi *priority* yang lebih mendesak demi kebaikan, kehidupan keluarga-keluarga B40 di Negeri Selangor.

Tuan Speaker, semenjak kita mengambil alih Kerajaan Negeri pada tahun 2008, Pelbagai agenda telah kita susun dan jayakan. Kesemua agenda ini adalah untuk kepentingan rakyat. Hingga kini, kita masih lagi meneruskan agenda yang memberi manfaat kepada kehidupan harian rakyat Selangor yang kita kasih. Inilah tekad kita sejak tercetusnya reformasi untuk memartabatkan yang hak dan mengurus pentadbiran

19 MAC 2019 (SELASA)

dengan Amanah dan Telus. Berkongsi bersama hasil masyhur negeri terus kepada rakyat, Air percuma, adalah program yang memberikan hasil yang mendalam kepada semua. Maka, dengan itu saya menyokong Ucapan Titah Tuanku yang mengharapkan rakyat dapat menggunakan air dengan jimat dan sewajarnya.

Tuan Speaker, untuk ingatan kita semua Dewan Selangor ini adalah sumber inspirasi reformasi selama 10 tahun. Dalam tempoh ini, Dewan Selangor telah berani meminda beberapa seksyen dalam Peraturan Tetap Sidang Dewan pada tahun 2016. Ini membuktikan bahawa Dewan Negeri Selangor, ini adalah lebih mendepani era baharu. Kita ada SELCAT, kita ada Ketua Pembangkang yang dibekalkan kemudahan untuk kegunaan yang mana kemudahan ini adalah untuk membantu mengangkat martabat Ketua Pembangkang bagi mengimbangi *Check and Balance* (dengan izin) pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor.

Tuan Speaker, walaupun kita di sini hanyalah sebuah Kerajaan Negeri, tetapi kita berani melakukan perubahan dalam dewan yang mulia ini. Saya ingin berkongsi pandangan sedikit tentang apa yang sedang di bicara di luar berkenaan Dewan Rakyat iaitu isu berkenaan Pengerusi PAC ataupun *Public Account Community* yang mana pembangkang di lantik sebagai Pengerusi PAC. Di Selangor, untuk makluman dewan yang mulia ini, dan khasnya untuk Ahli Dewan Undangan Negeri yang baharu, Selangor telah meminda Seksyen 68 (1) sejak tahun 2016 untuk memastikan Ketua Pembangkang adalah Pengerusi PAC (*Public Accounts Committee*). Jadi, dalam proses ini, kita boleh berkongsi dengan negeri-negeri lain tidak kira di mana juga kerana di negeri Selangor kita telah bukan sahaja bertungkus-lumus tetapi kita telah berjuang pelbagai isu untuk memberi ruang demokrasi yang lebih besar dalam Dewan Negeri.

Tuan Speaker, IPR ataupun Insentif Peduli Sihat adalah kunci asas, dengan izin, key, kepada pentadbiran Kerajaan Negeri untuk berkongsi dan mengagihkan hasil negeri terus kepada rakyat. Pelbagai program kita terus jayakan. Saya tidak berhajat untuk memberi ulasan berkenaan IPR ini tetapi apa yang saya ingin sampaikan pada pagi ini, adalah bagaimanakah IPR ini dapat kita janakan sebaiknya yang boleh membantu mereka di bawah B40 mempunyai lebih lebihan tunai dalam kehidupan mereka. Maksudnya, rakyat yang kurang berkemampuan ini dapat benar-benar merasai bahawa IPR ini mampu memberi mereka lebihan aliran tunai untuk kegunaan mereka. Kita beri contoh seperti kad Peduli Sihat, skim ini memang tidak dinafikan adalah terbaik dan banyak membantu golongan yang memerlukan tetapi ini hanyalah skim yang membantu membiayai proses pemeriksaan kesihatan dan ubat-ubatan sahaja. Bagaimanakah kita boleh gunakan skim ini dan membantu mereka memperoleh lebihan tunai. Saya berpandangan, di sinilah peranannya agensi-agensi seperti PWB, IWB, Institut Darul Ehsan, YAWAS dan sebagainya untuk mengambil inisiatif dan mengkaji secara mendalam dan serta menyeluruh. Tibalah masanya untuk kita mendidik rakyat untuk mengembangkan dan menjana ekonomi mereka. Di samping itu, kita tidak boleh melupakan janji-janji kita untuk meneruskan agenda IPR.

Tuan Speaker, izinkan saya memetik kata-kata daripada Jurnal Ekonomi dan Sosiologi, dengan izin, *Konsensus baru mengenai kebijakan, mengungkapkan idea bahawa masalah utama dalam kebijakan sosial adalah kebergantungan bukan kemiskinan.*

19 MAC 2019 (SELASA)

Kebanyakan bukti untuk perspektif ini datangnya dari data garis trend yang menunjukkan bahawa tidak lama lagi, tidak menguap dalam menghadapi peningkatan dalam perbelanjaan sosial. Dengan menggunakan pelbagai ukuran miskin bergantung analisa empirik menunjukkan bahawa mengurangkan perbelanjaan kebijakan berbanding keperluan tidak menghasil kurang kemiskinan dan kebergantungan. The American Journal Of Economics and Sociology Volume 50 April 1991.

Justeru, apa yang saya ingin utarakan adalah dalam kita meneruskan kelangsungan IPR, menjaga kebijakan rakyat, kerajaan negeri mestilah sentiasa bersedia untuk memikir cara lain, untuk memastikan lebihan aliran tunai berada di dalam tangan mereka. Dengan izin, as a Government, we spend on the people during the good times. We have to spend more during the bad times. Makna kata, kita membantu mereka daripada terus bergantung dengan apa yang disediakan bukan bererti kita menidakkann hak mereka tetapi kita ingin mendidik rakyat untuk lebih bertanggungjawab dalam kehidupan yang mendatang. Sesungguhnya, saya percaya, tidak akan menjadi satu kerugian bagi Kerajaan Negeri yang sentiasa prihatin bagi setiap permintaan rakyat jagaannya. Selain itu, dengan membuka lebih luas peluang pekerjaan, juga salah satu kaedah untuk kita membantu rakyat memperoleh pendapatan yang lebih. Pokoknya, bagaimanakah kita boleh meyakinkan rakyat untuk keluar dan berusaha mendapat pekerjaan. Apakah mekanisme yang tepat untuk memastikan setiap warga Selangor ini berupaya mendapat pekerjaan. Kita boleh rujuk dengan lebih mendalam dalam teori Keynes yang menyatakan bahawa jumlah perbelanjaan dalam ekonomi dan kesannya terhadap pengeluaran dan inflasi maka Keynes menganjurkan peningkatan perbelanjaan dan cukai yang lebih rendah untuk merangsang permintaan dan menarik ekonomi daripada terus kemurungan. Maksudnya di sini ialah, tidak menjadi satu masalah jika Kerajaan Negeri melabur lebih lagi dalam IPR yang sedang dijayakan iaitu, satu perbelanjaan kebijakan dan memberikan lebihan aliran wang tunai kepada rakyat untuk kegunaan dan keperluan mereka. Mungkin boleh memberi rebat bil air dalam bentuk tunai di hujung tahun. Ini sekurang-kurangnya boleh membantu keluarga untuk menyediakan pada akhir tahun keperluan persekolahan dan sebagainya. Ya, betul. Kita ada banyak program. Saya dengar tadi. Ya, silakan, silakan.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat Bukit Lanjan.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Sg. Pelek

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW : Terima kasih kepada Speaker, Tuan Speaker. Saya amat bersetuju dengan Bukit Lanjan kerana dalam masa kita, dalam keadaan ekonomi yang kurang baik dan sebagainya, kita perlu *spend* ya, sebagai Kerajaan kita kena memberi belanjawan yang lebih supaya ekonomi boleh terus jalan dan sihat. Dan bukan, *slash* ya, bukan potong peruntukan untuk kawasan seperti saya. Saya terkejut ya apabila saya diberitahu peruntukan untuk kawasan saya dikurangkan sebanyak RM70,000.00. Kasihan saya. Kerana di Sg. Pelek, merupakan satu kawasan yang belum membangun dengan lagi prasarana, infrastruktur masih dalam keadaan dan sekolah-sekolah pun perlukan wang. Jadi, macam manalah sebagai ADUN boleh *perform* sebagai ADUN yang baik. Jadi, saya amat setuju dengan Bukit Lanjan dan saya ingat Kerajaan yang sebagai Kerajaan yang prihatin boleh *take note* lah dalam hal ini, terima kasih.

19 MAC 2019 (SELASA)

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Boleh saya menambah sikit.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Boleh, boleh.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Boleh ya, diberi peluang. Saya sedih tengok Sg. Pelek ni. Sedih saya. Yang dia sedih fasal peruntukan ADUN ni. Sepatutnya sedihlah tentang rakyat. Rakyat ini, BRIM hari tu orang muda dapat RM450..sekarang..

Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI : Peruntukan untuk rakyat lah. Apalah celah.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : RM450, kita memperjuangkan rakyat dalam sidang ini. Jadi dia bagi RM450 untuk orang muda tinggal RM100

Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI : Sebab itu dia tanya pasal peruntukan

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Itu patut diperjuangkan.

Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI : Sebab itu Sg. Pelek tanya pasal peruntukan, peruntukan untuk rakyat.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Tentang peruntukan ADUN tak payahlah, tak payah nak celah-celah.

Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI : Sebab itu dia tanya pasal peruntukan. Peruntukan untuk rakyat.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW : Bukan untuk makan sendiri, untuk rakyat.

Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI : Tak betul, tak betul. Tak betul tu.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Kita memperjuangkan hak rakyat.

TUAN SPEAKER : Kota Anggerik, Kota Anggerik, duduk. Ya, sila

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Jangan main keluar macam itu.

TUAN SPEAKER : Hulu Bernam, teruskan saya nak tengok. Bukit Lanjan izinkan Hulu Bernam terus.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Sikit je.

TUAN SPEAKER : Ok, ok.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Maksudnya, maksud saya macam tu. Jangan dibincangkan dalam keadaan Dewan ini, tentang peruntukan kurang. Kita kena survive sebagai Wakil Rakyat, kita sendiri Wakil Rakyat. Tapi, yang paling penting perjuangan untuk rakyat itu. Sudah dipotong macam-macam peruntukan, jadi itu perjuangan kita.

Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI : Mencelah

19 MAC 2019 (SELASA)

TUAN SPEAKER : Hulu Bernam, nampaknya pagi ni ada peningkatan yang mendadak. Lain macam sikit. Silakan, tahniah. Sila Bukit Lanjan.

Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI : Boleh mohon mencelah Y.B.? Mencelah. Baiklah, saya bersetuju dengan apa yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Bukit Lanjan bahawa memang faktor ekonomi ini sedang rundum. Perbelanjaan itu perlu lebih dan mungkin atas sebab itu kita dapat tengok saudara kita Yang Berhormat Sg. Pelek *concern*, dengan izin, atau mengambil berat tentang isu pemotongan peruntukan dia. Cuma, mungkinlah, saya rasa mungkin, kerana Hulu Bernam baru kali ini muncul aktif dalam Dewan jadi mungkin tak sedar bahawa peruntukan ADUN ini sendiri akhirnya akan kembali kepada rakyat.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Saya kena jawab tu.

Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI : untuk, nanti dulu lah. Tunggu dulu. Dalam bentuk infra yang kembali kepada rakyat, sumbangan-sumbangan, kebajikan kepada rakyat jadi, semua akhirnya peruntukan ADUN itu akan turun kepada rakyat. Jadi, kita harap Hulu Bernam faham dan boleh menjalankan tugas dengan baiklah. Terima kasih.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Sebenarnya

TUAN SPEAKER : Sepatutnya Hulu Bernam, sepatutnya Bukit Lanjan yang jawablah. Bukit Lanjan kena bagi.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Boleh? Boleh saya jawab sikit untuk ..

TUAN SPEAKER : Sebab ini platform bagi Bukit Lanjan.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Memang Bukit Lanjan tapi Bukit Lanjan rindu dengan suara Hulu Bernam. Dah 2 (dua) sesi saya tak dengar

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Ok, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Bermakna selalu dia tak cakaplah ya.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Haa

TUAN SPEAKER : Ok, baik.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Terima kasihlah Bukit Lanjan. Sebenarnya penggal lepas dah puas bercakap dah. Puas bergaduh dalam Dewan ini. Mungkin Dusun Tua tak sedar kot sebab dia baru sahaja ya. Tapi tak apa. Penggal lepas saya nak nyatakan bahawa keadaan yang saya nyatakan ini keadaan realiti. Kita boleh memperjuangkan. Kami sebagai pembangkang pun sama. Tapi tak apa, itu bukan ukuran yang boleh dibincangkan oleh Dewan ini. Rakyat sedang melihat kita secara *live*. Jadi, perjuangkan lah hak rakyat. Bagaimana membaiki rakyat, itu yang disebut.

Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI : Apa yang tak diperjuangkan.

Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR : Saya faham semua tu. Jangan risau.

TUAN SPEAKER : Jadi, Hulu Bernam dah faham, sila Bukit Lanjan. Teruskan. Sebab dia tak faham.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Terima kasih Tuan Speaker. Saya rasa apa yang disebut oleh semua Yang Berhormat adalah betul juga. Tidak kira peruntukan daripada Kerajaan ataupun melalui program-program IPR Kerajaan, apa yang penting adalah peruntukan ataupun dana dan khasnya wang tunai itu dapat disalurkan *direct* secara langsung kepada rakyat supaya mereka boleh menikmati hasil daripada Kerajaan Negeri. Jadi, yang saya nak tekankan di sini adalah keperluan wang tunai dalam tangan rakyat dan saya bukan merujuk kepada peruntukan ADUN-ADUN kerana peruntukan ADUN ini juga untuk pelbagai aktiviti dan sebagainya tetapi daripada Kerajaan Negeri, program seperti KISS di mana setiap keluarga, ibu tunggal dan sebagainya mereka dapat manfaat secara tunai daripada Kerajaan, mereka boleh membeli barang-barang daripada *supermarket*, daripada kedai runcit dan sebagainya dan mereka boleh ada kawalan ataupun *control* dalam kehidupan mereka. Jadi, itu yang saya ingin sampaikan kepada Kerajaan Negeri supaya dalam masa yang kononnya, kononnya kita dalam suasana ekonomi yang tidak begitu baik dibandingkan dengan tahun-tahun sebelum ini, Kerajaan Negeri Selangor tidak harus memotong peruntukan kepada program-program kebaikan tetapi sepatutnya menambah peruntukan untuk semua program-program tersebut.

Satu lagi perkara saya ingin bentangkan dalam Dewan yang mulia ini adalah berkenaan tentang kebaikan Ahli Dewan Negeri. Semua tidak kira pembangkang ke ataupun daripada Kerajaan. Satu dua perkara. Pertamanya, saya ingin ucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dan juga Dato' Pegawai Kewangan Negeri, PWN, yang telah meluluskan satu pemeriksaan kesihatan di Hospital Avesena untuk semua Ahli Dewan Negeri. Kita telah lihat betapa *stress* kehidupan Ahli Dewan Negeri, sangat *stress*. Lari sini, lari sana, selalu kena marah, ada tekanan darah tinggi dan sebagainya. Jadi, pemeriksaan yang menyeluruh di satu hospital dekat Shah Alam ini, adalah satu perkara yang sangat-sangat dialukan. Keduanya, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kerana telah meluluskan RM6000.00 kepada semua Ahli Dewan Negeri, pembangkang juga kan? Untuk membeli peralatan komputer, *printer* dan sebagainya. Ini datang pada masa yang sangat bagus. Dan ini adalah satu cerita yang benar. Pada pagi ini, saya cuba *print* ucapan saya, tiba-tiba *printer* saya tak jalan. Saya terpaksa datang sini, *print* di luar. Sangat *stress*. Saya nak, sebenarnya saya nak panjangkan lagi ucapan saya tetapi saya tak cukup bateri, komputer ini sudah enam (6) tahun, so, ya, ini semua, jadi, ini datang dalam masa yang sangat bagus. Cuma, ada beberapa penambahbaikan yang telah kita bincang antara Ahli Dewan Negeri dan satu perkara yang mendesak adalah berkenaan kakitangan Pusat Khidmat Masyarakat (PKM). Saya bangkit di sini kerana kita semua Ahli Dewan Negeri telah menerima rintihan daripada mereka di mana walaupun mereka berkhidmat Masyarakat DUN bertahun-tahun. Mereka membantu orang bertahun-tahun mengisi isi borang untuk mendapat Rumah Selangorku, dapat bantuan dan sebagainya tetapi mereka sendiri tidak dapat pinjaman daripada bank untuk membeli Rumah Selangorku. Ini adalah kerana kontrak yang dikeluarkan adalah dihadkan kepada RM2000 sahaja. Walaupun kita boleh tambah gaji mereka katakan RM3000, RM4000, RM5000 kita lihat kelayakan mereka tetapi surat

19 MAC 2019 (SELASA)

daripada Pusat Khidmat Masyarakat ataupun dari Dewan Undangan Negeri tidak diterima oleh bank.

Oleh sebab itu, walaupun mereka layak untuk membeli rumah Selangorku tetapi mereka tidak dapat pinjaman daripada bank. Oleh sebab itu mereka layak untuk membeli rumah Selangorku tetapi mereka tidak dapat pinjaman daripada bank. Daripada perkara ini Kerajaan Negeri saya harap selain saya melihat daripada kebijakan rakyat *staff-staff* di semua Pusat Khidmat Masyarakat dapat juga perlu pembelaan daripada kerajaan negeri. Saya hanya hendak sentuh serba sedikit apa yang dibangkitkan oleh Sungai Pelik. Saya masih ingat saya yang membangkitkan perkara ini dalam dewan yang mulia ini tahun lepas dan saya telah menyebut beberapa kawasan ataupun kerusi undangan negeri yang ada mengundi lebih 60,000 1) Kinrara 2) Subang Jaya 3) Bukit Lanjan. Lebih daripada 60,000 pengundi dan pada masa itu Bukit Lanjan telah memohon peruntukan daripada YAB. Dato' Menteri Besar untuk menambah peruntukan kepada DUN-DUN yang ada pengundi yang besar tetapi kita tidak sangka ada pemotongan dan sebagainya dan saya harap kita sama-sama lah kita berdoa supaya ekonomi dan juga hasil negeri pada tahun ini bertambah besar lebih pada akhir tahun ini. Pemotongan yang berlaku pada beberapa DUN-DUN ini khasnya kepada peruntukan DUN boleh dimasuk balik dan pada tahun hadapan saya syorkan kepada kerajaan negeri supaya *base level* tidak disentuh dan kita tambah yang ada pengundi yang lebih dan bukan kita potong daripada kawasan yang kurang pengundi.

Jadi Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Sijangkang hendak mencelah.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KAIT PING: Sijangkang

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Setuju atau tidak kalua peruntukan itu kepada pembangkang tidak dinaikkan pada jumlah yang daripada RM150,000 kepada RM200,000. Sebab kita pun stress juga ni. Pengalaman yang menjadi pembangkang. Stressnya bila rakyat tidak mengenali penyelaras DUN. Dia datang kepada kita. Dalam keadaan terdesak dengan pembahagian yang perlu kita sampaikan bulanan jumlah yang

Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI: Keahlian masih terbuka. Pakatan. Keahlian masuk Amanah masih terbuka. Masuk Amanah. Masuk Amanah.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KAIT PING: Pandangan peribadi saya setuju tetapi saya tidak duduk di kanan lagi (ketawa).

Tuan Speaker, akhir kata saya sekali lagi bahawa kerajaan Negeri Selangor ini adalah perintis Kerajaan Reformasi yang bersedia menjadi mentor kepada negeri-negeri lain mentadbir. Walaupun dengan cara yang berbeza tetapi matlamat mereformasi pentadbiran pasti akan lebih berjaya.

19 MAC 2019 (SELASA)

Lautan luas menampung rindu
Rindu beranjak menembus batas
Jika salah bukan dari kalbu
Sebatas bercanda tertawa lepas
Di depan namanya berhadapan
Tidak perlu memegang belati.

Setiap kata yang saya ucapkan adalah untuk rakyat yang dikasihi. Dan dengan kata-kata ini Bukit Lanjan dengan ini memohon mencadangkan usul menjunjung kasih titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

Sekian terima kasih.

TUAN SPEAKER: Sila Hulu Kelang

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Bismillahirrahmanirrahim. Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Undangan Negeri Selangor. Saya ucapkan ribuan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk ambil bahagian memberi perbahasan. Menjunjung kasih ucapan titah Tuanku Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Dalam teks ucapan baginda dalam muka surat 7 menjelaskan “beta berkenan dengan kerjasama yang kukuh dengan kerjasam Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Selangor pada masa ini”. Ini adalah satu kalimah yang jujur, ikhlas yang datang dari hati nurani ibu payung kepada kita Kerajaan Negeri Selangor dan merupakan payung kepada Dewan Negeri Selangor yang mulia ini. Dengan ini kita menghormati kata-kata ini menghormati kata-kata ini dan kita memahaminya betul dan sebagai mana tepatnya kata-kata dan titah Tuanku yang mengasihi kita saya kembali mengenang Istiadat Pembukaan Dewan Negeri Selangor yang ke-13 tahun 2019. 30 Mac 2015 dalam titah tersebut Duli Yang Maha Mulia agar Syariah diangkat sebagai asas pengubalan dasar Kerajaan Negeri. Persoalan ini adalah persoalan yang telah dikemukakan kepada beliau dan kita akan dapat melihat bagi saya kesinambungan di antara titah baginda semalam dengan apa yang dizahirkannya pada 4 tahun yang lalu untuk menjadikan panduan mutasib syariah iaitu objektif-objektif undang-undang Islam, panduan Islam panduan Syariah sebagai asas untuk dikongsikan bersama bukan hanya untuk umat Islam tetapi juga seluruh rakyat Selangor.

Apa yang dimaksudkan sebagai mutasib Syariah ini adalah bertujah kepada dua (2) tonggak yang lain.

- 1) Manusia dan objektif kemanusian
- 2) Kenabian, kerasulan dan objektif Kerasulan dan Kenabian
- 3) Syariah yang dibuat oleh nabi-nabi dan rasul-rasul
- 4) Rasulullah S.A.W.

Saya ingin menyatakan bahawa perkongsian saya begitu faham hasrat-hasrat saya baginda menyatakan dalam rangka-rangka yang perlu difahami bahawa makasid insaniah ataupun objektif kemanusiaan itu adalah memertabatkan markasid. Al-Quran

19 MAC 2019 (SELASA)

telah menyatakan; (*ayat quran*). Memuliakan Bani Adam. Asas Bani Adam tanpa feel agamanya. Apa agamanya? Jawapannya dimulia. (*ayat quran*). Telah menjadikan manusia itu insan itu satu ciptaan yang mulia. Sempurna kejadiannya. Tapi perintah Allah SWT itu kesempurnaan itu disempurnakan dengan ibadah yang lain. Dalam konteks kejadian ini objektif kemanusian ini memartabatkan mulia, dihormati dan tidak boleh dihina apa bangsa dan agamanya. Satu asas yang penting ini lah asa membuat kita sangat terpanggil untuk menyatakan satu perbahasan telah saya bawa dan berharap usul saya dapat kelulusan speaker bagi membincangkan dari hati ke hati. Bagaimanakah mudahnya kita menyemarakkan kebencian mudahnya kita susahnya kita membina kasih sayang membina rahmah dan ini ditunjukkan oleh para nabi diutuskan sejak nabi Noh, nabi Adam, nabi Isa, nabi Musa, nabi Muhammad. Setiap nabi itu memberi rahmat pada kaumnya. Rasulullah diutuskan menjadi rahmah rahmatullahhirabbilalamin. Rahmah itu merupakan kasih sayang sempurna itu apabila manusia itu menyempurnakan kasih sayangnya itu. Dan yang ini kita ingin sarankan dalam pentadbiran kita sebuah pentadbiran kasih sayang. Yang penuh dengan rahmah dan penuh kasih sayang. Apabila kita bercakap dengan objektif Syariah, objektif Syariah berdasarkan kepada benda yang betul. Kesudahan yang ingin dibawa oleh rahmah itu adalah kebahagian. Happiness, kegembiraan, kebahagiaan al-falah. Semua sangat gembira. Yang bahagia, pendapatan yang besar, kehidupan yang senang, rahmah, tidak terancam dari kesusahan. Jadi dengan itu saya ingin menjelaskan di sini, bahawa titah ucapan Tuanku adalah amat besar maknanya. Apabila Baginda berkenan dengan kerjasama yang kukuh dengan kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Selangor. Saya berharap Dewan Undangan Negeri yang lain, Kelantan, Terengganu, Pahang dan Perlis Raja dan Tuankunya titah demikian, maka sempurnalah pentadbiran yang rahmah. Pentadbiran yang dipimpin oleh Kerajaan Harapan di Putrajaya telah memberi keadilan untuk semua. Ini yang kita hendak. Semangat yang diasas oleh nenek moyang kita agar negara ini merupakan negara yang menghormati konsep feudalisme yang tuanku kata prinsip yang feudalisme yang sihat dan matang akan dapat menjana sumber ekonomi dan kemakmuran ekonomi berdasarkan Kerajaan Persekutuan berteraskan pertumbuhan dan perkongsian kemakmuran membangkitkan kerjasama bagi berkongsi kekayaan, sihat dan berkualiti. Saya harap ini satu dasar perlu didokong oleh setiap kita tetapi apabila kita berada di sini doa yang kita bacakan kita aminkan itu bererti kita muhu putuskan keputusan yang terbaik untuk rakyat Selangor untuk kita berpegang amanah yang betul berkesan segala-gala untuk kebaikan dan kebahagian kita di dunia mahupun di akhirat.

Dalam ucapan baginda mengatakan prinsip Kerajaan feudalisme yang sihat dan matang adalah wakil-wakil rakyat di peringkat federal dan negeri mempunyai kualiti yang baik dan kualiti yang paling asas ialah sifat jujur kita, sifat benar kita, kita muhu benar dan keadilan yang kita harapkan pertemuan dan perkongsian dan apabila ada kemakmuran ditubuhkan dan ianya akan dikongsian bersama. Apabila ada sifat berkongsi ia akan tumbuh. Apabila ada orang yang tamak, ada orang yang bolot, ada orang membazir berlaku sewenang-wenangnya berlakunya pembaziran menyusahkan rakyat dan sebagainya. Saya ingin menyeru bahawa baginda berkenan dan berterima kasih kepada kerajaan yang memperuntukan RM2.6 billion untuk 39 projek baru dan 274 projek sambungan. Ini jarang-jarang berlkau mana-mana kerajaan. Kerajaan

19 MAC 2019 (SELASA)

Pakatan Harapan yang berlaku adil dan perlu kita sokong dan saya menyeru saya Dato' Yunus kembalilah bersama-sama. UMNO dengan PAS boleh kita runding. Turut disebut dan dipuji saya telah diberi ucapan tahniah dan saya semalam Bukit Antarabangsa turut berkenan dan usaha gigih Kementerian Ekonomi mengutamatkan naik taraf jambatan Klang Batu 3, Fasa II yang bernilai RM485 juta, meneruskan 14 projek yang ditangguhkan dengan keseluruhan peruntukan RM167 juta. Ini adalah satu tindakan yang cukup kemas yang diulang-ulang menggambarkan kasihnya Baginda kepada Mantan Dato' Menteri Besar, Bukit Antarabangsa dan saya ingin mengambil peluang di sini, untuk mengucapkan terima kasih sebagai wakil rakyat Hulu Kelang di mana Hulu Kelang ini bernaung di bawah Parlimen Gombak dengan ADUN Bukit Antarabangsa ialah tetangga nyer yang menjadi Ahli Parlimen yang juga menjadi Menteri di peringkat Persekutuan yang berkata pada saya semalam bahawa kita akan bantu Hulu Kelang ini adalah satu kawasan yang cukup bererti kepada rakyat. Dan saya menyeru di sini bagaimana yang telah diserukan dia mengatakan bahawa peruntukan 2juta pada setiap Ahli Parlimen untuk dilaksanakan di DUN itu adalah satu akan dilaksanakan sekiranya perundingan itu kemas. Jadi saya mencadangkan bahawa setiap DUN berjumpa dengan Ahli Parlimen berunding pelaksanaan 2 juta itu adalah di peringkat DUN, di mana Ahli Parlimen itu berada di Gombak ada 3 DUN iaitu Gombak Setia, Hulu Kelang. Gombak Setia Setiausaha Politik dia, Hulu Kelang sahabat dunia akhirat dia. Dan Sungai Tua Menteri Besar tak kan tak perlu *support* jadi kalau jadi kita peruntukkan 10 juta untuk Parlimen DUN kita akan curahkan sepenuhnya pada Hulu Kelang. Dan oleh kerana itu kita akan bertahun kemakmuran itu untuk dikongsi, jadi kongsi lah bersama-sama jadi saya pendekatan ini cukup membawa rahmat apabila kita kongsi akan bertambah itu kaum perempuan tak tahu la. Kongsi beramai-ramai tak semua perusahaan itu bahagia.

Jadi saya ingin mencadangkan di sini dewan yang mulia ini, bahawa peruntukkan peruntukan itu hendaklah di jana dengan segera dimanfaatkan dengan segera kerjasama hendaklah diwujudkan *internaly* dengan izin dalaman untuk membolehkan kita memanfaatkan sebaik-baiknya. Jadi saya ini mengucapkan terima kasih kepada DUN Bukit Antarabangsa yang juga maksudnya sebagai Menteri Hal Ehwal berbelanja projek sumbangan kepada PIBG sekolah dan kalau saya pergi ke sekolah peruntukan yang boleh saya beri 20,000, 30,000 sahaja ada sekolah kat Melawati dekat Taman Permata yang dapat peruntukan 150,000, 200,000 yang dapat 100,000 ditambah 250,000 dengan begitu pemurahnya jadi saya rasa saya yakin ini adalah satu perkara yang boleh kita tunjuk sebagai bukti bahawa apabila kita berkongsi kebahagian kita berkongsi kekayaan dia akan datang (hadis) bersyukur Allah akan tambah

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Tuan Speaker

TUAN SPEAKER: Ya Hulu Kelang, Sijangkang

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: dah sebab senyap jer saya mencelah Hulu Kelang, saya nak minta pandangan daripada Hulu Kelang, sama ada bila ada satu kerjasama di kongsi dengan beberapa orang yang mana sebenarnya tanggungjawab lebih besar daripada itu dan sebagai seorang Ahli Parlimen, Menteri Ekonomi

19 MAC 2019 (SELASA)

tanggungjawabnya satu Malaysia dan juga sebagai seorang Menteri Besar tanggungjawab tertumpu di DUN Gombak satu negeri Selangor apabila pekongsian itu hanya di lihat sebagai perkongsian atau menguntungkan DUN-DUN di bawah Parlimen Gombak ini menepati syariah, terima kasih.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Jangan bersangka tak baik lah saya nak buktikan

Y.B. TUAN KHAIRUDDIN BIN OTHMAN: Saya tak bersangka, tapi saya nak

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Penjelasan bahawa sekiranya tak berjaya tujuan saya dan kita akan memudahkan komunikasi hubungan kerjasama Parlimen dengan Menteri dengan YB Sijangkang maknanya saya boleh buktikan saya boleh lakukan kerana hubungan saya dengan dia ini adalah hubungan yang masam-masam manis, tak rapat tapi tak jauh tak rapat sangat tapi tak jauh saya menepati keadilan saya pernah bersama-sama beliau sewaktu Pengarah Pilihan raya dia Timbalan Pengarah Pilihanraya saya pernah menjadi satu penentu untuk menentukan kerusi antara PAS, Keadilan, dan saya telah masuk PAS saya keluar daripada PAS, Paya Jaras marah masa saya buat keputusan ini dia kata kembali kepada PAS dalam masa 2 hari. Dia bagi saya 24 jam. Tapi saya ucapan terima kasih semalam belanja saya makan. Tapi dua-dua degil berkaitan jadi kita bukan kita nak pembangkang tapi pembangkang dalam konteks bersatu padu tiada masalah dan pada masa kita menjadi pertama Kerajaan Negeri Selangor maknanya kualiti kita daripada ADUN-ADUN kerajaan lebih hebat daripada ADUN pembangkang jadi kita mahu memahami bahawa adalah satu perkara yang penting itu yang saya katakan hubungan saya dengan Bukit Antarabangsa adalah tidak dekat tidak jauh jarak tak jauh tak dekat tak jauh, masam-masam manis kadang-kadang dia kata saya pengemis saya kata dia main politik dengan istana.

Jadi hubungan itu menjadikan kita profesional dan hubungan profesional itu dan hubungan dan saya rasa beliau telah memberikan khidmat yang cemerlang di negeri-negeri yang lain dan beliau menjadi Menteri Pusat untuk seluruh rakyat Malaysia, jadi saya ingin menegaskan di sini mula 1 Jun 2019 hanya Air Selangor yang menguruskan perkhidmatan air bermula rawatan hingga pengagihan kepada pengguna di negeri Selangor, Wilayah Persekutuan dan Putrajaya. SYABAS pakatan rakyat Pakatan Harapan sejak 2008 kita telah menjadikan kertas putih Penstruktur Air Selangor tajuk yang besar kita telah melalui bersama dengan 3 Menteri Besar, Tan Sri Khalid Ibrahim, Dato' Seri Azmin Ali, dan Dato' Menteri Besar yang ada YAB Amirudin Shari. Seorang anak muda, sebaya anak saya, kebolehan kepintaran dan yang cukup baik untuk menerajui kita dan ini adalah satu perkara yang luar biasa dia mana bukan melalui 3 orang Menteri Besar tapi melalui 11 tahun yang penuh cabaran, penuh fitnah, penuh penipuan dan penuh musuh-musuh dan rakan-rakan politik dari sebarang sana yang bilangannya mula-mula 12 jadi 20, susut menjadi 12 susut menjadi 5 dan meningkat menjadi 6 tahniah tingkat 1 dan dengan itu saya ingin mengucapkan terima kasih ratusan dan ribuan lagi pakar-pakar aktivis air, NGO dan warga kerja sama ada swasta mahu pun awam yang terlibat dalam memastikan bahawa satu penstruktur semula

19 MAC 2019 (SELASA)

air ini adalah untuk kebaikan kita bersama. Tuan Speaker, kepada sini lah kita akan melangkah saya mencadangkan bahawa titah Tuanku yang menyentuhkan menyediakan pertamanya pelan induk sumber air negeri Selangor sehingga tahun 2065 hendaklah diusahakan dengan bersungguh-sungguh bermula dari sekarang kedua penjagaan dan pemeliharaan sungai, lembangan sungai hendaklah dilakukan dengan bersungguh-sungguh kerana kita ada satu enakmen dan satu agensi yang cukup baik, LUAS Lembaga Urus Air Selangor yang tidak ada di negeri-negeri lain kemudian ketiga pengawalan dan pemeliharaan hutan keempat program pendidikan rakyat dan tanggungjawab menghargai air dan pencemaran sungai dan pembersihan air kelima kuat kuasa undang-undang untuk mengenakan hukuman yang menjadikan insan yang lalai daripada perbuatan pencemaran sungai ini insaf.

Tuan Speaker, saya ingin menegaskan di sini bahawa air sumber air sangat besar di Selangor tetapi sebahagian besar kita 4 atau 5 sungai utama kita telah tercemar. Tercemar itu adalah hasil perbuatan kita, kelalaian kita yang kita perlu mengubah konsep kita tidak pernah dan kita tidak akan mewarisi alam sekitar ini hutan rimba sungai laut udara ini kepada generasi akan datang, sebaliknya kita kena ingat dan insaf untuk meminjam segala khazanah Allah ini daripada mereka, ini sesuai dengan perintah Allah s.w.t. (hadis) "janganlah kamu hasadkan jangan lah kamu rosakkan kamu musnahkan apa yang telah dielokkan oleh Allah di dalam alam ini, jadi proses islah ihiyah itu, pada perkataan islah merupakan reformasi ini adalah di dalam Al-Quran digunakan prakata, prosa kata kata kerja yang dinamik islah ihiyah yang sentiasa di islah kan diperbaiki dari semasa ke sesama tanpa henti sebagaimana Allah mempunyai sistem udara, awan, langit, air kitaran air sungai dan alam flora ini semua dinamik dan satu simbiosis padu dan mantap oleh itu kita kena ingat ganggu saja kita sikit tentang sistem itu akan merosakkan. Dengan itu saya mencadangkan bahawa kita mesti menggunakan satu *mind set* yang cukup baik cukup kemas bagaimana untuk menghormati menghargai ini air daripada Allah s.w.t., air ini adalah H₂O, 2 atom hydrogen, 1 atom oksigen, *atomic number* hydrogen 1, *atomic number* oksigen adalah 8.

Ketika Allah menjadikan alam ini, Al-Quran mengatakan "kun fa ya kun" jadi tak jadi, di dalam konteks terjemahan dalam Bahasa Inggeris , Allah memerintahkan alam ini jadi dia kata "*be at it be*" sorang menteri Kristian dan seorang saintis juga bergabung tenaga mengatakan kenapa Allah kenapa Tuhan kata *be* jadi kerana Allah jadikan alam ini daripada satu yang *simple* boleh dikatakan jika kita kata *be* itu *age its age*. Ini falsafah tinggi ala mini yang nyatakan dalam Al-Quran (hadis) tidak kah kamu melihat bahawa sebelum ini dunia alam ini adalah satu tetapi kami pisahkan dua ini (hadis) bersatu langit dan bumi bersatu (hadis) satu itu saintis kata kalau letakkan satu jarum peniti boleh kan letakkan satu yang kecik tadi tue satu *trillion* bijih sekecil hubungan langit dan bumi sebelum ini yang dikatakan masyarakat barat sebagai *bigbang*.

Kalau kita mahu membeli isyarat ini kita bole amik kalau tidak mahu tidak mengapa, saya ingin ingatkan bahawa dalam satu kajian sains dan geologi Kristian mengatakan Tuhan menjadikan alam ini dengan hidrogen dan menjadikan banyak nyer bintang, apa guna bintang bintang dijadikan untuk membakar hydrogen bintang dijadikan daripada

hidrogen gas yang terbakar dan dengan fusian dan bertukar daripada hidrogen ke helium dan daripada helium untuk jadi oksigen *atomic* nombor satu *atomic* kepada nombor 8 memakan masa mungkin 10 billion tahun, belum ada air dan bila terbakar lagi kemudian barulah ada air apabila bercantum dua hidrogen atom dengan 1 atom oksigen, faham ya saya mengajar fizik sikit. Ini adalah ilmu yang terkandung dalam Al-Quran, dalam *Bible* terkandung dalam buku agama yang lain. Saya ingin menegaskan di sini bahawa kalau kita insaf bagaimana air yang kita minum ini usianya adalah 15 billion tahun. Bukan dia jadikan hujan semalam. Dia dijadikan sejak alam ini dicipta sebelum Nabi Adam diturunkan ke bumi. Sebelum adanya bumi, sebelum adanya sistem suria dan cakerawala, air sudah ada selepas 2 ataupun mungkin 10 bilion tahun. Tuan-tuan dan puan-puan dan Ahli-ahli Yang Berhormat, Tuan Speaker, saya ingin kita pergi ke tahap itu menyedarkan bahawa air ini adalah sumber yang sangat berharga bagi sumber air yang perlu kita insaf sekiranya kita cemari kita telah menafikan bagaimana sulitnya nisbah kepada kita bahawa proses menjadikan air ini dikehendaki oleh Tuhan oleh Allah SWT. Dengan itu apabila kita bercakap tentang sumber air dengan izin *it is not aloof*, tidaklah dia terasing dengan kita menanamkan konsep sebenar H₂O. H₂O itu ialah H₂O bukan H L M. H₂O itu adalah air. Jadi ini kita kena tanamkan satu kempen untuk kita sayang air, air itu adalah satu alam ini. Dan kalau tidak ada alam, dan sains telah membuktikan dan Al-Quran telah menyatakan bahawa setiap yang hidup itu dijadikan dari air. Kalau ada kajian kita tentang cakerawala yang dikatakan dalam galaksi bimasakti ini sekurang-kurangnya ada 6 bilion sistem suria maknanya kita ada 6 bilion bumi lagi macam kita. Al-Quran mensyaratkan benda itu tidak mustahil dengan kekuasaan Allah SWT. Kalau ada 6 bilion lagi bumi di muka bumi Allah SWT ini maka di alam Allah SWT maknanya ada lagi sumber air di tempat-tempat lain selain bumi kita. Tuan-tuan dan puan-puan dan Ahli Yang Berhormat jadi saya ingin mencadangkan bahawa pelan induk sumber air Negeri Selangor hendaklah kita mulakan dengan falsafah air. Falsafah air maknanya sains dia, pemahaman agama tentang air hingga kita jadi insaf bahawa kita ni dijadikan daripada air. Dan air yang menjadikan kita adalah air yang paling hina. Tidak ada orang mampu untuk, minta maaf dengan izin kalau ada air mani di tepi-tepi longkang, tidak ada orang yang mengaku. Tapi itulah kita. Tetapi tanpa air tidak ada kesucian kita. Maka dengan itu saya ingin mencadangkan menyediakan ini pelan induk sumber air Negeri Selangor bukan merupakan satu perkara yang mudah. Tapi untuk menanamkan bahawa tiada kehidupan tanpa air dan tanpa air tanpa kehidupan tiada manusia tanpa air tiada guna air tanpa manusia. Dalam falsafah yang dinyatakan dalam kitab-kitab agama terutamanya Kristian, dalam *chapter genesis* menyatakan perkara tersebut. Kemudian saya ingin menegaskan di sini pemuliharaan dan penjagaan sungai dan lembangan air, lembangan sungai, kalau kita perhatikan Sungai Kelang. Sungai Kelang saya telah nyatakan pada tahun 2008 dan 2009 sidang dewan yang mulia ini juga bahawa hanya selepas 1.5 km selepas sungai daripada empangan Klang Gate air Sungai Kelang sudah jadi keruh. Bila melalui kampung-kampung lain berbagai-bagai-bagai sampah sarap telah dicampakkan ke dalam sungai. Dicampakkan daripada pampers bayi, lampin wanita dan sebagainya. Tetapi oleh kerana ada *community work* saya bersama-sama beberapa orang penduduk di Kampung Taman Warisan. Kamapung Taman Warisan ini adalah satu nama yang *misnomours* sebenarnya kerana pada pemerintahan Menteri Besar sebelum ini pada tahun 2005, pemerintah telah

19 MAC 2019 (SELASA)

mengisyiharkan kawasan itu adalah kawasan warisan tanpa gazet. Maka orang pindah ke situ buat rumah setinggan. Jadi mereka buang sampah di situ. Bayangkan tembok Klang Gate dam, bawah tu 200 meter orang buat rumah setinggan, berlakulah pembuangan buang sampah-sampah sarap dan sebagainya seawal itu. Dan saya mendapat kerjasama daripada mereka, berbincang dengan mereka, bertemu dengan mereka, bersetuju untuk tanam pokok, bersetuju untuk saya bantu, beli tong-tong sampah untuk mereka buang sampah dan kita bayar kerana tempat itu tidak diikuti oleh MPAJ pada masa itu sehingga saya usahakan. Mereka usaha sendiri bayar, buat kutipan dan kita benci mereka, cuba pindahkan mereka dan itulah satu misi yang belum saya berjaya lagi untuk memindahkan mereka ke tempat lain kerana kita tidak cukup projek pembinaan untuk memindahkan setinggan-setinggan yang ada di kawasan tersebut. Tapi hari ini saya bersyukur kepada Allah SWT kerana tempat itu telah bersih, tempat yang dikatakan Kampung Taman Warisan itu bersih, tidak ada pembuangan sampah, tidak ada orang buang air besar di sungai situ, tidak ada pembuangan lampin bayi, tidak ada pembuangan lampin wanita dan tidak ada pencemaran-pencemaran yang berkaitan dengan sumber luar. Dijaga oleh penduduk tapi status mereka itu adalah setinggan. Jadi saya menyeru Dato' Menteri Besar dan Kerajaan untuk mempercepatkan untuk proses membina semula, membangunkan Kampung Fajar, kerana Kampung Fajar saya telah bertemu dengan Pegawai Kewangan Negeri, beliau telah mewartakan akan dilaksanakan secepat mungkin kerana tanah itu terbahagi dua iaitu tanah Kerajaan Negeri dan tanah Kerajaan Persekutuan. Saya berharap ini adalah satu projek yang sekiranya saya dapat sokongan daripada kerajaan, dibina dengan kerjasama peringkat MPAJ, di peringkat Pejabat Daerah Gombak, sektor swasta, Kerajaan Negeri kita binalah satu kawasan pemindahan yang menghormati status mereka ini yang berada di Kampung Taman Warisan dan tempat-tempat lain termasuklah setinggan daripada Kampung Fajar sendiri. Saya serulah kalau tidak saya mati nanti di dalam keadaan yang orang tak nak mati. Saya nak mati dalam keadaan aman damai.

TUAN SPEAKER:

Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HJ. HANAFI: Terima kasih YB Hulu Kelang. Saya pergi tahap sungai ini dulu ada projek sungai angkat dan sebagainya. Tapi saya rasa bila hal-hal punca air ini,sungai, pandangan saya pihak Kerajaan Negeri perlu buat secara bersepada. Pihak Pejabat Tanah dan Galian kerana punca air ini menjadi satu fenomena yang kita nampak diabaikan. Seperti mana tadi pihak Exco ada menyatakan kita ada Hari Tanpa Kenderaan, saya rasa sungai pun kita rasa perlu dibuat balik cara daripada peringkat bawah MPKK perlu diberi kuasa untuk menjaga sungai-sungai ini melalui Jabatan Pengairan dan Saliran. Sungai angkat diberi peruntukan di mana kita akan penambatan sampah-sampai dan sebagainya. Pandangan saya dibuat secara menyeluruh, pihak Kerajaan Negeri, pihak Kerajaan Tempatan, juga kepada MPKK ini supaya penguatkuasaan ini dapat dilaksanakan bukan secara bermusim dan dari segi peruntukan dan kesedaran mengenai pembuangan sampah di sungai-sungai dan punca air ini perlu diteruskan sebagai negeri yang bersih dan sejahtera akan datang.

19 MAC 2019 (SELASA)

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Terima kasih di atas pandangan tersebut dan kita mahu YB Semenyih bagi idea di sana. Saya berharap komuniti yang ada di sungai diperkasakan dan komuniti penduduk di Melawati dengan NGO yang berbagai-bagai termasuk Kelab Rotary dengan izin telah mengadakan gotong-royong setiap minggu setiap Sabtu dan Ahad pagi, membersihkan sungai, bergotong-royong membersihkan kawasan agar kesedaran meningkat dari semasa ke semasa untuk menjadikan sungai sebagai sumber kehidupan yang dihargai sepenuhnya. Dan satu kesan yang besar sekali tentang pemulihan dan pemuliharaan sungai ini adalah juga berkaitan dengan pemulihan hutan.

TUAN SPEAKER:

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS: Saya sebenarnya sangat teruja dengan saranan daripada sahabat YB Hulu Kelang yang ingin pastikan bahawa sungai-sungai ini dapat dipulihkan dan dipelihara dengan melibatkan bukan sahaja badan-badan Ngo seperti komuniti di sungai-sungai yang perlu diperkasakan dan tadi disarankan supaya mengadakan aktiviti gotong royong setiap minggu. Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada YB tentang sebelum kita mewujudkan komuniti ini beberapa elemen ataupun falsafah prinsip penghayatan nilai-nilai gotong-royong ini perlu ada dalam masyarakat. Kalau kita ada komuniti tapi komuniti itu bersifat *self-centrik* tidak mahu bersama-sama untuk datang bergotong-royong sebab hari ini sebagaimana saya faham dan ramai memahami bahawa prinsip-prinsip gotong-royong ini dah mula longlai dan mungkin lupus terutamanya di kawasan-kawasan bila telah berlaku pemodenan dan juga kemajuan pembangunan. Jadi dengan adanya nilai-nilai ketirisan gotong-royong dan nilai-nilai gotong-royong yang sangat lemah ini adakah YB berkeyakinan bahawa kita boleh dapat melihat tindakan yang berkesan dilakukan untuk memastikan bahawa kita berjaya menyelesaikan masalah pemulihan dan penjagaan sungai-sungai.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Seperti yang saya sebut dan nyatakan tadi saya ingin pastikan sokongan padu di peringkat kerajaan. Kita ambil dua contoh. Satu apabila Selangor diambil alih oleh Kerajaan Pakatan Rakyat pada tahun 2008, Menteri Besar pada masa itu berambisi besar untuk menjana Sungai Kelang sebagai satu tempat menjana ekonomi sebanyak RM50 bilion dengan memberi hasil pekerjaan kepada 15 ribu orang pekerja pada masa itu. Belum sempat bercakap ROL pun diisyiharkan oleh Perdana Menteri pada masa itu. Perdana Menteri mengatakan (*River Of Life*) adalah projek untuk *the greater KL*. Selangor tidak disebut. Jadi benda itu dibuat rupa-rupanya projek untuk membelanjakan dana yang ada serta belanja daripada sejauh 9 km daripada kawasan Sungai Kelang di Melawati hingga ke Sungai Batang Beremang harganya hampir RM300 juta. Dengan *overdesign* di mana tempat perangkap sampah yang terlalu banyak dan tempat nak turun access tidak ada. Tapi yang penting sekali pada masa itu saya didatangi oleh seorang pegawai yang mengaku di lantik oleh ROL projek untuk membina komuniti *park*. Komuniti *park* ini adalah kawasan-kawasan yang dekat kanan kiri Sungai Kelang untuk dibina taman dan dia dilakukan oleh NGO. Bagaimana untuk mendapatkan NGO, dia kata dia akan mencari. Pada masa itu ada banyak NGO dan datang mesyuarat hanya untuk bertanya berapa peruntukan, itu sahaja. Dan akhirnya tanah terbiar dan sungai terbiar, semak samun

19 MAC 2019 (SELASA)

dan tidak jadi projek tersebut. Dan ROL pun habis di situ dan komuniti work untuk membangunkan sungai pun habis di situ. Tapi yang lain ini adalah datangnya dari kesedaran kerana mereka adalah *human* aktivis, aktivis hak asasi manusia, aktivis tentang sungai, alam sekitar dan bersatu padu untuk menjayakan program itu regardless dengan izin tanpa bantuan kerajaan ataupun tidak. Tetapi yang lebih saya ingin hormati di sini adalah satu komuniti yang berada di Kampung Kemensah. Kg Kemensah ini adalah tempat di Zoo Negara, masuk zoo negara itu masuk lagi ke dalam 2 km masuk lagi 1 km ke Kg Orang Asli di situ ada banyak tempat-tempat diadakan rekreasi di tepi-tepi sungai. Masalahnya mereka ini adalah pengusaha chalet, pengusaha restoran.

TUAN SPEAKER: YB Hulu Kelang sila duduk. Sambung nanti. Saya ingin memberi peringatan sebelum saya tangguhkan dewan untuk rehat. Saya ingin memberi peringatan kepada Ahli-ahli YB, khusus tentang disiplin dan kod etika pakaian. Yang penting, yang pertama, YB Sungai Panjang jangan keluarkan bunyi telefon. Ini bagi peringatan. Sila ambil maklum. Yang Kedua, semua Ahli-ahli Dewan, kod etika pakaian saya pernah tegur termasuk lelaki dan perempuan. Yang perempuan/wanitanya kita kena ada jaket warna hitam, jangan berwarna warni seperti YB Bukit Lanjan, saya bagi contoh. Kena warna hitam kalau tidak saya akan ambil tindakan. Saya bagi teguran. Sila ambil maklum.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian masa telah menunjukkan 1 tengah hari. Dengan itu saya menangguhkan dewan hingga jam 2.30 petang. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 petang)

(DEWAN DISAMBUNG SEMULA)

(PUAN TIMBALAN SPEAKER MEMPENGERUSIKAN)

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Ahli-Ahli Yang Berhormat Semua Dewan disambung semula. Silakan Hulu Klang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Saya sambung lagi dalam masa setengah jam. Saya berada di kawasan tajuk berkaitan dengan Kampung Fajar, Kampung Warisan dan Kampung Kemensah, Kampung Orang Asli dan banyak lagi masalah yang boleh dijadikan potensi kepada kejayaan dan kekuatan pada negeri Selangor. Saya bercakap tadi tentang Kampung Kemensah, Kampung Kemensah dah jadi satu tempat yang orang tidak tahu. Tanya Ketua Kampung, tanya Pengurus MPKK, tanya penduduk Kampung Kemensah di mana mulanya Kampung Kemensah, dari jalan mana ke jalan mana. Mana jalan masuk dan jalan keluar pun tak tahu. Kemensah itu jalan dari Batu 3 Zoo jalan ke Finas, jalan terus sampai akhirnya satu tempat yang dulu dinamakan Kem Tun Ghaffar Baba kemudian telah digantikan dengan Pusat Budaya Baru UMNO kemudian di ambil

alah oleh kerajaan Pakatan Harapan menjadi pentadbiran dan pengelolaan MPAj dari segi kontrak pembersihan dan menaik taraf bangunan tersebut dan ini dinyatakan bahawa EXCO Pendidikan bagi program latihan dan pembangunan insan. Selebih dari itu saya dan ADUN tempatan tak tahu. Jadi lawatan-lawatan yang saya buat bersama-sama dengan MPAj tentang tempat tersebut. Apa yang menarik di situ adalah kampung itu dah dimiliki oleh siapa yang nak. Siapa yang boleh bawa tembus jalan di belakang ikut jalan bukit ikut Kem Tun Ghaffar Baba, ikut MRR2. Saya menyeru agar kerajaan bukannya di Kemensah bukan untuk tujuan tersebut adalah untuk mendefinisikan apakah definisi kampung. Kalau Kampung Kemensah itu boleh tembus sampai ke Ampang, sampai Klang Gate boleh, dan macam-macam aktiviti bertaraf dunia ada. Aktiviti bertaraf dunia yang diiklankan di seluruh dunia ialah ATV (All Terrain Vehicle) Dulu Ada satu operator. Hari ini dengarnya maklumat yang saya kumpulkan kini ada 3 operator. Katanya dulu mendapat izin daripada tanah Jabatan Hutan. Kerana trek ATV itu merosakkan hutan. Jadi kena beri perhatian yang baik agar tidak rosak kena ada penyeliaan daripada Pejabat Hutan. Ada 3 operator maknanya ada lebih 100 ATV. Kemudian selain daripada itu apa yang menarik adalah satu program bertaraf dunia iaitu BBQ Lamb ini adalah satu jenis makanan simple. Kambing, itik, ayam, daging lembu dibakar dengan satu teknik yang cukup canggih. Dihadangkan dalam bentuk menarik. Satu yang menarik itu ia dihadangkan sambil meja diletak di dalam air sungai. Siapa yang nak merasa makan dalam sungai, kaki terjuntai. Katanya seronok. Dan itu menyebabkan seluruh dunia datang dari pelbagai tempat dan tak cukup kemudahan dan pelik macam mana kerajaan tak bantu. Persepsi lain-lain. Jadi himpitan daripada penduduk itu adalah kerana adanya di situ Kampung Zoo Negara yang dulunya masuk RM16 seorang. Hari ini saya dimaklumkan tiket RM40. Di mana tinggi kerana ada attraction ke kampung Kemensah. Pada hujung minggu dikatakan tidak kurang daripada 6000 ke 7000 orang pergi ke Zoo dan terus ke Kampung Kemensah berkelah. Dan macam-macam masalah. Perjuangan saya untuk membolehkan mereka berdaftar itu semua *impossible*. Pada pemerintahan Menteri Besar yang pertama berkaitan rakyat, kerajaan telah dinasihatkan oleh Pegawai Penasihat Undang-Undang untuk mengeluarkan notis. Notis setakat notis membuktikan bahawa kerajaan tidak cuai dan tidak ada perubahan. Saya berunding dengan operator-operator dan pengusaha Chalet dan ATV dan mereka bersetuju untuk menuhubungkan persatuan. Dan persatuan itu didaftarkan bawah ROS ada hierarki yang membolehkan perbincangan itu telus dan mesyuarat tahunan dan ada feedback dan ada laporan yang saya kemukakan kepada Pejabat Daerah dan MPAJ dan juga pada Dewan ini dan semuanya berjalan baik. Tapi oleh sebab itu kita telah dah berkawan 10 tahun mereka inilah yang menjadi tebing, runtuh tebing mungkin sebab mereka buat beli batu sangkar. Jadi maknanya MPAj tidak akan bagi lesen bermula. Sebab itu dia resah. Apabila berunding dengan Pejabat Tanah dan Daerah Gombak dan MPAj, implikasi mengesahkan tempat tersebut adalah terlebih infrastruktur. Parking nak buat, elektrik kena supply, air kena supply. Ironinya water supplynya ke Kem Ghaffar Baba ada. Itu isu politik dulu. Jadi saya harap saya dah laporkan satu kertas kerja kepada EXCO Pelancongan dan pada 1 April ini beliau akan turun bersama saya untuk tengok tempat itu. Saya nak katakan tempat itu bertaraf dunia, ATV, BBQ Lamb tapi toilet pun tak ada. Saya nak keluar peruntukan boleh saya keluarkan peruntukan buat toilet tapi saya tak boleh buat secara tak sah. Bina satu bangunan di kawasan kerajaan yang

19 MAC 2019 (SELASA)

tidak sah. Jadi saya takkan lakukan. Itulah rasanya minta kerajaan tengok balik Hulu Klang potensinya hebat, kita ada kawasan setinggan, kawasan perkelahan, rekreasi, kita ada kawasan Zoo Negara bertaraf dunia dan kita ada tempat laluan burung vektor dan melalui Bukit Melawati dulu dan melalui permatang kuarza tetapi tidak diuruskan. Saya mintalah, saya merayu saya rasa tidak susah. Saya rasa saya ada buat tapi saya tak tau adakah ADUN boleh buat. Kalau saya diberikan peluang untuk mewujudkan satu *taskforce* mana satu komiti di Kampung Fajar kalau dibenarkan oleh peruntukan ADUN saya boleh buat dengan cara membuat terbuka, open, transparent, bangunkan, join venture bina bangunan 38 hingga 40 tingkat, share dengan pemaju keuntungan, share dengan penduduk setinggan. Setelah minta calculation dengan seseorang pemaju pada tahun 2008 untuk mencadangkan Kampung Fajar itu dibangunkan on high rise basis. On high rise itu maknanya kita bina bangunan tinggi market price mesti under RM80,000 ke RM120,000 per unit. We are selling at setinggal asal pada harga RM100,000. Ada ke yang berani buat?. Berani ke tahap itu. Tapi saya tak tahu why kerajaan terlalu konservatif dan tak berani. Takut gagal. Saya pun tak tahu tapi tak buat tak tahu. Jadi itu saya merayu dan merayu dan saya dengar Kampung Fajar akan diserahkan kepada kerajaan Persekutuan. Tapi saya dah tanya pada EXCO Perumahan tapi dia kata tak begitu. Masih di bawah kerajaan Selangor. Jadi saya harap one for all. Yang terakhir, kalau saya boleh hidup lagi empat tahun sampai akhir penggal akhir itu, saya nak tengok kita boleh buat. Kampung Fajar kita pindahkan.

Jadi saya nak tutup di sini dengan mengatakan bahawa resources kita ada. Orang nak tolong banyak. Tapi kita we are not liking people are willing to invest, bantu kita, mengharapkan kita negeri yang maju dan boleh mentadbirkan sumber dan tidak ada rakyat yang deserve hidup di Kampung Fajar. Pergi di sana tengok 90 keluarga kaum India berhimpit-himpit rumahnya nak kata rumah tak rumah, nak kata tak rumah, rumah. Tapi ada tv big screen, ada yang air cond tapi tak macam rumah. Kalau terbakar habis hancur. Jadi saya harap Kampung Fajar satu tumpuan kampung flat dan rumah pangsa yang pernah dinamakan sebagai Columbia tempat berlakunya tempat pengedaran dadah di Malaysia pada tahun 70an kita robohkan dan kita bina baru. Dah 30 tahun tidak ada CF, penduduk kesian. Saya offer why can work dengan izin cari developer dan negotiate dengan government you have certain title corporate dengan pemaju dan roboh dan bina. Ini adalah imej yang Sime Darby buat Hulu Klang ni daripada Taman Melawati sampai Anjung Timur Kuala Lumpur. Datangnya dari Pantai Timur lalu situ nampak Kuala Lumpur cantik. Masuk saja kawasan Hulu Klang comot. Secomot comotnya. Jadi saya harap this time diberikan peluang we are willing to talk saya akan bagikan masa yang ada pada saya untuk membuat yang terbaik untuk rakyat. Dengan itu saya ucapkan terima kasih kepada Timbalan Speaker yang sabar mendengar celoteh saya di sini dan saya harap apa yang saya sampaikan di sini tidak lain dan tidak bukan untuk kebaikan negeri Selangor selaras dengan maksud dan tujuan objektif kita di Selangor untuk menyediakan sebuah tempat yang menjana kegembiraan. Happiness. Kenapa kalau orang Finland dapat inden no. 1, Denmark No.1, Finland no. 2..... Kita pada 2 tahun lepas dari no. 7 sepatutnya naik no. 4. Tahun itu bersamaan tahun 2013 tahun kita menang balik Selangor. Saya nak ucapkan terima kasih dan saya menyokong usul menjunjung kasih titah Tuanku Sultan Selangor diterima. Terima kasih.

19 MAC 2019 (SELASA)

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Baiklah Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong sekarang saya buka untuk perbahasan daripada ketua Pembangkang. Dipersilakan Sungai Air Tawar.

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL : Bismillahirahmannirrahim. Assalamualaikum wbt dan salam sejahtera. Salam Bossku. Nasihat petunjuk dan juga pesan amanah diberi terus disanjung. Demi Negeriku Selangor Darul Ehsan titah Tuanku Patik junjung. Terima kasih kepada Tuan Timbalan Speaker kerana memberi peluang kepada Sungai Air Tawar untuk turut serta berbahas dalam usul menjunjung kasih Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor bersempena pembukaan Sidang Dewan Undangan Negeri Tahun 2019 ini. Inti pati titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor semalam haruslah diangkat dan disemat di dalam setiap sanubari Ahli-Ahli Dewan Yang Mulia ini. Segala titah nasihat petunjuk dan juga pesanan tuanku sudah tentu menjadi bekalan berharga buat kita semua dalam melaksanakan mandat yang telah diberikan rakyat. Kepada Tuan Timbalan Speaker, sebelum saya berucap dengan lebih lanjut izinkan saya mewakili blok pembangkang enam bersaudara untuk mengucapkan salam takziah serta rasa simpati kami ke atas mangsa serangan pengganas di dua buah masjid di New Zealand pada Jumaat lalu yang telah mengorbankan sejumlah 50 nyawa. Semoga Allah mencucuri rahmat di atas roh-roh mereka yang terkorban. Sesungguhnya kejadian ini bukanlah disebabkan ajaran agama. Tiada satupun agama di dunia ini mengajar atau menganjurkan keganasan. Islam adalah agama kedamaian. Dan keganasan tidak pernah mengenal agama. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada DUN Sementa telah dilantik menjadi Timbalan Speaker (Tepuk Meja). Tahniah juga diucapkan kepada mantan Timbalan Speaker yang juga DUN Paya Jaras kerana telah dilantik menjadi Pengurus Jawatankuasa Tetap Pembangunan Generasi Muda dan Sukan Pembangunan Modal Insan. Selamat menjalankan tugas, semoga amanah dalam amanah yang diberikan. Kepada Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker sebagai pembuka bicara, saya ingin mengalau-alukan Yang Berhormat Semenyih telah memenangi pilihan raya kecil DUN Semenyih yang telah diadakan pada 2 Mac yang lalu (Tepuk Meja). Keputusan PKR Semenyih ini adalah sesuatu yang manis memandangkan ianya adalah kerusi pertama di dalam penggal kali ini menyaksikan pertukaran komposisi dari satu parti ke parti yang lain.

Terima kasih kepada semua pengundi DUN Semenyih kerana berani membuat keputusan walaupun Kerajaan Persekutuan dan Negeri di bawah parti pimpinan Pakatan Harapan dengan tidak langsung memberi gambar bahwasanya rakyat tidak akan teragak-agak menukar kedudukan ketika ini dengan tidak mengundi parti kerajaan. Selain itu, saya mewakili parti UMNO dan Barisan Nasional dengan secara rasminya mengucapkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pimpinan PAS di peringkat pusat, negeri maupun di peringkat kawasan kerana bersama-sama menyumbang keringat dan tenaga bagi membantu Barisan Nasional sehingga memungkinkan kerusi yang sebelum ini milik Pakatan Harapan di rampas oleh blok pembangkang.

Saya berharap kerjasama UMNO dan PAS bersama parti komponen yang lain akan terus dipereratkan dan dilanjutkan dalam menghadapi tempoh bagi penggal yang ada

19 MAC 2019 (SELASA)

atas semangat pembangkang di negeri ini. Bagi mestikan proses semak dan imbang terus berlangsung sesungguhnya kemenangan Barisan Nasional Semenyih adalah satu manifestasi rakyat yang semakin bosan dan jemu dengan pentadbiran kerajaan Pakatan Harapan baik di Persekutuan dan Negeri yang gagal suara dan keperluan rakyat.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Ingin mencelah. Adakah betul MIC dan MCA sedia bekerjasama dengan PAS dalam agenda politik UMNO ini?

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL: Tidak ada masalah pada Bukit Gasing. Tidak ada masalah setakat ini. Alhamdulillah, pemuda MIC datang dewan ini untuk melihat perbahasan ini daripada Barisan Nasional dan juga PAS (Tepuk Meja). In Sha Allah, gabungan antara Barisan Nasional dan PAS serta parti komponen dapat memperjuangkan hak-hak rakyat. Ya Sungai Pelek.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Terima kasih Puan Timbalan Speaker. Saya nak tanya saya rasa Pakatan Harapan tidak ada masalah atau problem apabila UMNO sudah kahwin dengan PAS. Itu kita tidak ada masalah cuma saya rasa khuatir kalau boleh kombinasi ini jangan mainkan isu perkauman dan agama demi sokongan sebab Malaysia sebagai satu masyarakat yang majmuk, berbilang kaum, berbilang culture dan sebagainya tak eloklah kalau terus memainkan isu perkauman dan agama untuk meraih undi. Jadi kalau bekerjasama dengan baik memainkan peranan sebagai satu pasukan opposition yang berkesan, efektif itu dialu-alukan apa pandangan Yang Berhormat.

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL: Terima Kasih Sungai Pelek. Saya kira tidak pernah berlaku memainkan api perkauman ini kerana mengikut track rekod kita sepanjang Barisan Nasional menjadi kerajaan. Kita tidak pernah menepikan mana-mana kaum begitu juga pentadbiran kerajaan PAS di Kelantan dan Terengganu. Saya kira tidak kira parti tidak boleh memainkan isu perkauman ini untuk mengambil keuntungan paling penting hari ini kerjasama di antara UMNO dan PAS berdiri atas sebab rakyat pada hari ini telah hilang kepercayaan kepada parti Pakatan Harapan.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Sungai Air Tawar, mencelah. Saya nak pandangan daripada Sungai Air Tawar. Alhamdulillah saya bersyukur ada satu kenyataan telah diubah tapi mungkin saya nak minta pandangan daripada Sungai Air Tawar. Ada pemimpin daripada parti yang sifatnya seorang menteri yang mengeluarkan kenyataan infication of PAS and UMNO dengan izin Puan Timbalan Speaker is declaration of war to against non-malays saya kira ini adalah perkataan yang bersifat perkauman mungkin boleh bagi pandangan Sungai Air Tawar.

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL: Terima Kasih Sijangkang. Saya teruskan perbahasan saya dan saya akan sentuh di dalam perbahasan saya.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Sedikit sahaja.

19 MAC 2019 (SELASA)

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL: Okay Sungai Pelek.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Puan Timbalan Speaker, saya rasa declaration of war itu hanya semata-mata tiga (3) of speech sahaja. Ia bukannya betul-betul nak berperang dan sebagainya itulah penjelasan.

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL: Terima Kasih Puan Timbalan Speaker. Saya teruskan.

Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN: Sungai Air Tawar. Sikit sahaja.

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL: Ya Sungai Panjang.

Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN: Yang Berhormat Sungai Air Tawar. Terima kasih juga Puan Timbalan Speaker. Saya pun ingin menyentuh serba sedikit apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Sungai Air Tawar dan juga Yang Berhormat Sungai Pelek. Kita menyambut sarangan bahawa setiap parti atau setiap daripada pemimpin janganlah ada timbal sebarang provokasi atau isu-isu yang menyentuh soal agama dan juga soal-soal sentisivity. Saya yakin kalau Sungai Air Tawar boleh ulas bahawa penyatuan ataupun kerjasama di antara UMNO dan PAS ini tidak pernah pun disebutkan atau digembar-gemburkan berkenaan sentisivity agama tapi ini adalah pandangan dari pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab atau pemimpin daripada pihak sebelah sana yang menggambarkan seolah-olah penyatuan yang boleh menggugatkan keharmonian dan kemakmuran kaum jadi apa pandangan Sungai Air Tawar.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Silakan Yang Berhormat.

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL: Terima Kasih Sungai Panjang. Saya ingin meneruskan perbahasan saya. Kekalahan Pakatan Harapan di PKR DUN Semenyih juga haruslah menjadi peringatan kepada Kerajaan Negeri agar tidak meminggirkan harapan dan amanah telah diberikan oleh rakyat ketika pilihan raya umum PRU ke 14 tahun lalu. Sebagai pembangkang, sudah tentu kami berasa senang melihat Kerajaan Negeri tetapi sebagai pembangkang yang baik, yang sentiasa meletakkan kepentingan rakyat sebagai asas perjuangan kami. Kami juga mahu lihat Kerajaan Negeri terus berusaha dalam memastikan nasib rakyat terus terbela dan terpelihara. Biarlah kita bertekak atau bercakaran di dalam dewan ini tentang apa-apa isu sekali pun tetapi akhirnya kita bersama-sama baik pun kerajaan ataupun pembangkang mempunyai tugas besar dalam memastikan keperluan dan kehendak rakyat dipenuhi sebaik mungkin. Saya memang tidak senang. Yang menang tidak semuanya menang tetapi yang kalah pastinya merana. Saya doakan agar Yang Berhormat Semenyih yang baru mengangkat sumpah sebagai ahli dewan negeri ini dapat memainkan peranan sebaik mungkin dalam memegang amanah yang diberikan oleh rakyat. Agama Islam adalah agama rasmi persekutuan perkara tiga (3) perlombagaan persekutuan telah menyimpulkan dan mematikan perkara ini dalam konteks Malaysia Yang Dipertuan Agong adalah ketua agama Islam di negara ini.

Manakala, di peringkat negeri Selangor ini Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor adalah ketua agama islam di negeri. Maka dengan itu, ada penting perkara itu dipegang dan dihormati oleh semua rakyat di Malaysia namun akhir-akhir ini Malaysia menghadapi satu cabaran baru terdapat segelintir individu yang dilihat cuba bermain api dengan mengeluarkan kenyataan-kenyataan melampau yang menghina agama islam yang dibuatnya mereka melalui saluran media sosial. Penghinaan atas junun besar umat Nabi Muhammad S.A.W bukan sahaja menyakiti hati umat islam di Malaysia malah tindakan tidak bertanggungjawab ini telah menyebabkan rasa kurang senang mengganggu gugat keharmonian kaum dan agama di dalam negara ini.

Tuanku Sultan Selangor bertitah dengan menyatakan perbuatan yang sedemikian bukan sahaja menggugat keharmonian serta perpaduan rakyat malah boleh juga menyebabkan rusuhan antara kaum dan agama. Seterusnya, mengakibatkan permusuhan berpanjang antara kaum di negara ini. Selain daripada itu, kebelakangan ini kita juga sering disajikan dengan banyak kisah yang seolah-olah mencabar normal kehidupan masyarakat di Malaysia. Sebagai contohnya bagaimana perhimpunan kononnya untuk meraikan Hari Wanita telah berubah menjadi perhimpunan mengangkat suara-suara LGBT. Jika sebelum ini kumpulan-kumpulan ini tidak begitu berani tampil menunjukkan aksi namun pasca 9 Mei menyaksikan semakin banyak suara-suara sumbang yang meminta agar hak-hak golongan songsang ini diangkat dan diiktiraf di negara ini. Malah ada keterlaluan sehingga ingat menyamakan golongan transgender sebagai wanita kononnya dengan mengambil definisi wanita dari sudut psikologi maka mereka merasakan golongan transgender ini adalah sama seperti wanita sebenar dan meminta agar mereka diiktiraf setaraf wanita.

Justeru, saya merasa terpanggil untuk meminta agar pihak Kerajaan Negeri menyatakan pendirian secara rasmi dalam dewan ini tindak-tanduk golongan ini. Saya juga ingin mendesak agar agensi-agensi kerajaan negeri yang terlibat agar sentiasa memantau perilaku serta gerakan yang dibuat oleh golongan ini. Sebagai negara yang menjadikan islam sebagai agama rasmi persekutuan, perkara ini sudah tentulah yang sensitif dan boleh menimbulkan kurang senang oleh majoriti di negara ini. Selain itu, saya ingin mengingatkan ahli-ahli politik agar tidak mengambil kesempatan mengeluarkan kenyataan yang cuba melaga-lagakan kaum di dalam negara ini berhubung kerjasama UMNO dan PAS. Sebagai contoh, kononnya kerjasama UMNO dan PAS berbentuk pengisytiharan perang ke atas kaum bukan islam begitu juga kenyataan menakut-nakutkan rakyat kononnya Malaysia menjadi negara Afghanistan yang dipimpin Taliban. Ya Banting

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih Yang Berhormat Dato Pembangkang. Saya mengikuti perbahasan Yang Berhormat tadi dan saya berasa begitu teruja untuk bertanya sekarang berkenaan isu agama dan isu kaum ini. Kita semua tahu bahawa ianya adalah isu yang cukup sensitif tetapi adakah benar bahawa sekiranya kita menyebut tentang isu agama dan kaum dalam perbahasan kita yang sebenarnya tidak disebut dalam perbahasan titah ucapan Tuanku semalam tetapi pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat dengan secara yang disengajakan. Adakah yang Yang Berhormat

19 MAC 2019 (SELASA)

bersetuju dengan saya sekiranya kita tidak patut menghina mana-mana agama atau etnik ianya sepatutnya diterima pakai untuk semua agama dan etnik. Kita di Pakatan Harapan khususnya TLP menentang sekutu-kuatnya mana-mana perkauman yang rasis, yang toksik, yang tidak berlandaskan perlembagaan persekutuan. Politik toksik ini yang diperjuangkan oleh golongan tertentu kita tolak. Kami tolak tetapi ada pula orang di sebelah sana yang menggunakan perkara-perkara ini sebagai satu agenda kononnya ingin perjuangkan bangsa dan agama tetapi yang dikatakan hanya sesetengah agama dan sesetengah kaum tertentu sahaja. Contohnya, saya ingin bertanya Yang Berhormat Dato pembangkang dalam PRK Semenyih ada mantan menteri di sebelah sana ada menyatakan bahawa calon-calon menteri dari sesuatu kaum itu adalah tidak layak menjadi menteri kalau itu adalah pendirian parti itu dan kebetulan kalau itu keluar yang berasal pemimpin yang sama. Apakah pendirian Yang Berhormat? Adakah Yang Berhormat akan berdiri dalam dewan yang mulia ini mengecam ucapan itu. Adakah Yang Berhormat akan melakukan sesuatu dan mengecam apa yang dihujahkannya. Adakah politik toksik yang dibawa-bawa oleh pemimpin Yang Berhormat dan Yang Berhormat akan menolaknya sama sekali. Ini soalan saya jadi kita tidak perlulah menjadi talam dua muka. Cakap satu pada hari ini, cakap yang lain pula pada hari yang lain. Saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Silakan Yang Berhormat.

Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR : Boleh mencelah sikit? Ok, terima kasih Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Menyentuh soal LGBT yang dibangkitkan tadi dalam ucapan seolah-olah Kerajaan tidak ataupun nak mengiktiraf golongan ini sebenarnya perlu diperjelaskan kepada pihak pembangkang, Ketua Pembangkang Yang Berhormat, bahawa kita tidak pernah pun mengiktiraf pun golongan ini. Malahan, kalau kita lihat mereka berhimpun baru-baru ini pun bukanlah mewakili Kerajaan, dan mereka berhimpun pada Hari Wanita dan mengambil kesempatan melaungkan hak LGBT sedangkan Kerajaan sendiri khususnya Kerajaan Pusat sendiri telah mengenakan tindakan-tindakan dan juga nasihat demi nasihat kepada golongan ini supaya kembali ke pangkal jalan. Bukan kita mengiktiraf. Ini satu perkara yang perlu pihak pembangkang fahami. Kita tidak pernah mengiktiraf. Malahan mereka tidak ada ruang pun di tempat kita. Itu perlu diperjelaskan. Dan dia memang, orang kata, mencari adat dan juga tidak diterima oleh mana-mana budaya di dalam negara kita dan juga agama di dalam negara kita, walau apa agama sekalipun di dalam negara kita. Dan kalau kita lihat sebelum ini mereka tidak menyatakan ataupun tidak mendemonstrasikan untuk menyatakan haknya sebab mungkin pada ketika zaman pemerintahan dulu hak mereka dilindungi. Sebab tiada operasi macam mana yang dibuat oleh Menteri Wilayah baru-baru ini, banyak kali buat operasi kepada golongan ini untuk pastikan golongan ini dapat diperbetulkan, dapat kembali ke pangkal jalan. Mungkin pada masa zaman pemerintahan Barisan Nasional mereka tidak ada tekanan macam mana pada hari ini. Sebab itu di dalam pemerintahan Kerajaan Pakatan Harapan pada hari ini, kita lihat mereka menyatakan hak mereka, baru dikeluarkan hak dia nak itu, nak ini yang mungkin sebelum ini hak mereka terjaga gamaknya pada zaman Barisan Nasional. Minta penjelasan Ketua Pembangkang.

19 MAC 2019 (SELASA)

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Sijangkang

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Hujahan ataupun perbahasan daripada Ketua Pembangkang. Yang saya lihat kalau tadi, perkataan yang saya kira perkataan yang besar itu seolah-olah yang disebutkan oleh Meru itu adalah iktiraf. Saya tidak melihat mana-mana kenyataan daripada Ketua Pembangkang yang seolah-olah menyatakan Kerajaan sekarang ini mengiktiraf. Tidak ada. Saya rasa itu persepsi daripada Meru dan saya kira ini tidak sewajarnya keluar daripada Meru.

Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR : Apa yang saya bangkitkan untuk menjawab persepsi daripada pihak pembangkang sebenarnya. Itu yang saya cuba perjelaskan.

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL : Saya ucapkan kepada Meru, kerana saya kira menyokonglah cerita ini tadi tetapi saya juga ingin mengingatkan jangan kita ibarat menyimbah minyak ke dalam api ya. Yang pada mulanya kita memulakan dan akhirnya kita tak dapat mengawal apa yang tidak sepatutnya. Terima kasih juga kepada Banting kerana memberi istilah politik toksik sebab saya kira di sebelah sana juga ada politik racun kepada rakyat dan juga kepada kita semua. Tidak lupa yang terbaru, kenyataan yang dikeluarkan yang cuba mengaitkan serangan pengganas di New Zealand dengan kerjasama UMNO dan PAS. Kerjasama UMNO dan PAS hanyalah berpaksikan kerjasama orang Melayu dan Islam demi perpaduan ummah dan tidak pernah sekalipun akan mengetepikan hak kehidupan kaum yang lain sebagaimana yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. *Terlajak perahu boleh diundur, terlajak kata buruk padahnya. Jangan cuba bermain api, jangan cuba merosakkan perpaduan kaum dan agama yang telah wujud lama di negara ini.*

Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker, saya ingin menarik perhatian Dewan berkaitan laporan Ketua Audit Negara Siri Kedua, tahun 2017 yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Audit Negara pada bulan Disember 2018 yang lalu. Saya telah menyemak dan teliti isi kandungan atau butiran yang terdapat di dalamnya. Walaupun secara keseluruhan, Ketua Audit Negara mendapati kedudukan dan aktiviti kewangan Negeri Selangor adalah memuaskan namun masih terdapat banyak kepincangan dan kelemahan yang perlu diberikan perhatian serius oleh Kerajaan Negeri serta memerlukan tindak lanjut bagi memperbaiki kelemahan-kelemahan ini. Antara perkara penting yang perlu diberikan perhatian oleh Kerajaan Negeri adalah tentang pelaksanaan projek-projek di negeri Selangor. Berdasarkan laporan Ketua Audit Negara 2017 ini, prestasi Kerajaan Negeri adalah sangat mengecewakan. Daripada sejumlah 340 projek yang telah diluluskan bagi tahun 2017, menerusi Belanjawan Negeri yang diluluskan, hanya 38 projek atau 11.4% daripada keseluruhan projek yang telah berjaya disiapkan. Manakala, yang dalam pelaksanaan adalah sebanyak 122 projek iaitu 36.6%. Dengan kata lain, projek yang telah dilaksanakan adalah 48% kurang daripada 50% jumlah keseluruhan projek yang dicadangkan. Manakala bagi projek yang masih dalam perancangan ataupun belum dimulakan adalah sebanyak 52% iaitu sejumlah 173 buah projek. Sekadar makluman dewan juga, di Parlimen Sabak Bernam iaitu di Taman Air Manis DUN Sabak, adanya Projek Perumahan

19 MAC 2019 (SELASA)

Mampu Milik yang sepatutnya telah dimulakan 8 tahun lalu, tetapi masih kekal terbengkalai sehingga hari ini. Sudah masuk dua pilihan raya, masih belum ada apa-apa pembangunan terhadap projek ini walaupun rumah contoh sudah siap dibina. Jadi saya ingin mendapatkan penjelasan lanjut daripada pihak Kerajaan Negeri, mengapakah berlakunya kelewatan sebegini rupa. Apakah punca sehingga menyaksikan prestasi pelaksanaan projek ini adalah yang paling teruk berbanding negeri-negeri lain. Harus di ingat, laporan Ketua Audit Negara ini dikeluarkan iaitu pada penghujung tahun 2018. Bermakna sudah lebih dua (2) tahun semenjak Belanjawan 2017 diluluskan. Apakah projek-projek yang mengambil masa untuk dimulakan seolah-olah tiada perancangan rapi dibuat ketika sebelum pembentangan Belanjawan 2017 dibuat. Sebenarnya, ini bukanlah kali pertama rekod buruk ini didedahkan di dalam Laporan Ketua Audit Negara. Laporan Ketua Audit Negara 2016 juga menyaksikan perkara sama iaitu negeri Selangor adalah mencatatkan prestasi terburuk dalam pelaksanaan projek negeri. Jadi, saya berharap Kerajaan Negeri dapat tampil memberikan penjelasan pada masa yang sama memberitahu Dewan tentang perkembangan serta angka-angka terkini berkenaan projek-projek ini. Laporan Ketua Audit 2017 ini juga memaklumkan bahawa kedudukan pelaburan Kerajaan Negeri terus merosot untuk tempoh 4 tahun berturut-turut. Jika, pada tahun 2014 kedudukan pelaburan Kerajaan Negeri meningkat daripada RM2.57 bilion pada tahun 2013 kepada RM3.11 bilion. Namun, sejak tahun berikutnya prestasinya terus menurun. Dari tahun 2015, jumlah pelaburan Kerajaan Negeri jatuh dari, kepada RM3.02 bilion. Tahun 2016, jatuh lagi kepada RM3 bilion. Dan untuk tahun 2017, ia terus jatuh terus merundung kepada RM2.11 bilion iaitu jumlah yang lebih rendah dari tahun 2013. Mengapakah perkara ini terjadi? Bukankah Kerajaan Negeri sering mendabik dada, kononnya Kerajaan Negeri Selangor mempunyai prestasi kewangan yang baik. Kononnya lebih baik dari negeri-negeri lain, malah sebelum PRU 14, negeri Selangor dijadikan modal pentadbiran Kerajaan Pakatan Harapan apabila menjadi Kerajaan Persekutuan. Tetapi, angka-angka ini menunjukkan perkara sebaliknya. Jadi, saya berharap Kerajaan Negeri dapat memberikan perhatian yang sewajarnya dalam perkara ini. Kelemahan-kelemahan ini haruslah diperbaiki segera. Saya percaya Menteri Besar yang dilantik selepas PRU yang ke-14 adalah orang yang kuat bekerja. Jangan diulang kelemahan yang dahulu.

Tuan Timbalan Speaker, ketika pembentangan Belanjawan Negeri 2019 pada November 2018 yang lalu, kita dimaklumkan bahawa terdapat perubahan di dalam pelaksanaan program Tabung Warisan Anak Selangor atau TAWAS. Dan dilaksanakan oleh Yayasan Warisan Anak Selangor iaitu YAWAS. Jika tahun-tahun sebelum ini, anak-anak kelahiran baru Negeri Selangor, akan menerima simpanan berjumlah RM1,500.00 apabila berusia 18 tahun kelak. Namun, untuk tahun 2019 ini, pemberian simpanan itu telah pun dimansuhkan atau digantikan pula pembiayaan anak-anak Selangor yang dilanjutkan pelajaran ke peringkat pendidikan tinggi. Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar ketika itu juga telah memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Selangor akan berbincang dengan Permodalan Nasional Berhad (PNB) bagi meneruskan dana tabungan permulaan bagi bayi baru lahir menerusi Program Amanah Dana Malaysia 2050 iaitu ADAM 50. Di bawah Amanah Saham Nasional Berhad (PNSB) tetapi seperti yang kita sedia maklum juga, Program ADAM 50 di bawah

19 MAC 2019 (SELASA)

Kerajaan Persekutuan ini telah ditamatkan. Di seluruh Malaysia tiada lagi apa-apa bentuk caruman diberikan oleh Kerajaan Persekutuan kepada mana-mana kelahiran baru. Maka dengan itu, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak Kerajaan Negeri tentang apakah terdapat apa-apa perancangan baru bagi menggantikan perancangan asal oleh Kerajaan Negeri ini atau apakah mungkin pihak Kerajaan Negeri mempunyai cadangan untuk mengembalikan semula program terdahulu yang memberikan RM1,500.00 kepada semua kelahiran baru di seluruh Selangor yang dilihat adalah lebih adil dan menyeluruh. Seperti yang telah saya nyatakan pada perbahasan Belanjawan Negeri pada tahun lalu, tidak semua lepasan SPM akan meneruskan pendidikan mereka ke tahap yang lebih tinggi. Ini bermakna tidak semua akan menerima bantuan menerusi pembaharuan program TAWAS ini. Justeru, saya melihat terdapatnya keperluan bagi Kerajaan Negeri menilai atau melihat semula cadangan ini ditambah dengan tiadanya lagi Program ADAM 50 yang sepatutnya dijadikan sebahagian daripada proses pembaharuan TAWAS ini, saya berharap pihak Kerajaan Negeri boleh memberikan penjelasan lanjut tentang perkara ini. Selain daripada itu, menerusi program TAWAS ini juga, kita mengetahui bahawa mana-mana individu atau syarikat boleh membuat sumbangan kewangan kepada teras, iaitu singkatan kepada Tabung Generasi YAWAS. Teras ini pula akan digunakan bagi beberapa maksud seperti pembangunan pendidikan, modal insan serta program-program kebajikan yang dikendalikan oleh YAWAS. Saya ingin mendapatkan kepastian daripada Kerajaan Negeri, berapakah jumlah keseluruhan sumbangan yang telah diterima menerusi program ini sejak ia mula dilaksanakan pada tahun 2014. Dan berapakah jumlah syarikat atau individu yang telah membuat sumbangan kepada teras. Selain itu, atas dasar ketelusan, saya juga berharap Kerajaan Negeri dapat memberikan pencerahan secara terperinci berapakah perbelanjaan menerusi sumbangan teras yang telah dilaksanakan bagi mencapai objektif seperti yang telah digariskan dan berapakah penerima manfaat daripada program teras ini. Menerusi YAWAS juga sebelum ini, Kerajaan Negeri juga turut melaksanakan Program Bantuan Insentif Perkahwinan Belia dengan jumlah bantuan sebanyak RM500.00. Namun, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, ketika pembentangan Belanjawan Negeri telah mengumumkan bahawa pemberian wang tunai bagi bantuan awal perkahwinan ini tidak akan diteruskan lagi pada tahun ini sebaliknya digantikan dengan Kursus Kekeluargaan Komprehensif kepada pasangan baru berkahwin.

Saya ingin mengingatkan kepada Kerajaan Negeri tentang janji manifesto Buku Pakatan Harapan. Pakatan Harapan sebelum PRU 14 yang lalu. Menerusi janji ke-10 Iltizam, dua (2) kursus bagi anak muda mengurangkan beban kos sara hidup dengan jelas dinyatakan bahawa Kerajaan Persekutuan akan melaksanakan pemberian insentif perkahwinan anak muda dengan pemberian RM500.00 kepada pasangan muda baru berkahwin berumur 35 tahun ke bawah seperti mana yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Selangor sebelum ini. Namun, kita sedia maklum, bahawa janji ini sehingga kini masih belum dilaksanakan, masih belum tertunai tetapi sebagai kononnya negeri contoh, Kerajaan Negeri Selangor yang membatalkan bantuan RM500.00 ini. Jadi, suka saya katakan yang kononnya hendak dibuat belum terlaksana yang sedia ada tidak diteruskan. Saya juga ingin bertanya kepada pihak Kerajaan Negeri, sepanjang tahun ini berapakah jumlah kursus yang telah dilaksanakan seperti mana pengumuman

19 MAC 2019 (SELASA)

yang telah dibuat semasa pembentangan belanjawan Negeri 2019 lalu. Dan berapa jumlah pasangan yang telah mengikuti kursus yang telah dijalankan ini. Saya juga ingin mendapatkan kepastian Agensi Kerajaan Negeri mana yang telah ditugaskan untuk melaksanakan program kursus perkahwinan ini dan sejauh manakah dalam tempoh kurang tiga bulan ini keberkesanan kursus-kursus ini telah dijalankan. Kita sedia maklum kursus-kursus asas keluarga ini bukanlah perkara baru. Agensi Kerajaan Persekutuan juga banyak melaksanakan kursus-kursus seumpamanya. Sebagai contoh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara yakni LPPKN dan juga agensi kaunseling pengurusan kredit atau AKPK. Saya merasakan seandainya terdapat pertindihan agensi pelaksanaan adalah lebih baik insentif perkahwinan belia ini dikembalikan semula kepada program yang asal. Tambahan pula jumlah peruntukan yang ditetapkan adalah sama seperti sebelum-sebelum ini. Janganlah dibazir sumber yang ada hanya dengan melaksanakan program yang jelas bertindih antara satu sama yang lain. Saya percaya pemberian wang tunai adalah lebih banyak membantu pasangan muda yang baru berkahwin dalam menghadapi tempoh awal gerbang perkahwinan. Sekurang-kurangnya jumlah RM500 ini walaupun bukan jumlah yang besar dapat juga membantu mereka membeli apa-apa keperluan asas yang perlu dalam tempoh awal perkahwinan mereka.

Kepada Tuan Timbalan Speaker, seperkara lagi tentang perbelanjaan Kerajaan Negeri yang ingin saya sentuh adalah berkenaan dengan gugusan ekonomi.

Y.B.TUAN LAU WENG SAN: Minta penjelasan.....ya

Y.B.TUAN RIZAM BIN ISMAIL: Ya Banting

Y.B.TUAN LAU WENG SAN: Saya ingin bertanya kepada Y.B. pembangkang samada Y.B. hadir semasa pembentangan Sidang Bajet pada tahun lepas iaitu perkara berkenaan dengan insentif perkahwinan belia di mana program itu tidak dimansuhkan tetapi program itu akan disejarar semula untuk membawa lebih banyak program-program termasuk program bimbingan keluarga, program pengurusan kewangan keluarga yang akan dilancarkan oleh Kerajaan negeri Selangor pada tahun ini untuk pasangan-pasangan yang baru berkahwin. Jadi sekiranya Y.B. nak kata ianya telah dimansuhkan saya kira bukankah ianya satu perkara yang tidak menepati fakta. Saya minta pendapat daripada Y.B.

Y.B.TUAN RIZAM BIN ISMAIL: Terima kasih Banting. Apa yang saya maksudkan ialah program ini dahulunya ialah pemberian RM500 pada pasangan yang baru berkahwin. Tetapi bajetnya sama tetapi nilai ini diganti kepada Kursus Perkahwinan. Sedangkan kursus perkahwinan ini telah pun dilaksanakan oleh agensi-agensi lain. Jadi daripada ianya satu program yang dilihat bertindih adalah lebih baik dan bermanfaat RM500 ini diberikan terus kepada pasangan-pasangan yang baru berkahwin. Itu maksud saya Banting.

Seperkara lagi tentang perbelanjaan Negeri Selangor yang ingin saya sentuh adalah berkenaan gugusan ekonomi Selangor atau ‘klusterasi’ yang turut diumumkan oleh Menteri Besar sebelum ini melibatkan sepuluh gugusan semuanya. Saya mengulangi pendirian pembangkang sebelum ini bahwasanya kami menyokong penuh usaha memantap serta memperkasakan bidang-bidang utama yang telah diumumkan

19 MAC 2019 (SELASA)

mengikut sesuatu daerah atau kawasan. Cumanya saya ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak Kerajaan Negeri tentang perkembangan terkini. Gugusan-gugusan yang terlibat ini. Apakah perancangan ataupun projek-projek yang telah mula dilaksanakan serta bagaimanakah sumbangan atau keterlibatan terutama pihak swasta dalam menyokong usaha pihak kerajaan Negeri ini.

Perkara yang saya bimbangkan tentang perlaksanaan projek-projek cluster ini adalah seperti mana yang saya telah sebutkan diawal tadi tentang penemuan Jabatan Audit Negara berkaitan kelewatan, serta kegagalan satu projek dimulakan. Perancangan yang baik tetapi jika pelaksanaannya lemah hanya akan membuatkan perancangan itu sekadar cantik di atas kertas. Saya meminta agar pihak Kerajaan Negeri mengambil langkah sewajarnya dalam apa-apa keputusan pemberian tender kepada kontraktor terlibat. Oleh sebab ini saya merasakan adalah wajar untuk Kerajaan negeri untuk menyatakan siapakah kontraktor-kontraktor yang telah dianugerahkan tender dan apakah bentuk projek yang akan dilaksanakan oleh Kontraktor tersebut menerusi pembentukan gugusan ekonomi ini.

Baru-baru ini kita dikejutkan dengan isu pembuangan sisa kimia di Pasir Gudang, Johor. Tetapi yang lebih mengejutkan saya di Selangor ini apabila terdapat Laporan media yang menyatakan adanya aktiviti pembuangan sisa kimia di dalam takungan sekitar Taman Eng Ann di Klang. Pertama sekali saya ingin mengucapkan tahniah kepada agensi Kerajaan Negeri yang terlibat kerana telah bertindak pantas turun padang untuk meneliti perkara ini seterusnya mengambil tindakan pembersihan seperti yang sepatutnya.

Saya dimaklumkan hasil kajian sampel yang dibuat tiada kandungan kimia berbahaya ditemui serta aliran air dalam kolam takungan juga telah disekat melalui kunci air bagi mengelakkan pencemaran yang lebih teruk. Walau bagaimanapun saya khuatir seandainya pengawasan serta pemantauan tidak dibuat dengan lebih rapi kejadian yang berlaku di Pasir Gudang Johor tidak mustahil berlaku di ini. Memang betul tiada sisa kimia berbahaya yang ditemui dalam kejadian baru-baru ini tetapi janganlah kerana satu kes ini perkara pembuangan sisa kimia ini tidak diberikan perhatian. Jelas terbukti adanya lompongan dari segi penguatkuasaan sehingga berlakunya kejadian di Taman Eng Ann baru-baru ini. Justeru itu saya ingin mengingatkan Kerajaan Negeri agar pemantauan terutamanya di kilang-kilang yang terlibat dalam aktiviti bahan kimia dibuat secara lebih kerap agar segala peraturan yang telah ditetapkan dipenuhi sepenuhnya oleh kilang-kilang ini. Mencegah itu adalah lebih baik daripada merawat. Jadi eloklah perkara ini menjadi perhatian utama pihak kerajaan negeri dalam tempoh terdekat ini bagi mengelakkan panik dalam kalangan rakyat. Sudah tentu sebagai negeri berasaskan industri bukan mudah untuk dibuat pemantauan jika diperlukan untuk menambah bilangan penguatkuasa untuk menambah baik proses penguatkuasaan ini maka lakukanlah.

Sementara itu saya juga mengharapkan kejadian di Taman Eng Ann tidak berulang. Saya menggesa agar pelaku yang membuat durjana kepada alam sekitar ini, dapat segera dikesan dan ditangkap seterusnya diambil tindakan termasuklah pendakwaan di mahkamah. Jangan dibiarkan mereka yang bertanggungjawab ini terlepas begitu sahaja tanpa apa-apa tindakan undang-undang.

19 MAC 2019 (SELASA)

Bercakap tentang isu alam sekitar ini juga saya sekali lagi ingin menyentuh tentang aktiviti kilang plastik haram di Kuala Langat. Pada 13 Februari 2019 yang lalu Selangor menjadi popular apabila media antarabangsa BBC menyarkan laporan tentang masalah kilang kitar semula haram ini. Kalau dulu Kuala Langat dikenali kerana produk dan aset pelancongan kini Kuala Langat lebih popular disebabkan sampah. Walaupun beberapa tindakan telah diambil oleh Kerajaan Persekutuan, termasuk memberhentikan pemberian AP dan memberi tempoh sehingga Mac untuk kilang-kilang haram ini menghentikan operasi mereka, namun masalah sisa sampah tinggalan kilang-kilang ini telah mengancam persekitaran dan kesihatan penduduk setempat. Sebelum ini dilaporkan Kerajaan Negeri Selangor akan cuba melelong sampah yang telah ditinggalkan kilang-kilang haram yang telah diarahkan tutup. Namun terdapat berita yang menyatakan tidak ada mana-mana pihak yang berminat untuk membida sampah tersebut kerana ianya adalah sampah yang tidak boleh dikitar semula.

Jadi persoalan kepada Kerajaan Negeri Selangor apakah perkembangan terkini tentang masalah sampah peninggalan ini dan apakah pelan yang telah dirancang untuk memastikan sisa sampah ini akan dapat dibersihkan secepat mungkin. Isu ini sudah berlarutan agak lama. Pencemaran alam sekitar dan penyakit akan terus berlaku selagi mana ini terus dibiarkan dan tiada penyelesaian yang konkrit diambil. Suka atau tidak perkara ini telah mendapat perhatian media antarabangsa. Kerajaan Negeri harus segera mengambil tindakan kerana secara tidak langsung akan memberi imej yang tidak baik bukan sahaja kepada Negeri Selangor malahan juga kepada Negara Malaysia. Selain itu bercakap tentang alam sekitar ini saya juga ingin menyentuh tentang pembayaran 20 sen bagi setiap beg plastik yang dikenakan ke atas pelanggan pasar raya.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Minta penjelasan. Ya terima kasih Ketua Pembangkang, saya mencelah berkenaan sisa plastik. Dan masalahnya yang berlaku di Kuala Langat dan juga Negeri Selangor. Bukankah pernah bahawa sebenarnya apa yang dilaporkan oleh media asing khususnya yang kebelakangan ini lebih menjurus kepada membongkarkan sistem pengurusan masalah ataupun masalah sampah atau sisa plastik yang berlaku di negara-negara maju sehingga ia menjadi satu beban kepada negara-negara dunia ketiga seperti Malaysia dan Selangor. Dan bukankah pernah bahawa di dalam laporan-laporan media ini telah pun dilaporkan juga Y.B. Parti Pembangkang bahawa tindakan telah pun diambil bahawa di mana sisa itu telah pun dibersihkan daripada beberapa tapak yang didapati memang berada dalam keadaan yang sangat teruk. Dan laporan ini telah pun diikuti oleh laporan susulan oleh media tempatan dan adalah sah bahawa tapak-tapak ini tengah dibersihkan sama ada ia dijual ataupun dilupuskan ataupun dihantar ke “landfill”. Jadi bukankah itu perkembangan terbaru yang pada pendapat saya kiranya hendak menyentuh tentang isu ini perlulah dimasukkan maklumat terkini dan bukannya isu-isu ataupun laporan-laporan yang sedikit “outdated”. Sekian.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Silakan Sg. Air Tawar

Y.B.TUAN RIZAM BIN ISMAIL: Apa yang saya maksudkan kerana isu ini telah menjadi perhatian media antarabangsa seperti BBC. Dan sekiranya kita mengambil enteng ataupun tidak mengambil langkah-langkah yang sepatutnya, saya kira ianya

19 MAC 2019 (SELASA)

adalah amat merbahaya kepada Kerajaan Negeri kerana apabila media asing memainkan isu-isu mungkin juga akan menyebabkan pertukaran kerajaan kerana rakyat kembali tidak percaya kepada kerajaan hari ini.

Suka atau tidak berkenaan dengan alam sekitar ini saya juga ingin menyentuh tentang bayaran 20 sen bagi setiap beg plastik yang dikenakan ke atas pelanggan pasaraya. Walaupun secara dasarnya ianya adalah untuk mendidik rakyat untuk mengurangkan penggunaan beg plastik tetapi pada masa yang sama Kerajaan Negeri juga harus berpandangan jauh. Adakah cas ini telah benar-benar memberikan kesedaran. Kerajaan Negeri harus melihat bagaimana pada suatu ketika masa hadapan. Walaupun cas 20 sen ini pengguna sendiri sedar mereka tidak lagi menggunakan beg plastik. Dengan kata lain kesedaran itu datangnya dari diri mereka sendiri. Apakah bentuk kempen yang sedang dilaksanakan atau sedang dirancang bagi mencapai maksud ini. Maka saya berharap pihak Kerajaan Negeri dapat memikirkan pelan jangka masa panjang bagi memastikan kesedaran ini boleh dibentuk dalam setiap diri masyarakat dan rakyat.

Y.B.Timbalan Speaker, Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli pada awal tahun ini telah menyatakan bahawa kadar tarif air di seluruh negara mungkin akan dinaikkan pada tahun ini. Alasan yang diberikan adalah kononnya bagi menjamin dan menjaga kepentingan rakyat untuk mendapatkan air berkualiti. Beliau juga turut menyatakan bahawa Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) telah mengemukakan rancangan tersebut termasuklah dengan mencadangkan bisnes pelan kepada Kerajaan Negeri untuk mempertimbangkan kenaikan tarif air ini. Selalunya apabila terdapat rancangan untuk menaikkan tarif air Kerajaan Negerilah yang telah terdahulu mengemukakannya kepada Kerajaan Persekutuan menerusi keputusan yang dibuat dalam Mesyuarat Exco Kerajaan Negeri. Semasa Barisan Nasional mentadbir Kerajaan Persekutuan sebelum ini Kerajaan Persekutuan tidak terlibat dalam semakan dan penentuan tarif air di mana-mana negeri memandangkan ianya adalah hak negeri. Menerusi syarikat konsesi operator air yang dilantik. Tugas pihak kementerian ketika itu hanyalah sekadar untuk memberikan kelulusan menerusi permohonan dari Kerajaan Negeri yang dibuat kepada SPAN. Manakala SPAN akan terlebih dahulu membuat kajian dan semakan untuk melihat kesesuaian kenaikan tarif air yang dipohon. Dengan kata lain tidak semua permohonan akan diluluskan. Jadi apabila Menteri membuat kenyataan ini, saya berasa pelik kerana bagi saya ia telah melangkaui amalan dan kebiasaan berbanding sebelum ini. Oleh yang demikian, saya ingin bertanya kepada pihak Kerajaan Negeri, apakah pendirian Kerajaan Negeri terhadap cadangan Kerajaan Persekutuan ini? Adakah Kerajaan Negeri bersetuju dengan cadangan serta *business plan* kemukakan oleh SPAN ini? Saya berharap Kerajaan negeri bersikap telus untuk menyatakan perancangan sebenarnya dan isu berkaitan tarif air ini. Jika Kerajaan Negeri bersetuju berapakah kenaikan yang perlu ditanggung oleh rakyat selepas ini? Rakyat Selangor masih belum lupa, bagaimana bermula tahun ini tiada lagi pemberian air percuma kepada semua penduduk yang menggunakan air kurang daripada kurang 20 meter padu. Kini pemberian air percuma hanyalah secara bersasar.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHAYAKARAN : Mohon mencelah, kalaularah Barisan Nasional tak tumbang pada tahun 2008, tarif air akan naik pada 2009 dan 2012 dan

19 MAC 2019 (SELASA)

2015 mengikut perjanjian antara Kerajaan Barisan Nasional terdahulu dengan SYABAS. Jadi keadaan air itu akan lebih daripada dua kali ganda apa yang dibiayai oleh rakyat pada hari ini. Jadi di mana *moral standing* kamu untuk kritik kalau kita naik harga air sedikit sekarang kalau BN dia akan lebih daripada dua kali ganda apa yang dibiayai oleh rakyat pada hari ini.

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL : Terima kasih Bukit Gasing. Adakah dengan mengambil kira perkara ini, Kerajaan Negeri hari ini melaksanakan kenaikan tarif yang akhirnya membebankan rakyat, jika kalau begitu apa lebih kurang Kerajaan sekarang dengan Kerajaan terdahulu. Bermakna kepentingan rakyat tidak menjadi agenda utama.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHAYAKARAN : Mana tak boleh faham untuk 11 tahun yang lepas. Rakyat bayai tarif air 2008 tidak ada kenaikan 2009, 2012, 2015 *that is the benefit of the clean goverment.*

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL : Terima kasih Bukit Gasing, saya berharap dengan pemberian SPLASH sebanyak 2 bilion ini tidak menyebabkan tarif air di Negeri Selangor naik. Bercakap tentang pemberian air percuma, secara bersasar ini saya juga ingin mendapatkan kepastian dari Kerajaan Negeri berapakah purata penggunaan air oleh keluarga B40 yang kini telah dinaikkan kepada pemberian percuma 20 meter padu. Berapa banyak kah perbandingan kerana keluarga yang menerima air percuma berbanding dahulu. Apa-apa keputusan untuk menaik tarif air, pastinya akan menambah kos sara hidup rakyat. Jika Kerajaan Negeri bersetuju bermakna mereka yang akan dahulu pernah mendapat air percuma tetapi tidak lagi pada tahun ini akan mengalami kenaikan dua kali kos bulanan mereka. Pertamanya yang dulu tidak perlu dibayar, kini sudahlah kena bayar tarif air pula dinaikkan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Minta penjelasan, saya ingin bertanya Yang Berhormat ada minta air kan di rumah? Adakah Yang Berhormat semak bil air Yang berhormat? Adakah Yang berhormat diberi 20 meter padu air percuma pada bulan ini. Saya kata ia. Masih dijalankan bagaimana tergamaknya Yang Berhormat pembangkang boleh menipu di Dewan yang mulia ini. Kalau Yang Berhormat sendiri pun dapat air percuma, tapi datang ke dewan kata tidak ada lagi. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya, kalau air percuma yang diberi kepada Yang Berhormat yang bukan B40 sudah pasti dipulangkan kepada Kerajaan dan Yang Berhormat tanya tidak akan membantah satu perkataan pun.

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL : Yang saya maksudkan adalah golongan B40 tadi. Golongan B40. Masih dapat tetapi masih tidak sama. Adakah jaminan Kerajaan tidak akan menaikkan harga air? Saya berharap Kerajaan Negeri dapat memberikan penjelasan lanjut tentang. Kalau boleh tidak dinaikkan, jangan dinaikkan.

Y.B. ELIZABETH WONG KEAT PING : Peraturan tetap.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Silakan Bukit Lanjan

Y.B. ELIZABETH WONG KEAT PING : 36 (6) Peraturan Tetap. Iaitu sangka jahat, tadi yang disebut oleh Yang Berhormat Banting. Memang skim air percuma

19 MAC 2019 (SELASA)

masih jalan pada ketika ini dan skim ini akan terus diberi, skim air ini percuma akan terus diberi kepada B40. Saya minta Yang Berhormat Sg. Air Tawar untuk menarik balik kenyataan tersebut.

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL : Terima kasih

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Sg. Air Tawar

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL : Yang Berhormat Tuan Speaker ini bukan sangkaan jahat, maksud saya hari ini adakah jaminan Kerajaan Negeri berkenaan kenaikan tarif air.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Tidak diperbetulkan

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL : Saya tidak nafikan

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Sila perbetulkan Sg Air Tawar

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL : Saya perbetulkan. Dua hari yang lalu iaitu pada hadir Ahad, dilaporkan oleh akhbar Sinar Harian jumlah sekolah di Negeri Selangor ini dikatakan tidak mencukupi.

Y.B. ELIZABETH WONG KEAT PING : Tuan Speaker, Peraturan Tetap. Saya nak dapatkan kepastian daripada Yang Berhormat Sg. Tawar. Kenyataan tersebut yang tidak betul, yang ada sangkaan jahat dan sebagainya telah ditarik balik oleh Yang Berhormat atau tidak.

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL : Seperti apa yang saya perkatakan tadi saya dan bersetuju apa yang diperkatakan oleh Bukit Lanjan.

Y.B. ELIZABETH WONG KEAT PING : Setuju, terima kasih Sg Air Tawar.

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL : Yang Berhormat Timbalan Speaker tapi harapan saya jaminan daripada Kerajaan Negeri selepas ini tidak berlaku kenaikan tarif air. Itu yang saya minta kita boleh, kita boleh berpolitik di sini tetapi yang saya risau ialah akhir bebanan kepada rakyat. Itu maksud saya keutamaan saya, benda ini menjadi asas kepada Kerajaan Negeri untuk menaikkan tarif air selepas ini. Ini lebih bahaya dan membimbangkan. Yang Berhormat Timbalan Speaker, dua hari lalu iaitu pada hari Ahad dilaporkan oleh akhbar Sinar Harian bahawa jumlah sekolah di Negeri Selangor ini dikatakan tidak mencukupi untuk menampung keperluan penduduk di negeri Selangor. Laporan Sinar Harian ini juga melaporkan jumlah sekolah adalah sangat kritikal. Mengikut sehingga 31 Januari lalu jumlah sekolah rendah dan menengah yang ada di Negeri Selangor ini adalah 939 buah bagi menampung sejumlah 885 ribu 17 orang pelajar. Jumlah sekolah ideal mengikut jumlah penduduk adalah sebanyak penduduk adalah sebuah sekolah menengah bagi setiap 9 ribu penduduk dan sebuah sekolah rendah bagi setiap 3500 sehingga 7000 orang penduduk. Statistik terkini jumlah penduduk di Selangor mengikut Jabatan Perangkaan Malaysia adalah sebanyak 6.5 juta orang. Jadi saya ingin mendapatkan kepastian dari pihak Kerajaan Negeri, berapakah jumlah ideal yang sebenar sekolah rendah dan menengah yang

19 MAC 2019 (SELASA)

diperlukan di seluruh Selangor berbanding jumlah semasa. Saya memahami hal ehwal berkaitan pembinaan sekolah ini adalah kuasa penuh Kerajaan Persekutuan, tetapi memandangkan laporan akhbar dua hari lalu menyatakan keadaan semasa adalah kritikal. Saya ingin bertanya kepada pihak Kerajaan Negeri berapakah jumlah sekolah yang telah dipohon menerusi rancangan Malaysia ke 11 dan berapakah daripada jumlah ini telah diluluskan untuk pembinaan. Saya juga berharap agar Kerajaan Negeri dapat memaklumkan di dalam dewan ini, daerah manakan, benar-benar mempunyai masalah kekurangan sekolah yang memungkinkan telah menyebabkan jumlah pelajar lebih daripada yang sepatutnya bagi sebuah sekolah. Ini adalah sangat penting memandangkan jika kita melihat negara maju, jumlah pelajar bagi setiap kelas hanyalah sekitar 25 orang. Jadi saya berharap sebagai negeri yang paling maju di Malaysia, Selangor boleh menjadi negeri contoh dalam perkara ini. Malaysia pun sedang menuju ke arah status negara maju, adalah perkara penting mencapai maksud ini jadi kita perlu pastikan anak-anak kita sentiasa mendapat kualiti pendidikan sebaik yang mungkin. Yang Semenyih

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Sg. Air Tawar, Semenyih ingin mencelah

Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HAJI HANAFI : Speaker Yang Berhormat Timbalan. Saya menarik perhatian di sini bahawa, sungguh pun saya baru angkat sumpah sebagai Ahli Dewan, tapi sebelum angkat sumpah oleh Dewan, saya telah berjumpa dengan para pengundi khususnya pada sebahagian tadbir sekolah ini. Iaitu mengatakan bahawa terdapat di Semenyih Sekolah Kebangsaan Bandar Rinching sekarang ada masalah guru mengatakan satu kelas terdapat 45 orang murid, jadi sampai ke dinding dia cakap. Jadi apa yang di bangkit oleh Sg Tawar tadi kelas maksimum 25 sampai 30 orang. Ini 45, mana nak mengadu? Saya harap wakil rakyat dapat memanjangkan perkara ini. Saya memaklumkan di Semenyih memang masalah kepadatan pelajar di kelas ini berlaku. Saya minta perhatian Dewan. Terima kasih,

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Silakan, teruskan Sg Air Tawar.

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL : Tak apa Timbalan Tuan Speaker baru. Jika tadi saya bercakap sebagai Ketua Pembangkang, saya teruskan pula untuk bercakap sebagai Ahli Dewan Negeri Sg Air Tawar. Saya ingin membawakan kepada Dewan ini beberapa permasalahan di Kawasan saya dapat diberi perhatian sewajarnya oleh pihak Kerajaan. Walaupun kawasan ini adalah pembangkang, seperti kita sedia maklum Sungai Air Tawar adalah kawasan yang paling utara di Negeri Selangor ini dan bersempadan dengan Negeri Perak. Aktiviti ekonomi utama di kawasan ini adalah aktiviti perikanan nelayan dan juga pertanian. Bercakap tentang aktiviti, akhir-akhir ini saya mendengar banyak rungutan serta keluhan para nelayan terutamanya nelayan persisiran pantai yang meluahkan rasa sedih mereka kerana menghadapi kesukaran mendapatkan hasil tangkapan yang baik. Antara masalah utama yang dibangkitkan adalah masalah kebanjiran nelayan-nelayan warga negara asing yang semakin giat menjadi nelayan di kawasan ini dengan menggunakan bot-bot kelon ataupun bot haram yang tidak berlesen. Penggunaan pukat tunda serta pukat jerut di persisiran pantai oleh kumpulan nelayan warga asing ini telah banyak menjelaskan hasil laut terutamanya di kawasan-kawasan pembiakan ikan kecil, seterusnya merosakkan ekosistem sedia ada. Ikan-ikan kecil yang belum mencapai usia matang habis dipukat mereka menggunakan

pukat tunda atau pukat jerut ini. Selain daripada itu, aktiviti nelayan dari negara jiran masih berleluasa di kawasan perairan negara. Dikhabarkan pencerobohan nelayan juga telah mengaut secara rakus benih-benih kerang sehingga menyebabkan para nelayan tempatan tidak dapat hasil sepatutnya. Selain daripada itu, Sg Air Tawar juga terkenal dengan kelong-kelong sebelum ini dijadikan port atau lubuk pemancing. Namun disebabkan aktiviti haram nelayan warga asing yang merosakkan ekosistem perikanan kawasan ini, kelong-kelong ini tidak lagi dijadikan aktiviti pemancing daripada ekosistem yang rosak peminat aktiviti memancing merasa juga berasa bimbang dengan keselamatan disebabkan aktiviti nelayan warga asing ini. Dengan kata lain pelancongan menerusi aktiviti memancing kini semakin terancam di kawasan Sg. Air Tawar ini. Perkara ini menjadi semakin parah disebabkan tiada ketiadaan pangkalan kecil untuk agensi penguat kuasa berkaitan di kawasan ini menyebabkan tindakan lambat untuk diambil. Pangkalan yang paling hampir adalah di Klang dan tempoh perjalanan adalah selama 2 jam untuk sampai ke kawasan ini. Dalam tempoh 2 jam untuk sampai ke kawasan ini, saya kira nelayan penceroboh warga asing ini tadi rasa, sempat mengaut hasil tangkapan sempat untuk minum teh dan sempat juga untuk mereka melarikan diri. Jadi saya berharap sebagaimana permohonan saya sebelum ini, binalah pangkalan kecil pihak berkuasa, sama ada pihak polis marin atau MPMM atau mana-mana agensi yang berkaitan agar pemantau secara berkesan dapat dibuat. Saya juga ingin menyampaikan luahan perasaan para nelayan tentang jumlah pendapatan mereka semakin merosot disebabkan kelewatan pembayaran elaun sara hidup nelayan serta harga enjin sangkut dan kelengkapan barang yang lain. Oleh yang demikian, saya ingin mendapatkan kepastian daripada Kerajaan Negeri, adakah terdapat apa-apa perancangan untuk membantu golongan nelayan ini dalam menghadapi kesukaran akibat kenaikan kos aktiviti nelayan ini. Golongan ini adalah golongan yang memerlukan bantuan khusus perlu ada respon yang pantas oleh pihak kerajaan bagi memastikan sumber dan hasil pendapatan mereka tidak terjejas.

Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker, selain daripada aktiviti nelayan, aktiviti ekonomi lain di Sg. Air Tawar juga termasuklah aktiviti tanaman kelapa dan kelapa sawit. Namun kita semua sedar, bahawa berlakunya kejatuhan harga jualan bagi komoditi ini, bertambah parah pekebun-pekebun kecil juga terpaksa menanggung kos kendalian kebun disebabkan harga baja atau racun turut sama naik sehingga menjadkan pendapatan harian mereka. Kita juga mengetahui berapa bentuk bantuan daripada kerajaan persekutuan sama ada telah dipotong ataupun dikurangkan maka bertambah terkesanlah pendapatan-pendapatan pekebun-pekebun kecil ini.

Maka atas sebab ini, saya ingin bertanya apakah langkah pihak kerajaan negeri yang mempunyai cadangan khusus dalam membantu golongan yang terjejas ini. Sebagai cadangan saya berharap pihak kerajaan negeri pihak berkuasa tempatan dapat memberikan layanan insentif serta pengecualian cukai kepada pekebun-pekebun kecil ini sepanjang kepayahan mereka menghadapi kesusahan ketika ini. Jika sebelum ini ada cadangan daripada menteri persekutuan agar pekebun kecil menanam nenas atau buluh, maka saya juga berharap adanya insentif khas kepada pekebun kecil yang hendak menukar tanaman di kebun-kebun mereka. Sungai Air Tawar ini juga telah dipilih sebagai salah satu daripada Gugusan Ekonomi Selangor bagi cluster ekonomi

pelancongan. Sebelum ini terdapat isu tentang sebidang tanah rezab jabatan pengairan dan saliran dari JPS yang dahulunya adalah hutan simpan paya bakau telah diambil oleh Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor ya ini PKPS bagi tujuan projek penanaman kelapa sawit. Projek penanaman kelapa sawit ini, sudah pun mendapat hasil dan tanah ini tadi telahpun diratakan semula kerana berlakunya masalah ban pecah yang memasuki kawasan tanaman sawit ini tadi. Disebabkan ban pecah ini juga, kawasan ini telah berubah menjadi paya dan bertindak sebagai penampang kedua kepada masalah banjir yang boleh memasuki kawasan perkampungan berdekatan. Disebabkan berlakunya perubahan kembali kepada keadaan asal, iaitu kawasan paya, saya ingin mencadangkan saya agar kawasan ini dijadikan kawasan pelancongan untuk penanaman pokok paya bakau secara sistematik dan terancang. Selain menjadi penampang air semula jadi cadangan ini juga adalah sejajar dengan usaha untuk menjadikan kawasan Sungai Air Tawar sebagai satu kawasan Eko Pelancongan dan juga kampung tradisi seperti mana cadangan yang dibuat menerusi kelasteriasasi gugusan ekonomi Selangor oleh Kerajaan Negeri. Dalam tempoh masa panjang ini saya melihat adanya potensi untuk kawasan ini menjadi tarikan para pelancong untuk datang ke Sungai Air Tawar, sekali gus membantu Kerajaan Negeri dalam usaha menjaga dan memelihara alam sekitar supaya tidak terjejas pada masa akan datang. Jadi saya berharap permohonan saya ini mendapat perhatian dan tindakan lanjut oleh Kerajaan Negeri dan semoga program penanaman pokok paya bakau ini dapat dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan untuk memelihara semula kawasan alam semula jadi yang terdapat di Sungai Air Tawar. Saya rasa cukup sampai di sini ucapan saya sebagai permulaan mewakili blok pembangkang berenam saudara ini, perkara-perkara yang telah disampaikan sebentar tadi diharap mendapat perhatian sewajarnya oleh Kerajaan Negeri.

Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor telah mengingatkan kita semua ahli-ahli dewan yang mulia ini agar sentiasa memegang amanah rakyat dengan penuh bertanggungjawab. Ingatlah Barisan Nasional pada PRU 2004 begitu gah di dewan yang mulia ini dengan menguasai 50 buah kerusi dan pembangkang ketika itu hanya memenangi dua kerusi. Namun pada PRU 2008 menyaksikan Barisan Nasional rebah dan hilang Kerajaan Negeri, jadi janganlah Kerajaan Negeri ketika ini berasa selesa apa yang berlaku kepada kami tidak mustahil boleh berlaku kepada Kerajaan sekarang. Sejarah mungkin akan berulang dan sejarah akan berulang. Sesungguhnya menjadi Pemimpin ini bukanlah satu kebanggaan, sebaliknya ia adalah pikulan amanah yang sangat besar yang dipertanggungjawab kepada kita.

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, suka saya mengingatkan kepada kita semua, sepotong Hadis Nabi Muhammad S.A.W. yang diriwayatkan oleh Imam Muslim yang bermaksud ketahuilah setiap daripada kamu adalah Pemimpin, dan setiap daripada kamu akan diminta dipertanggungjawabkan terhadap apa yang dipimpin. Seorang Raja adalah Pemimpin bagi rakyatnya, dan dia akan diminta dipertanggungjawabkan terhadap apa yang dipimpin. Seorang suami adalah pemimpin bagi anggota keluarganya dan dia akan diminta untuk dipertanggungjawabkan terhadap mereka. Seorang isteri adalah pemimpin bagi rumah tangga suami dan anak-anaknya dan akan diminta dipertanggungjawabkan terhadap apa yang dipimpin. Seorang hamba adalah

19 MAC 2019 (SELASA)

pemimpin bagi harta tuannya, dan dia juga akan diminta dipertanggungjawabkan terhadap apa yang dipimpinnya. Ketahuilah setiap kamu adalah pemimpin dan setiap kamu akan diminta dipertanggungjawabkan atas apa yang kamu pimpin.

Untuk itu, Puan Timbalan Speaker, Sungai Air Tawar mohon undur. Sekian.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Bukit Gasing

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Terima Kasih Puan Timbalan Speaker, pertama kali saya ingin mengucapkan tahniah atas pelantikan Yang Berhormat sebagai Timbalan Speaker Dewan Negeri Selangor. Kepada Ketua Pembangkang, memang betul kalau kita angkuh, kita sompong mungkin kita akan tumbang dalam pilihan raya yang depan, tapi saya rasa ini adalah satu pengajaran kepada kami, kita mesti hormati rakyat, kita mesti buat terbaik untuk rakyat, tapi apa yang saya pula rasa daripada ucapan daripada pihak pembangkang setakat ini, mungkin ada "chance" daripada yang lain, tak ada idea baru daripada pembangkang, untuk menaikkan kualiti kehidupan rakyat di negeri Selangor, dan saya rasa itulah "key" bagaimana Barisan Nasional akan terus menjadi Pembangkang di negeri Selangor, kerana tidak ada modal untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat, tiada cadangan polisi, soalan dia banyak, tak apa, bagus, kena tanya soalan, biar Ahli EXCO itu setiap bersedia untuk menjawab dan membuat yang terbaik, tapi persoalannya tidak mencukupi, kenalah ada sedikit idea, macam mana nak membuat polisi yang berlainan demi kebaikan, nampaknya setakat ini tiada. Ok, tak apa, saya berani nak ambil.

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL : Bukit Gasing, terima kasih, lepas ini tolong bagi banyak idea untuk saya bawa ke perbahasan akan datang.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Itulah masalahnya, bergantung kepada kami untuk cari idea, tak ada idea sendiri. Itulah yang dicakap oleh rakan saya dari Banting tadi jangan main isu perkauman sahaja itu bukannya satu-satunya cara untuk memenangi pilihan raya untuk memenangi hati rakyat, bawalah idea, kalau tak ada idea tak apa, boleh kekal sebagai pembangkang biar kami menjadi Kerajaan untuk mentadbir negeri Selangor untuk mentadbir Malaysia. Puan Timbalan Speaker terima kasih kerana memberi saya ruang untuk perbahasan ini saya ingin menyentuh beberapa perkara pada hari ini dengan satu tujuan sahaja iaitu untuk menyentuh kualiti kehidupan rakyat di keseluruhan negeri Selangor khususnya di kawasan DUN Bukit Gasing, tetapi saya rasa kebanyakan daripada hujah saya pada hari ini akan membantu untuk meningkatkan kualiti kehidupan rakyat di keseluruhan negeri Selangor.

Puan Timbalan Speaker, dan Ahli-ahli Dewan sekalian, isu pertama yang ingin saya sentuh pada hari ini adalah Ekonomi. Memang pada hari ini, perkara yang saya rasa paling penting ialah kita kena mengembangkan ekonomi kita di negeri Selangor, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat, EXCO Pelaburan, memang cukup banyak usaha untuk membawa pekerjaan melalui pelaburan tersebut, usaha itu sepatutnya diteruskan, tetapi selain daripada usaha-usaha tersebut, kita harus membangunkan industri SME di negeri Selangor demi meningkatkan eksport dari

19 MAC 2019 (SELASA)

negeri Selangor kepada negeri lain dan juga kepada negara lain. Saya ingin mencadangkan pada hari ini bahawa Kerajaan Negeri Selangor mengambil satu pendekatan yang serius untuk meningkatkan eksport kita keluar negara, mata wang kita dalam keadaan hari ini hanya boleh bertambah lebih baik jika kita mempunyai lebih eksport, seperti mana kita lihat negara-negara maju yang mengeksport produk berinterlektual tinggi. Dan saya harap kita akan memberi penekanan untuk memajukan industri-industri yang boleh dan syarikat-syarikat yang boleh menjana lebih eksport untuk negeri Selangor supaya kita boleh meningkatkan kekuatan mata wang kita sebab kita semua tahu rakyat Malaysia memang bergantung kepada banyak barang yang kita import. “So, the Strength Of Our Currency” dengan izin, memang bergantung kepada apa yang kita boleh eksport. Dan saya harap negeri Selangor sebagai negeri yang mempunyai kekuatan ekonomi yang tertinggi di Malaysia, akan “lead by example” dengan izin di mana kita haruslah merangka satu pelan tindakan untuk membangunkan ekonomi untuk tujuan meningkatkan eksport. Saya harap terdapat seorang ahli MMKN yang boleh mengambil “equal” tugas yang sangat susah, saya jangka saya mengakui tugas ini bukan senang, “the world is very competitive” kita tahu tugas ini bukan senang, tetapi tugas ini haruslah dilakukan, daya saing kita tak akan berkembang dengan cukup cepat. Kalau kita hanya biar pada industri, mungkin kita tidak dapat mewujudkan ekosistem-ekosistem yang sesuai supaya daya saing kita bertambah kuat. Memang masalah-masalah setempat adalah penting kita nak selesaikan daripada sampah, jalanraya, banjir dan sebagainya. Itu penting tetapi “at the same time growing the economy is very important”. Dan saya harap untuk tahun 2019 ini, kita tidak bergantung sahaja kepada pelaburan daripada syarikat-syarikat besar yang datang ke negeri Selangor untuk membuka kilang mereka atau membuka gedung mereka, mensasarkan aktiviti-aktiviti yang boleh menjana eksport kerana eksport adalah sangat penting. Negeri China boleh bangun dengan pesat boleh tumbuh dengan begitu cepat kerana cukup banyak eksport daripada negara tersebut. “So, domestic demand is good”, memang betul domestik penjanaan ekonomi daripada “domestic demand” ini, adalah bagus dan saya rasa rakyat Malaysia cukup tahu untuk belanja duit, hampir semua rakyat Malaysia ada hutang yang begitu banyak, kita tahu untuk belanja duit. “The domestic spending” ini cukup bagus di negara kita, tetapi kita kena menjual produk dan servis kita kepada negeri lain kepada negara lain.

Perkara yang kedua yang saya ingin bawa pada hari ini, ialah berkenaan dengan “Smart Selangor”, saya amat gembira kita masih lagi ingin meneruskan usaha kita ke arah mencapai satu negeri yang pintar. Untuk membangun “Smart Selangor” saya ingin meminta dua perkara di dewan yang mulia ini pada hari ini. Pertama, saya telah meminta sejak zaman Yang Berhormat Sementa menjadi EXCO nak jaga Sains dan Teknologi ialah semua perkhidmatan Kerajaan Negeri Selangor haruslah boleh dibuat di atas talian. Sediakanlah “apps” “handphone” yang mencukupi, sediakanlah laman web yang cukup canggih supaya semua transaksi yang boleh dibuat di kaunter boleh dibuat secara “online”. Itulah negeri yang pintar. Kalau saya ingin membuat carian tanah, saya tidak haruslah pergi mengambil cuti setengah hari pergi ke Pejabat Daerah untuk beratur untuk mencari carian tersebut. Saya haruslah boleh membuatnya secara atas talian. Kalau saya nak mohon lesen anjing, saya mesti ambil cuti pergi ke Majlis untuk beli borang, lepas beli borang saya kena buat pemeriksaan kesihatan anjing,

saya kena ambil satu lagi satu hari cuti untuk datang balik ke Majlis untuk hantar borang untuk permohonan lesen anjing tersebut. Kalau saya seorang peniaga yang nak letakkan iklan bunting atas tiang lampu jalan raya saya perlu ke Majlis secara sendiri dan hadir sendiri untuk beli borang permohonan tersebut. Perkara ini boleh dimudahkan demi keselesaan rakyat. Sekarang dalam zaman teknologi pelbagai jenis barang boleh dibeli secara online. Pelbagai jenis servis boleh didapati secara online. Saya harap semua servis semua perkhidmatan daripada PBT daripada agensi-agensi kerajaan negeri Selangor haruslah boleh dibuat atas talian. Kalau kita nak jadi satu negeri pintar, itulah yang paling minima, paling basic kalau kita buat satu "exhibition" yang cukup canggih banyak sensor sini sensor sana, projek sini projek sana tetapi rakyat tak rasa. Akhirnya benda-benda "basic" mereka, mereka terpaksa ambil cuti, memandu, nak cari tempat "parking" pun susah, beratur dalam kaunter untuk melakukan transaksi mereka dan saya harap negeri Selangor boleh menjadi negeri pertama di Malaysia di mana semua perkhidmatan boleh dibuat di atas talian. Tak susah, memang tak susah. "It's all about political build" untuk melaksanakannya tetapi tahap kesusahan cabaran teknologi itu dah tiada dah dalam tahun 2019. Mungkin 10 tahun mungkin ada cabaran, tapi sekarang dah sampai tahun 2019 tak ada cabaran teknologi. Hanya "political build" sahaja yang diperlukan untuk melakukan perkara ini. Perkara yang kedua mungkin lebih susah ialah Internet yang berkelajuan tinggi masih tidak ada di seluruh negeri Selangor. Saya bernasib baik saya boleh jangka hampir semua kawasan Bukit Gasing mempunyai Internet kelajuan tinggi tetapi banyak tempat di Selangor, rakan saya Kuala Kubu Bharu, rakan saya Banting, banyak tempat di Selangor yang masih lagi tidak mempunyai servis fiber, servis unifi. Saya berharap Kerajaan Negeri Selangor akan berusaha berkerjasama dengan pihak persekutuan supaya kita boleh mencapai satu situasi 100% "high speed broadband coverage" di negeri Selangor. Saya rasa itu yang "basic". Bagaimana perniagaan-perniagaan kecil di bandar-bandar kecil di negeri Selangor ini dapat membangun kalau talian Internet mereka terhad. Bagaimana pelajar-pelajar di seluruh negeri Selangor dapat menggunakan Internet untuk tujuan penyelidikan mereka, jika Internet terhad. Kita nak kurangkan migrasi daripada bandar kecil kepada Kuala Lumpur kawasan Lembah Klang. "I think this is one of the basic" yang kita perlu atasi. Kita kena bawa "high speed broadband" kepada seluruh negeri Selangor daripada Sabak Bernam ke Kuala Kubu Bharu ke Banting dan di mana-mana yang masih belum ada. Kalau di Sarawak tak ada, mungkin kita boleh faham, tapi janganlah di Selangor tak ada "high speed broadband" pada zaman tahun 2019 ini. Hanya dua ADUN sahaja yang sokong. Yang ketiga, saya ingin mohon untuk satu keadilan bagi pemilik bangunan berstrata. Perkara ini saya telah bawa dalam sidang dewan yang lepas, tetapi oleh kerana masih belum selesai, saya terpaksa membawa perkara ini di sidang yang ini. Pemilik bangunan berstrata kediaman berstrata merupakan satu sebahagian pemilik yang agak besar di negeri Selangor dan sekarang hampir majoriti pembangunan rumah baru di negeri Selangor adalah rumah strata. Rumah strata bukan eksklusif untuk orang kaya sahaja, dia sudah menjadi "the new normal" dengan izin. Tetapi alangkah kesiannya kepada pemilik bangunan strata dan saya kena mengakui saya pun seorang pemilik bangunan berstrata, di mana cukai petak yang dilaksanakan untuk menggantikan satu cukai ke atas lot menyebabkan kadar cukai untuk bangunan strata jauh lebih tinggi berbanding rumah atas tanah. Kalau kita bandingkan rumah teres dengan satu apartmen kadar

cukai apartmen itu adalah jauh lebih tinggi disebabkan oleh formula kiraan petak strata berbanding cukai atas tanah. Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, saya merayu bagi seluruh rakyat negeri Selangor, kita kena betul kan situasi ini. Cukai tanah yang dibayar untuk tempat kediaman haruslah adil, haruslah sama, haruslah adil kepada pemilik strata berbanding dengan pemilik bangunan atas tanah. Kalau kita lihat cukai pintu, itu juga menjadi satu masalah. Cukai pintu untuk bangunan "landed" memanglah lebih murah berbanding cukai pintu untuk bangunan jenis strata. Di kawasan Petaling Jaya dan Subang Jaya perkara ini lebih nyata berbanding tempat lain. Satu rumah teres rata-ratanya cukai pintu mereka dalam sekitar RM300, tetapi satu kondominium ataupun servis apartmen cukai pintunya biasanya lebih tinggi. Ini adalah kerana formula yang kita pakai di mana cukai pintu dikira mengikut sewa bulanan, sewa tahunan dan apabila sewa tahunan untuk kawasan untuk "landed property" seperti banglo dan semi-d dikira sebagai kadar yang agak rendah, akhirnya ia membuat satu keadaan "unfair" di mana keadaan bangunan strata mempunyai "in ratio to the value of the property" satu kadar cukai pintu yang lebih tinggi. Jadi cukai tanah di bawah kawal kawalan Pejabat Daerah dan juga cukai pintu di bawah kawal pbt-pbt haruslah disemak semula supaya kita mempunyai satu sistem pencukaian yang lebih adil. Isu seterusnya yang saya

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Yang Berhormat, cuma saya tidak berniat mengatakan Yang Berhormat mengelirukan dewan, tapi kenyataan Yang Berhormat tadi mungkin akan mengelirukan orang ramai apabila Yang Berhormat merujuk kepada apartmen dan Yang Berhormat ada sebut kondominium dan juga servis apartmen. Harus diingat bahawa kondominium itu mungkin ia berada dalam kawasan tertentu, ia berada di kawasan zoning perumahan. Servis apartmen ia berada di atas zoning komersial termasuk geran tanah juga komersial. Jadi pengiraannya ada mengikut komersial, walaupun ia digunakan serumah tapi ia sepatutnya tidak digunakan di serumah. Ia adalah servis apartmen. Jadi kadar itu berlainan sebabkan atas larangan itu. Jadi tidak boleh kelirukan kondominium dengan servis apartmen.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Terima kasih kepada Yang Berhormat Exco kerana membantu menjelaskan hujah saya. Servis apartmen kalau 20 tahun dahulu memang hanyalah untuk golongan eksklusif golongan kaya tetapi hari ini kalau kita tengok kelulusan di peringkat OAC, MBPJ dan MPSJ dan mungkin pbt-pbt yang lain, kebanyakannya "property" baru yang diluluskan kebanyakannya pemajuan yang sekarang diluluskan adalah jenis servis apartmen, pangaspuri servis. Ia sudah menjadi "the new normal", memang betul Yang Berhormat kadar cukai mereka yang hari ini adalah kadar komersial adalah lebih mahal, pengiraannya lebih mahal. Tapi pada pandangan saya, tak patut lebih mahal. Kerana fungsi hartanah tersebut adalah tujuan kediaman dan pengguna hartanah tersebut adalah golongan sederhana, golongan sederhana rendah. Kalau dahulunya 30 tahun yang dulu memang bilangannya sangat sedikit dan ia adalah untuk golongan yang paling eksklusif. "So" tak apa. Biarlah cukai dia mereka mahal. Tetapi sekarang, kalau hari ini di kawasan Subang Jaya, Petaling Jaya nak beli satu hartanah baru dalam lingkungan RM400, RM500 ribu ringgit, pastinya satu jenis produk sahaja yang ada iaitu pangaspuri servis. Tak ada lagi yang ada untuk golongan anak muda kita. Saya berharap pihak Kerajaan boleh meneliti.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Ya Yang Berhormat, saya kira itu kenyataan yang kurang tepat juga ya. Sebab servis apartmen ia bukan murah, apabila dia pembeli itu nak beli, dia memang tahu, itulah yang dia akan kena bayar, jangan lepas beli baru mengadu kita tidak adil. Kita sudah tahu, kalau kita beli kereta mewah, cukai jalan memang mahal. Jangan kita beli kereta mewah, kemudian kita mengadu cukai itu tinggi. Bukan kita kenakan kemudian, itu sudah diketahui. Ini kawasan komersial, ini zoning komersial, geran komersial, rumah mahal, cukai mahal. Itu dia beli, dia sanggup beli, dia sanggup bayar lah. Jadi kita nak perjuangkan juga, tapi dengan cara yang betul lah. Mungkin boleh kita nak membuka lebih banyak kawasan untuk perumahan supaya rumah pangsa atau rumah apartmen boleh didirikan di atas zoning yang betul. Supaya ia tidak menjadi servis apartmen. Sebab kita tidak ada orang memaksa dia membeli servis apartmen, kalau dia sudi bayar, sudi lah dia tanggung. Itu pandangan saya. Perjuangkan saya setujulah, tapi kenalah adil pada kerajaan. Kalau tidak, kalau tidak akan mengadu. Yang Berhormat akan mengadu mengapa pbt tak pungut cukai, tak ada hasil mencukupi, kerajaan kenapa tak naikkan hasil. Itu masalahnya, kalau tidak pembangkang pun akan bangkit juga seperti ini, saya tidak kena perjuangan itu, kita perjuangkan untuk orang yang kurang mampu tu kenalah munasabah. Kalau tidak, macam mana kita nak uruskan.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Amat bagus saya rasa hujahan Dato' Yang Berhormat memang membantu hujah saya kerana anggapan bahawa kita ada pilihan itu sudah menjadi anggapan yang salah. Kalau kita lihat di kawasan di Petaling jaya, apakah pilihan untuk pembeli di bawah 500 ribu ringgit, hanya satu pangsapuri perkhidmatan pada hari ini. Kalau Kerajaan Negeri meneliti kelulusan OAC untuk 12 bulan yang lepas, Kerajaan Negeri akan mendapati bahawa semua perumahan baru melainkan banglo adalah pangsapuri perkhidmatan. Inilah hakikat yang "the property market" sudah berubah. Bukan, ia bukan produk minoriti, produk eksklusif tetapi sekarang ia sudah menjadi produk "mainstream". "So", saya harap kita boleh ambil perhatian perkara ini. Tak apa, Kerajaan Negeri nanti boleh meneliti balik keputusan OAC untuk 12 bulan yang lepas di MBPJ dan MPSJ untuk melihat apa yang saya cakap. "So", perkara ini saya harap boleh diteliti kan oleh kerajaan. Jika perlu untuk menaikkan hasil, biarlah fokus ke atas rumah banglo terlebih dahulu sebelum pangsapuri perkhidmatan. Itulah cadangan saya untuk hari ini. Saya tak malu, saya secara terbuka, biarlah rumah banglo yang kena terlebih dahulu sebelum servis apartmen. Kalau nak hujah yang spesifik, saya ada satu apartmen, cukai apartmen tersebut adalah Rm400 lebih berbanding rumah teres milik bapa saya yang "value" dia dua kali ganda rumah saya tetapi cukainya RM300 lebih. Itulah perbezaan yang ada hari ini di Petaling Jaya dan Subang Jaya. Isu seterusnya yang saya ingin bangkitkan pada hari ini ialah penguatkuasaan parkir di kawasan kediaman. Semakin hari semakin banyak penguatkuasaan oleh pihak Pbt, kadang-kadang daripada polis tapi biasanya daripada PBT untuk isu tempat letak kereta di kawasan perumahan. Kalau kiat merujuk kepada undang-undang kecil, MBPJ berkenaan tempat letak kereta cukup jelas di mana majlis tidak melukis satu petak di mana Pbt tidak melukis satu petak tidak boleh letak kereta di sana. Jadi ia menjadi salah untuk meletak kereta di hadapan rumah teres kerana majlis tidak melukis satu petak di sana. Tetapi untuk 20 30 50 tahun yang lepas kita tidak menguatkuasakan undang-undang ini di kawasan perumahan. Kita selalunya

19 MAC 2019 (SELASA)

menguatkuasakan undang-undang ini di kawasan komersial, di jalan raya utama sahaja. Tetapi kebelakangan ini di kawasan Petaling Jaya, semakin banyak penguatkuasaan berlaku di kawasan perumahan terutamanya di seksyen 5 Petaling Jaya dan seksyen 17 Petaling Jaya. Penguatkuasaan ini timbul atas aduan penduduk, dia tak suak orang lain "parking" di depan rumahnya, dia "call" PBT. Dia telefon PBT buat aduan, PBT pun respons kalau ikut undang-undang hitam putih memang salah sebab tak lukis satu petak. Tetapi banyak mangsa tindakan penguatkuasaan ini berasa tidak puas hati kerana kita ada "expectation" dengan izin bahawa meletak kereta di hadapan adalah tidak menyalahi undang-undang kerana untuk berpuluhan-puluhan tahun tidak menjadi satu masalah. Saya buat cadangan hari ini, bahawa Kerajaan Negeri Selangor meneliti undang-undang kecil semua PBT kerana di Selangor undang-undang kecil kita semua seragam. Supaya kita menukar peraturan ini yang kata di mana tak ada petak tak boleh "parking" akan kena saman. Kita buat satu sistem di mana jika ada garis kuning, barulah salah untuk letak kereta dan tindakan penguatkuasaan akan dilakukan. Kalau tak ada garisan, adalah diberi kelonggaran untuk letak kereta. Saya rasa sistem seperti ini lebih mudah di fahami oleh rakyat dan apabila mereka "parking" di tempat yang ada garisan kuning, mereka tahu merak akan di kenakan tindakan penguatkuasaan. Jika mereka tidak meletak kereta ataupun jika mereka meletak kereta di tempat yang tak ada garisan kuning, bermaksud di sini diberi kelonggaran untuk letak kereta. "So", di kawasan Hutan Simpan Bukit Gasing, di mana ramai orang suka datang untuk mendaki, memang setiap Sabtu dan Ahad berpuluhan-puluhan saman akan di keluarkan kepada pengunjung bukan daripada Petaling Jaya, daripada Petaling Jaya mungkin dah faham dah, tapi daripada luar yang datang untuk mendaki gunung bukit dan saya harap pihak Kerajaan boleh meneliti

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat Bukit Gasing, subang Jaya nak minta laluan sedikit.

Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE : Yang Berhormat Bukit Gasing, mohon klasifikasi. Adakah tempat-tempat yang disebut oleh Bukit Gasing juga mengalami masalah "parking" yang berpuncanya daripada LRT, di mana pengguna LRT juga ber"parking" di kawasan kediaman di sebab kan tidak ada "parking" yang di sediakan untuk mereka "parking" dan selepas itu naik LRT. Terima kasih.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Memang sangat logik kalau di dekat stesen LRT, kalau stesen LRT itu berhampiran dengan rumah kediaman, rumah kediaman teres, mesti banyak orang luar akan "parking" di hadapan rumah teres tersebut dan menghalang pergerakan orang yang tinggal di sana. Jadi itulah yang saya minta, memang ada tempat yang penguatkuasaan perlu dibuat. Lukislah garis kuning di sana dan kita hadkan penguatkuasaan kepada tempat yang ada garis kuning dan di tempat lain yang tak ada garis kuning dan di tempat lain yang tak ada garis kuning kita bagi kelonggaran kepada penduduk untuk meletak tempat letak kereta. Perasaan tidak adil ini kita boleh kurangkan dan kita boleh jadi kerajaan yang lebih progresif. Dan perkara ini bukan sahaja unik di negeri Selangor, kalau saya, saya telah meneliti ni negeri Singapura. Singapura pun ada banyak rumah teresnya. Tak seberapa banyak di

19 MAC 2019 (SELASA)

Selangor tapi juga ada banyak kawasan perumahan rumah teres dan di Singapura pun mereka ada sistem di mana apabila tiada garisan bolehlah..

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat, lampu merah. Rumuskan ya.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Ya, saya rumuskan ini. Saya bagi contoh ini. Di mana tak ada garisan dibenarkan letak kereta, di mana ada garisan tu ada had, ada sekatan untuk meletak kereta. Saya *last* sekali satu ayat, berkenaan dengan kemudahan untuk rakyat, saya harap antara berpuluhan-puluhan projek yang kerajaan negeri Selangor sedang berunding dengan kerajaan persekutuan tolonglah juga kita masukkan cadangan projek satu hospital awam di kawasan Petaling Jaya. Sekarang di petaling jaya tak ada hospital kementerian kesihatan. Kita ada di Serdang, Sungai Buloh, Shah Alam tetapi di Petaling Jaya tak ada. Jadi penduduk-penduduk di DUN Bukit Gasing, di DUN Taman Medan, Seri Setia, Kampung Tunku, Subang Jaya, Kinrara, mereka terpaksa menggunakan Pusat Perubatan Universiti Malaya yang sangat mahal, ataupun mereka kena jauh ke Serdang ataupun Sungai Buloh. Dan hospital-hospital ini pun sesak. Jadi saya harap kita boleh meminta kerajaan pusat untuk membina satu hospital awam. Memang sesak. Membina satu hospital awam, Hospital Kementerian Kesihatan di kawasan Petaling Jaya untuk kemudahan penduduk-penduduk di sini. Petaling Jaya bandar terbesar tanpa hospital kerajaan. Jadi itu hujah saya yang terakhir, sekian, terima kasih. Usul menjunjung kasih titah Tuanku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Banting.

TUAN SPEAKER : Banting.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih Tuan Speaker. Yang sejati perlu diraikan, yang abadi perlu dikekalkan.

TUAN SPEAKER : Sebelum itu, Yang Berhormat Banting tolong duduk dulu, sekejap ya.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Ya, ya.

TUAN SPEAKER : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian oleh kerana urusan Dewan ini masih panjang maka dewan pada hari ini perlu disambung. Saya mempersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk membawa usul.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut bahwasanya dewan yang bersidang pada hari ini mengikut peraturan sebelas dalam peraturan tetap dewan negeri Selangor hendaklah disambung sehingga jam 6.00 petang.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Tuan Speaker, saya menyokong.

19 MAC 2019 (SELASA)

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong untuk mendapatkan persetujuan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyokong sila kata YA.

DEWAN : Ya.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Usul ini persetujui. Yang Berhormat Banting.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih Tuan Speaker. Yang biasa perlu diperbetulkan, yang betul perlu dibiasakan. Politik rasuah politik toksik siapa selamat kalau Malaysia binasa. Tuan speaker begitulah tajuk saya untuk menyokong usul yang dibawa oleh Bukit Lanjan. Semua pemimpin Malaysia perlu membanteras rasuah habis-habisan. Dan kita perlu memperjuangkan nasib semua rakyat Malaysia agar tidak ada lagi keluarga yang hidup miskin papa kedana. Begitulah jiwa perjuangan kami di pakatan harapan membina politik toksik di sana membinasakan. Berjuanglah untuk menjadikan negara kita makmur dan hidup aman damai. Untuk memastikan semua rakyat menikmati kekayaan negara dengan sama rata. Tuan speaker, mananya pemimpin yang cuba memecahkan perpaduan rakyat dengan politik toksik perlu ditolak sekutu-kuat oleh rakyat Selangor khususnya. Bulat air kerana pembetung dan bulat manusia kerana muafakat. Dan muafakat di Selangor ini kita lihat muafakat antara kaum yang ditunjukkan oleh pakatan harapan inilah yang menjadi harapan dan mampu melonjak Malaysia ke persada dunia kerana ia terbukti lebih progresif berbanding dengan naratif sempit yang berlandaskan politik toksik. Politik toksik yang sebelah sana yang diperjuangkan di sebelah sana dimeterai Yang Ahli Berhormat sekalian selepas PRU tapi pakatan harapan ini ditubuhkan dua atau tiga tahun sebelum PRU dan kita menjalankan pentadbiran berlandaskan buku harapan yang merupakan tunjang dan tuggak kepada naratif nasional Malaysia. Tuan speaker, sejarah telah pun membuktikan politik toksik yang berlandaskan satu-satu agenda sahaja tidak akan berkekalan. Jadi hujah saya kepada pembangkang kalau kita lihat sejarah politik di Malaysia termasuk di Sabah dan serawak, PAS tidak pernah menang satu kerusi pun di Sabah dan Sarawak. UMNO tidak pernah bertapak di Sarawak. UMNO, Sabah sekarang pun berterus terang tidak akan bekerjasama dengan PAS dan kedua-dua negeri Sabah dan Sarawak mempunyai gabungan 46 kerusi di dewan rakyat. Satu *percentage* yang cukup besar. sekiranya tuan speaker, politik toksik ini sah ditolak oleh rakyat daripada Sabah dan Sarawak saya pasti mereka tidak akan dapat memegang kerajaan persekutuan. Begitulah muafakat dan di sinilah tertunjuknya muafakat yang ditunjukkan oleh kerajaan pakatan harapan di peringkat negeri persekutuan dan Selangor. Kita lihat selepas pilihan raya muafakat antara persekutuan dengan Selangor akhirnya membantu rakyat Selangor. Contoh yang paling baik ialah kemelut penstrukturran air di negeri Selangor yang masih segar dalam ingatan kita sejak tahun 2008. Semasa saya mula-mula dipilih menjadi wakil rakyat, akhirnya selepas satu dekad ia membelenggu kita semua ia diatasi dengan begitu mudah sahaja. Tiga minggu lepas kita disajikan dengan berita baik bahawa konsesi lebuh raya akan ditamatkan secara berperingkat dan ia bermula dengan lebuh raya yang dimiliki oleh gergasi infrastruktur iaitu syarikat Gamuda. Oleh itu tuan speaker dan ahli-ahli yang

19 MAC 2019 (SELASA)

berhormat, sedikit demi sedikit akhirnya jadilah bukit. Itulah cara kita melaksanakan manifesto kita. Di peringkat Selangor kita menerusi tradisi kecemerlangan kita dengan menyantuni rakyat melalui pelbagai program kebaikan sehingga ia dicemburui oleh rakyat di luar Selangor. Saya setuju kalau ada cadangan untuk merancakkan lagi program-program IPR yang sedia ada dengan syarat ia tidak bertindih dengan apa-apa program kebaikan yang bakal yang telah dan yang akan dilaksanakan oleh kerajaan persekutuan. Sekiranya hasrat kita adalah untuk mengukuhkan golongan B40 janganlah kita di peringkat kerajaan negeri melalaikan tanggungjawab kita terhadap kelas pertengahan yang sedia ada iaitu golong M40 kita perlu merancang dasar-dasar ekonomi pelaburan yang mampan yang mampu menjana peluang pekerjaan dengan gaji yang tinggi. Saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan Selangor kerana mampu menunjukkan prestasi kewangan dan pelaburan yang memberangsangkan berbanding dengan negeri-negeri yang lain khususnya pada zaman ekonomi dan iklim pelaburan global yang semakin mencabar dalam tempoh setahun yang lepas. Tidak dapat dinafikan bahawa kutipan hasil tanah seperti cukai dan premium berkurang tapi ini adalah fenomena penyelaras yang bersifat jangka pendek. Pernah dibangkitkan pembangkang bahawa kerajaan tidak hanya boleh bergantung pada kutipan premium semata-mata tanah kerajaan akhirnya akan habis diberi hak milik. Ini tidak pernah kerana kerajaan masih boleh mengutip premium apabila pemilik tanah hendak menyambung tempoh pajakan menukar syarat guna tanah ataupun menjalankan transaksi jual beli tanah. Dan sememangnya negeri-negeri seperti Pahang, Sarawak, sabah dan Selangor, masing-masing membentangkan belanjawan yang mencécah bilion ringgit setiap tahun tetapi istimewanya Selangor kerana kita tidak bergantung semata-matanya sumber bumi dan itu adalah kekuatan yang ada pada kerajaan negeri Selangor. Tuan speaker, isu pertama yang saya hendak bawakan ialah isu tentang kerakyatan. Saya tahu ini bukan kerajaan. Ini adalah ini bukan bidang kuasa negeri tetapi sebagai kerajaan yang memerintah di peringkat persekutuan isu kerakyatan pelajar-pelajar yang dikatakan sebagai *undocumented children* ini perlu diberi perhatian oleh EXCO pendidikan. Baru-baru ini saya terima aduan daripada ibu bapa kerana anak-anak mereka menghadapi masalah untuk mendaftarkan diri sebagai calon peperiksaan kerajaan. Masalah ini berbangkit akibat dasar diskriminasi yang diamalkan oleh kerajaan BN sehingga mereka yang tidak berdosa ini tidak diterima sebagai anak watan yang sah. Ada di kalangan mereka yang menonjol dalam bidang akademik mahupun dalam bidang kurikulum. Disebabkan identiti mereka sebagai bukan warganegara mereka tidak dapat bertanding di pentas dunia sebagai atlet Malaysia. Saya amat berharap EXCO pendidikan yang kebetulannya Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar boleh memanjangkan isu ini untuk perhatian Menteri dalam negeri supaya ia dapat diatasi segera. Saya juga amat berharap sekiranya Yang Amat Berhormat Selat Klang juga boleh membantu bersama-sama dan ADUN Banting iaitu saya memang sentiasa bersedia untuk membantu kerajaan mengatasi masalah ini. Jadi yang penting janganlah kita membinasakan masa depan anak-anak yang tidak berdosa ini. Sekiranya ada mana-mana dasar kerajaan yang terdahulu yang toksik yang perlu dipindah maka pindalah ia dengan segera supaya mereka mampu memiliki masa depan yang cerah di bumi Malaysia ini. Tuan Speaker tidak lama lagi majlis daerah Kuala Langat akan naik taraf menjadi majlis perbandaran. Ia pastinya diiringi dengan anjakan paradigma seluruh kakitangan MDKL kerana cabarannya juga akan

semakin mencabar sebagai contoh harapan penduduk terhadap majlis kepada majlis sudah pasti akan meningkat dan apa yang dianggap sebagai memuaskan pada masa dahulu akan dilihat sebagai tidak cukup pada masa kemudian maklumlah kerana ia juga termasuk naik taraf ini juga termasuk hasil dan pendapatan serta gaji dan elauan pegawai kerajaan akan dinaikkan. Dan pastinya peningkatan bilangan penduduk dan peningkatan aktiviti perniagaan dan perindustrian juga akan membebankan infrastruktur majlis yang sedia ada. MDKL juga perlu bersiap sedia dengan peruntukan yang lebih besar dan kualiti perkhidmatan yang lebih cekap untuk memenuhi cita rasa pembayar cukai. Oleh itu saya menggesa MDKL akan sentiasa memastikan wang majlis digunakan dengan tepat. Laporan audit negara terhadap akaun majlis pada tahun 2017 mendapati MDKL mempunyai simpanan tetap dan wang tunai dalam bank yang pesat. Iaitu 94juta berbanding dengan hanya 77juta ringgit pada tahun 2016 saya pasti angka ini akan terus meningkat barangkali pada tahun 2018 ia sudah pun ke paras RM100juta. Untuk itu saya memohon kalau boleh angka ini dapat disahkan dan memohon kerajaan memberi kenyataan angka yang terkiri pada tahun 2019. Apa pun sekali tidak keterlaluan kalau kita menggunakan sebahagian wang ini untuk pembangunan infrastruktur di kawasan pentadbirannya. Saya percaya wakil rakyat dan rakan-rakan saya dari Morib, dari sejangkang dan dari tanjung sepat, dan juga pegawai di MDKL dan pegawai di pejabat tanah telah pun mengemukakan senarainya untuk pertimbangan MMKN. Harapan saya agar Kuala Langat diberi perhatian yang sewajarnya kerana majlis daerah Kuala Langat atau daerah Kuala Langat ini merupakan majlis daerah yang paling berpotensi dan paling giat di seluruh Selangor kalau di peringkat majlis daerah malahan juga di seluruh Malaysia. Pada pertengahan tahun kedua tuan speaker untuk tahun 2018 MDKL juga mengharungi cabaran yang sangat getir berikutan masalah pencemaran yang dilakukan oleh kilang-kilang pemprosesan sisa plastik yang tidak berlesen. Saya tekankan yang tidak berlesen. Kita tidak pernah leka dan MDKL harus diberi pujian kerana bekerjasama dengan penduduk dan wakil rakyat untuk mengatasi pencemaran ini yang buat seketika dulu mendapat liputan yang luas daripada media asing. Walaupun isu ini sedikit sebanyak mendedahkan kekurangan kita dari segi pemantauan dari segi pengetahuan teknikal dan dari segi pengetahuan undang-undang untuk mengawal kemasukan sisa yang tidak terkawal pada masa zaman barisan nasional tetapi kita bekerjasama dengan semua agensi kerajaan termasuk dari persekutuan khususnya jabatan alam sekitar untuk memastikan segala penguatkuasaan segala kerja-kerja perundungan dijalankan dengan lancar dan licin. Untuk makluman dewan yang mulia ini saya difahamkan jabatan alam sekitar telah pun mendakwa mula mendakwa pemilik-pemilik tanah yang tidak sah ini ke mahkamah seksyen di sepang. Ini menunjukkan ketegasan kita dalam menangani isu ini. Dan sehingga semalam masih ada lagi operasi yang dijalankan oleh penguat kuasa MDKL terhadap kilang-kilang yang tidak berlesen ini. Jadi inilah apa yang kita perlu lakukan di peringkat MDKL. Malangnya ada juga beberapa agensi Kerajaan Persekutuan yang kurang memberikan kerjasama dan saya memohon spek pengangkutan awam, Kerajaan Negeri Selangor dan MDKL perlulah berhubung dengan rapat dengan Kerajaan Pusat khususnya agensi pengangkutan awam darat (APAT) yang mungkin pernah dijemput untuk menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Pengangkutan Awam MDKL tetapi tidak pernah hadir. Jadi saya berharap perkara ini dapat diberi perhatian. Pentadbiran PBT seperti MDKL juga harus dirombak selepas

19 MAC 2019 (SELASA)

naik taraf ini kerana tahun dahulunya terdapat jawatankuasa-jawatankuasa MDKL yang dipengerusikan oleh YDP tetapi tidak melibatkan Ahli-ahli Majlis. Contohnya Jawatankuasa Penyelarasan dan Pemantauan Aduan dan Jawatankuasa Peningkatan Hasil, maka saya bercadang dalam kes-kes yang melibatkan jawatankuasa-jawatankuasa yang sebegini penglibatan Ahli Majlis haruslah dipertingkatkan. Itulah sejajar dengan tajuk ucapan saya iaitu membiasakan yang betul dan membetulkan yang biasa.

Taman Kekal Pengeluaran Makanan, Tuan Speaker yang saya pernah bangkitkan di hutan simpanan Sungai Kerambu, Kuala Langat Selatan masih belum ada keputusan akhir. Dalam sidang DUN yang lepas saya dimaklumkan bahawa Jabatan Perhutanan Selangor perlu menyediakan kertas cadangan untuk digazet, mewartakan tanah tersebut dan kemudiannya perlulah serahkan kepada Jabatan Pertanian untuk tindakan pewartaan semula sebagai tanah TKPM. Saya telah menulis e-mel kepada Pengarah Jabatan Perhutanan Selangor sebanyak 2 kali dan yang terakhir ialah bertarikh 17 Februari 2019. Saya yakin memang sudah ada perkembangan terkini tetapi malangnya saya belum mendapat apa-apa maklum balas terkini terhadap perkara di atas. Malahan e-mel saya juga turut memohon sama ada mungkin untuk perjumpaan dilakukan pada masa terdekat, saya ingin memaklumkan pada Dewan yang mulia bahawa e-mel ini masih belum dijawab sehingga sekarang. Saya memohon perhatian serius daripada Kerajaan Negeri.

Saya juga ingin membangkitkan Jalan Persekutuan FT005 yang masih dalam keadaan yang tidak selamat khususnya pada waktu malam. Pada akhir tahun 2018 jalan ini sama seperti jalan-jalan persekutuan lain berdepan dengan masalah penyelenggaraan yang tertunggak akibat kekurangan tanah seperti tumbuhan lalang gajah setinggi sampai 3 kaki. Beberapa hari yang lepas, sepasang suami isteri yang berasal daripada Sri Cheeding dilanggar oleh sebuah kereta yang melalui jalan ini di persimpangannya Jalan B40. 2 minggu sebelum ini, saya menghadiri satu majlis pengebumian seorang mangsa yang mengalami kecederaan akibat kemalangan di FT005 di Morib, di jalan Morib, Tanjung Sepat. Jadi keadaan jalan yang gelap gelita termasuk di persimpangan-persimpangan utama yang masih belum ada lampu jalan pada waktu malam, masih lagi berleluasa sepanjang FT005 ini. Ini termasuklah persimpangan yang saya katakan tadi itu termasuklah persimpangannya dengan Jalan B126 dan B340 dan persimpangan dengan Jalan Northern di Jenjarom. Saya berharap pegawai-pegawai di JKR mengambil maklum tentang isu ini.

Tuan Speaker, infrastruktur sukan di DUN Banting juga berada pada tahap yang tidak memuaskan. Masalah ini timbul kerana bidang kuasa iaitu infrastruktur ini pada tahunnya dibina oleh kerajaan sama ada pusat atau pun oleh MBI. Tetapi selepas dibina tidak diberi diserah kepada Pejabat Tanah, tidak diserah kepada Majlis Daerah dan kalau diserah pun ianya tidak bersekali dengan peruntukannya menyebabkan ia berada pada keadaan yang cukup daif. Jadi saya memohon supaya perkara ini dipercepatkan iaitu penyerahan tanggungjawab, menyelenggarakan di serahkan segera kepada PBT bersekali dengan peruntukannya. Janganlah kita serah, tanggungjawab itu tetapi bukan peruntukan tambahan yang amat diperlukan untuk membinanya.

Saya juga ingin membawa perhatian kerajaan terhadap satu perkara yang lama tertunggak di kawasan saya iaitu bumbung untuk gelanggang bola keranjang di Teluk Pulut. Pada tahun 2011, MBI telah pun berjanji untuk membina menyediakan peruntukan untuk membina bumbung tersebut di Teluk Pulut di kawasan saya. Tetapi malang tidak berbau, peruntukan itu tidak dapat disediakan. Kemudian terdapat juga berlakunya sedikit tunggakan di mana peruntukan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Tetap Kampung Baru tidak dapat diturunkan kerana tempat itu tidak terletak di Kampung Baru. Jadi sudah 2 kali perkara ini terkandas di situ dan saya memohon EXCO Kerajaan Tempatan, barangkali sementara menunggu makluman atau pun pengesahan daripada MBI tentang asal usulnya projek ini. Pada masa yang sama kalau kosnya tidak melebihi RM300,000.00 mungkin boleh guna peruntukan daripada Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan untuk membangunkannya. BQ telah pun disiapkan oleh Majlis Daerah Kuala Langat, 6 tahun yang lalu semua telah pun disiapkan di peringkat akar umbi yang tunggu hanya peruntukan dan panduan daripada Kerajaan Negeri sahaja. Itu adalah harapan saya untuk Kerajaan Negeri Selangor bagi bumbung gelanggang bola keranjang di Teluk Pulut ini.

Seterusnya Internet saya tidak akan berkata panjang kerana Yang Berhormat daripada Bukit Gasing telah pun menyebut. Hanya saya ingin mendapat penjelasan terkini daripada Kerajaan Negeri Selangor apakah pencapaian yang telah dilakukan oleh SMARTSEL sejak penubuhannya untuk mempertingkatkan perkhidmatan dan kelajuan Internet di kawasan kampung. Di kawasan Kampung Pulau, di kawasan Teluk Pulut, di kawasan Taman Delima, di kawasan Kampung Baru Sungai Jarom, di kawasan Sungai Jarom, di kawasan Jenjarom, di kawasan Sri Cheeding, di kawasan Sungai Manggis, di kawasan Banting, di kawasan Sijangkang termasuk Teluk Panglima Garang sekali. Saya memohon supaya satu penjelasan yang lebih lengkap dapat dikongsi bersama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat di kawasan Kuala Langat ini.

Tuan Speaker saya juga ingin menyentuh tentang masalah penyalahgunaan di DUN Banting khususnya di Kampung Baru Sungai Jarom yang berada dalam keadaan yang belum lagi dikira sebagai sudah diatasi iaitu pada keadaan yang tidak begitu memberangsangkan. Selain daripada menjalankan operasi serbuan dan penguatkuasaan undang-undang, Kerajaan Negeri haruslah mempergiatkan juga program-program yang sedikit alternatif termasuklah *harm reduction* terhadap penagih-penagih dadah yang ada di kawasan saya supaya mereka boleh diterima, mereka boleh di pulih dan diterima masuk ke dalam masyarakat. Kita lihat ada program PWB untuk membantu wanita-wanita untuk mempertingkatkan *financial freedom* mereka. Golongan-golongan penagih dadah ini berada dalam keadaan yang jauh lebih teruk dan mereka memerlukan pimpinan yang lebih banyak daripada Kerajaan Negeri Selangor. Saya amat berharap kalau kita ada program-program pemulihan, program-program *harm reduction* dari segi fizikal, dari segi *financial* untuk membantu mereka diterima masuk ke dalam masyarakat.

Tuan Speaker, kepakaran tanah gambut di kebun kelapa sawit di Kuala Langat telah pun mencemari kualiti udara di daerah Petaling, di Putrajaya, di Shah Alam dan di

19 MAC 2019 (SELASA)

Puchong, dua tiga hari yang lepas. Ia merupakan sesuatu yang tidak dapat dielakkan kerana cuaca dan juga suhu pada dua tiga hari yang lepas memang sangat panas dan kering. Saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan Negeri untuk melakukan perkara-perkara tersebut selepas perbincangan dengan tuan punya tanah kebun. Iaitu mereka perlu menyediakan infrastruktur tertentu di dalam kebun mereka untuk memudahkan operasi pemadam api belukar. Pertama, melebarkan jalan-jalan perkhidmatan di dalam kebun untuk memudahkan kenderaan bomba keluar masuk, itu yang pertama. Menyediakan tangki air dan stor di dalam kebun-kebun ini keluasannya perlu dibincangkan dengan kerajaan dan juga pentadbir tanah untuk menyimpan peralatan dan juga yang diperlukan untuk memadam api ini. Ketiga, memasang sensor atau pengesan alat api yang boleh mengesan api dan menghantar mesej kecemasan kepada *Smart Selangor Control Centre* dan Balai Bomba yang terdekat untuk tindakan kecemasan. Keempat bekerjasama dengan syarikat-syarikat pengimejan satelit atau pun *satellite imaging company* untuk memantau secara *real time* keadaan *hot spot* ini supaya lokasi kebakaran dan juga insiden kepakaran ini boleh dikenal pasti dalam masa yang paling singkat dan mesej kecemasan boleh dihantar dengan cepat. Dan kelima meneliti kaedah-kaedah pelarangan yang diamalkan oleh syarikat-syarikat estet yang besar supaya dalam membersihkan sisa-sisa kebun atau *browning* ini ianya tidak menjadi bahan api tambahan kepada kebun-kebun kelapa sawit ini yang akan menyebabkan jerebu, keadaan berjerebu di kawasan persekitarannya. Saya tahu ini akan menelan belanja yang tinggi pada pihak tuan punya tetapi kita perlu beringat dalam keadaan yang kritikal langkah-langkah ini perlukan untuk memastikan keadaan jerebu dan kepakaran ini dapat dikawal. Ia juga boleh membantu tuan punya tanah untuk mengurangkan kerugian yang bakal dihadapi oleh mereka kerana kalau kebun kelapa sawitnya dibakar ia juga tidak akan menjanakan sebarang *income* atau pun pendapatan kepada mereka. Jadi lebih baik bersiap sedia daripada awal dan kemudian kalau berlakunya insiden ini bomba bila tiba di situ dia boleh terus pasang pam dia, dia boleh terus guna air, ada tangki, ada tekanan air yang mencukupi dan dia boleh melakukan kerja-kerja pemadam api dengan segera dengan berpandukan berlandaskan juga sistem-sistem teknologi yang dipasang oleh pemilik-pemilik tanah dan juga *Smart Selangor Control Centre* ini. Akhir sekali Tuan Speaker, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Bomba. Semalam saya berada di kawasan saya lihat mereka bertungkus-lumus keluar masuk untuk memadam api yang berlaku di kawasan Kuala Langat dan Sri Cheeding. Dan saya begitulah ucapan saya yang bertemakan betul yang biasa dan biasakan yang betul. Saya mengharapkan kemenangan Pakatan Harapan pada Mei 2018 yang lepas boleh sedang dan akan diterjemahkan kepada pencapaian positif untuk rakyat, untuk rakyat Malaysia yang tercinta, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Subang Jaya.

Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE: Terima kasih Tuan Speaker kerana membenarkan Subang Jaya membahaskan usul titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Yang Berhormat Tuan Speaker, Subang Jaya amat bersetuju dengan titah Tuanku yang menasihatkan rakyat untuk menggunakan teknologi terutamanya media sosial untuk perpaduan masyarakat dan bukannya untuk menyebabkan perpecahan masyarakat. Di sini Subang Jaya teringat tindakan keganasan beberapa

19 MAC 2019 (SELASA)

hari yang lalu di sebuah masjid di Christchurch, New Zealand yang telah merampas nyawa 50 orang. Kejadian tersebut dimuat naik secara *live* di Facebook. Satu contoh bagaimana media sosial disalah gunakan. Itu merupakan satu contoh ekstrem tetapi bagaimana dengan kita yang komen atas media sosial tanpa memastikan fakta atau pun menggunakan platform Internet untuk menyebarkan kebencian. Subang Jaya ingin menyeru rakyat jelata untuk selalu menyemak dan memikir tiga kali sebelum menyebut sesuatu di laman sosial. Wajar juga kita untuk bertanya sendiri sama ada apa yang disebut adalah membina atau pun akan memburukkan lagi keadaan. Saya harap agar pihak Kerajaan Selangor dapat mengubah pemikiran untuk dengan izin kita menjadi *part of the solution*. Saya berdiri di sini sebagai seorang Kristian dan bersoliteriti dengan sahabat-sahabat muslim saya untuk mengecamkan sepenuhnya (dewan menepuk meja) tindakan *teorist* di Christchurch. Tiada satupun agama yang membenarkan tindakan keganasan atas mereka yang tidak bersalah. Kejadian tersebut adalah bertentangan dengan semua ajaran agama. Subang Jaya akan berdoa untuk mangsa-mangsa, ahli keluarga mereka dan penduduk Christchurch agar tabah menghadapi cabaran dan supaya masyarakatnya dapat boleh kembali.

Subang Jaya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Selangor kerana adalah antara 3 buah negeri yang berjaya mencapai prestasi 100%. Pihak Berkuasa Tempatan yang dapat 5 bintang. Walau bagaimanapun, kita tidak boleh membenarkan pencapaian menjadikan kita masuk balik dalam zon selesa. Pada sebaliknya PBT-PBT perlu memikirkan cara untuk menambah baik sistem yang sedia ada. Subang Jaya ingin sampaikan di sini permintaan penduduk supaya PBT-PBT mengalihkan sistem yang sedia ada yang masih berdasarkan reaktif kepada suatu sistem yang lebih proaktif. Contohnya di negeri Singapura dan Amerika Syarikat di mana pemantauan PBT atas kerja semua aspek adalah sangat ketat. Terdapatnya sistem dalam negara-negara tersebut yang sering menjalankan audit kebersihan, infrastruktur dan pemantauan atas aktiviti-aktiviti haram. Ini bermaksud tindakan akan diambil sebelum aduan sampah sempat disampaikan di tahap PBT. Dalam perkara ini saya amat bersetuju dengan pendirian Tuanku yang meminta PBT mengawasi dan mengambil tindakan yang tegas kepada pengusaha-pengusaha restoran dan kedai makan yang tidak menjaga kebersihan. Tindakan pemilik kedai makan yang membuang makanan ke dalam longkang dan tidak menutup tong sampah menjadi syurga kepada serangga, tikus dan burung gagak.

Subang Jaya berharap agar PBT dapat melaksanakan satu sistem dan jadual rondaan yang kerap untuk menguatkuaskan undang-undang atas mereka yang melakukan kesalahan-kesalahan tersebut. Dalam perkara ini, saya berharap Majlis Perbandaran Subang Jaya yang tidak lama lagi di naik taraf sebagai Majlis Bandar raya Subang Jaya dapat menyelesaikan tiga (3) perkara.

1. Isu *Smart Selangor Parking*. Ramai warga Selangor sama ada yang menduduki atau berkunjung ke Subang Jaya sering tertanya-tanya mengapa MPSJ belum melaksanakan *Smart Selangor Parking*. Saya di sini berharap agar rundingan dengan pembekal servis yang sedia ada iaitu Gordel Sdn. Bhd. dapat dipercepatkan supaya sistem tersebut dapat dilaksanakan di Subang Jaya.

19 MAC 2019 (SELASA)

2. Isu rumah atau bangunan terbengkalai yang tidak di selenggara. Seperti Majlis sedia maklum, bangunan-bangunan terbengkalai ini membawa dengannya banyak masalah sampingan. Contohnya pemberian serangga termasuk nyamuk, pertumbuhan semak samun dan lain-lain. Walaupun Majlis mempunyai sistem di mana satu notis akan dikeluarkan kepada pemilik rumah sebelum tindakan pembersihan diambil, tetapi pada pandangan saya, sistem ini memakan masa yang lama dan panjang dan menelan kos yang tinggi. Bagaimana dengan keadaan di mana pemilik tidak dapat dicari atau pemilik tersebut adalah seorang pesalah berulang. Jika sistem sedia ada tidak memadai, wajar kita lihat semula dasar yang sedia ada. Jangan menjadi kekangan undang-undang sebagai alasan. Undang-undang wajar berubah untuk memenuhi keperluan semasa. Ia adalah tanggungjawab kita sebagai pembuat dasar untuk meminda undang-undang jika perlu.
3. Berkenaan isu Air BNB. Kita sudah tiba di suatu masa di mana isu ini perlu dikawal selia. Terdapat keadaan di mana rumah yang disewa melalui Air BNB bukan disewa sebagai tempat kediaman semata-mata. Tetapi sebagai ruang acara atau (dengan izin) *event space* yang membawa masuk orang secara beramai-ramai. Ada kalanya program-program yang diadakan di rumah tersebut berlangsung sehingga larut malam. Adakah wajar tempat kediaman menampung aktiviti komersial seperti itu tanpa sebarang pengawalan. Subang Jaya berharap agar isu ini akan dapat perhatian yang sewajarnya.

Tuan Speaker, Subang Jaya juga bersetuju dengan titah Tuanku bahawa isu sampah sarap perlu dikawal dengan baik. Di sini Subang Jaya ingin menyeru supaya Majlis berani mendenda kontraktor-kontraktor yang tidak menjalankan tugas seperti di wajib. Dan bahawa pihak Kumpulan Darul Ehsan Berhad juga cukup berani untuk membatalkan kontrak bagi kontraktor-kontraktor yang berprestasi lemah. Pengutipan sampah adalah satu servis yang asas. Kontraktor tidak boleh memberi alasan contohnya seperti kapasiti tidak cukup, bahawa mereka hanya dibayar untuk 30 trip sebulan atau pun mempunyai pekerja yang tidak cukup. Isu-isu ini wajar dibincangkan dengan pihak KDEB dan KDEB juga perlu berusaha untuk mencari jalan penyelesaian.

Tuan Speaker, saya mengalau-alukan nasihat Tuanku yang menggalakkan kita memupuk kesedaran masyarakat terhadap kepentingan menjaga alam sekitar, kesan perubahan iklim serta pemanasan bumi. Di sini Subang Jaya ingin menyeru supaya pihak MPSJ mengawal pembangunan di Subang Jaya yang sudah tepu. Apa yang diperlukan di Subang Jaya adalah penambahan kawasan rekreasi di taman permainan.

Saya berikan satu contoh di mana ketiadaan kawasan rekreasi telah menyumbang ke suatu masalah sosial. Pada Mei 2018, satu minggu selepas pilihan raya. Beberapa orang budak-budak yang berumur antara 8 – 12 tahun sedang melepak di salah satu pangsapuri kos rendah sehingga larut malam. Mereka telah mengambil botol petrol daripada salah satu motosikal. Tuangkan kandungannya di kawasan lobi di mana terletaknya motosikal penduduk-penduduk dan telah membakarkan 100 motosikal pada

19 MAC 2019 (SELASA)

malam itu. Sebahagian blok pangsapuri kos rendah tersebut juga dibakar bersama. Ini mengakibatkan sambungan air dan sambungan elektrik juga terputus. Salah satu sebab gejala sosial berlaku adalah kerana tiadanya tempat-tempat untuk anak-anak luahkan tenaga dan untuk keluarga beriadah. Oleh itu, saya berharap amat supaya MPSJ akan melaksanakan satu dasar yang tegas untuk tidak membangunkan dan mempertahankan kawasan rekreasi.

Tuan Speaker, Subang Jaya ingin mengucapkan tahniah atas projek-projek infrastruktur yang dijalankan bawah Kerajaan Pakatan Harapan. Ini saya percaya adalah untuk menambah baik kualiti kehidupan warga Selangor. Dalam perkara ini, Subang Jaya berharap agar cara agihan peruntukan bagi penurapan jalan dapat dilihat semula. DUN Subang Jaya beza dari DUN-DUN lain. Subang Jaya tiada jalan kampung dan juga hanya mempunyai satu jalan bawah JKR. Oleh itu, satu-satunya sumber kewangan bagi penurapan jalan adalah di bawah peruntukan MARRIS yang buat masa ini tidak cukup untuk Subang Jaya di mana pembangunan-pembangunannya pesat dan jalannya banyak. Subang Jaya ingin mencadangkan supaya sistem peruntukan penurapan jalan dapat diubah supaya agihan mengikut *meter square* dan bukan mengikut kilometer bagi mengambil kira juga lebar jalan. Tambah juga, Subang Jaya berharap agar peruntukan akan diagihkan dengan cara yang lebih adil dan saksama mengikut jumlah *meter square* dalam satu kawasan tanpa membezakan mengikut agensi ataupun sama ada jalan tersebut adalah jalan kampung atau jalan bandar.

Subang Jaya juga mengalu-alukan peruntukan bantuan khas kepada anak-anak istimewa Selangor. Dengan ini, Subang Jaya ingin sekali lagi menyeru supaya isu kesihatan mental juga dapat tumpuan sewajarnya.

Subang Jaya pada 3 minggu yang lepas di panggil untuk berunding dalam satu operasi untuk menyelamatkan seorang yang ingin mengambil nyawa sendiri. Syukur kepada tuhan beliau dapat diselamatkan selepas empat jam berunding. Seminggu sebelum itu, Subang Jaya dipanggil oleh sebuah seorang ibu yang prihatin yang mendapati bahawa terdapat segelintir murid-murid yang sedang mencederakan diri sendiri. Walaupun cabarannya banyak, Subang Jaya sebenarnya bernasib baik kerana penduduknya mempunyai kesedaran tentang isu ini. Stigma kesihatan mental di Subang Jaya juga telah dikurangkan dan penduduknya sedar tentang kepentingan untuk memohon bantuan profesional jika menghadapi masalah kesihatan mental. Tetapi bagaimanakah keadaannya di kawasan-kawasan lain yang tidak mempunyai kesedaran seperti di Subang Jaya. Dengan ini, saya berharap Kerajaan Negeri dapat memberi maklum balas berkenaan perkembangan terkini untuk menangani isu kesihatan mental.

Tuan Speaker, itu sahaja perbahasan saya. Subang Jaya menyokong usul menyembah ucapan terima kasih serta menjunjung kasih ke atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Baik. Saya jemput Sijangkang.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Assalamualaikum warah matullahi wabarakatuh. Salah sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker kerana memberikan ruangan masa untuk saya turut membahas usul menjunjung kasih ucapan titah mulia Duli Yang Maha Mulia Tuanku dalam pembukaan sidang dewan pada kali ini. Alhamdulillah pertamanya saya nak mengambil kesempatan juga di sini untuk mengucapkan tahniah kepada Puan Timbalan Speaker yang dilantik, pada EXCO baru yang dilantik dan juga ahli Dewan Negeri Semenyih yang dilantik secara sah selepas mengangkat sumpah pada kali ini. Saya melihat titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor sangat bermakna dalam ucapan pada kali ini. Dan saya melihat bahawa ia juga menggambarkan kemampuan Kerajaan Negeri dan perlu diambil juga sebagai satu perkara yang harus dijadikan sebagai satu muhasabah dalam pentadbiran Kerajaan pada hari ini.

Pertamanya berkaitan dengan isu ekonomi yang mana saya mengambil kesempatan di sini juga untuk mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri yang mana projek perkilangan yang mana yang baru diluluskan bertambah daripada tahun 2017 dan tahun 2018 bertambah kepada 241 projek yang diluluskan dengan memperlihatkan pertambahan peningkatan peratusan. Saya melihat perkara yang berkaitan dengan isu ekonomi seperti mana juga Yang Berhormat - Yang Berhormat tadi membahaskan di sini adalah isu perkara yang juga sangat penting kerana ia menjana kepada pendapatan Negeri Selangor itu sendiri.

Cuma apa yang saya nak tekankan di sini berkaitan isu-isu ekonomi ini biarlah perancangan seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Hulu Klang tadi. Juga dasar-dasar yang dibuat oleh Kerajaan Negeri biarlah ia bertepatan dengan Mahkamah Syariah seperti mana yang dituntut dalam ucapan Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku semasa pembukaan perasmian sidang dewan undangan pada tahun 2015.

Saya melihat prinsip ekonomi harus dilihat dengan baik. Kalau saya rujukkan pada prinsip ekonomi yang pernah saya katakan dulu oleh Sheikh Dr. Yusuf Al-Qaradawi biarlah prinsip itu menekankan ekonomi rabbani atau pun ekonomi yang menekankan soal Ketuhanan, Ekonomi Berakhlaq, Ekonomi Insani dan Ekonomi seimbang. Dengan pertambahan kelulusan perkilangan bermakna industri-industri ini akan bertambah dan ia akan memberikan pulangan atau pun pendapatan kepada Kerajaan Negeri itu sendiri. Tetapi saya melihat ada beberapa perkara yang harus dilihat dan ditekankan oleh Kerajaan Negeri dan ianya harus dilihat dengan sebaik mungkin. Yang mana dalam kelulusan-kelulusan itu supaya dilihat apa juga jenis industri itu harus dilihat akhirnya industri ini tidak membebankan kepada rakyat. Industri ini tidak memberikan pencemaran kepada alam sekitar, kebaikan muka bumi ini. Dan ia memberikan manfaat kepada masyarakat atau pun penduduk atau pun warga kita sebagai tenaga kerja sama ada tenaga kerja biasa atau tenaga kerja yang bersifat profesional.

Saya nak mengambil beberapa isu yang mungkin sebagai contoh yang mungkin juga Kerajaan Negeri kena mengambil ini sebagai satu perkara yang harus dilihat dengan sebaik mungkin dan diberikan respons kepada dewan ini. Terutamanya kepada kilang-kilang yang akhirnya ia dilihat sebagai seolah-olah tidak mematuhi prosedur pembangunan pengilangan atau pun ia tidak akan menyebabkan pencemaran kepada

19 MAC 2019 (SELASA)

alam sekitar kita akhirnya. Sebagai contoh, di kawasan saya. Yang ini saya minta kalau dapat Kerajaan Negeri memberikan respons dalam penggulungan nanti. Baru-baru ini kita didedahkan oleh isu yang berkaitan dengan industri atau pun kilang yang melakukan industri bateri iaitu Kilang Eco power Sdn. Bhd. yang berada di lot 13338 dan 2409, Jalan Sufi, kawasan perindustrian Jenjarom, Kuala Langat. Yang mana kilang ini mula dibina pada tahun 2011 kemudian beroperasi pada tahun 2014 terbakar pada tahun 2017 dan beroperasi semula pada tahun 2018. Yang mana saya kira pada peringkat awalnya juga mendapat bantahan daripada masyarakat tempatan. Dan pada hari ini, usaha atau pun inisiatif daripada masyarakat tempatan begitu juga usaha daripada Persatuan Alam Sekitar Daerah Kuala Langat yang cukup *concern* dengan alam sekitar ini dan mereka mendapati bahawa apabila dilakukan kajian mendapati kilang ini yang disyaki menjadi sumber kepada peningkatan acidity air di parit-parit atau pun longkang di kawasan sekitarnya. Yang mana Ph nya sehingga mencecah acidity 1.9 sejauh 3 kilometer daripada kilang ini. Apabila dijalankan ujian oleh pihak-pihak ini. Dan ini saya kira satu perkara yang tidak baik kerana betul kilang bukan untuk mendapatkan pendapatan kepada negeri tetapi apabila memberikan pencemaran kepada kawasan alam sekitar ia nya akan memberikan natijah yang tidak baik. Begitu juga daripada sudut kandungan plumbumnya. Saya dimaklumkan kandungan plumbumnya mencecah 4 hingga 6 kali ganda dan ini juga satu perkara yang tidak baik kerana kalau kita lihat dalam *schedule waste*, industri, bateri yang menyebabkan plumbum ini berada di tempat yang kedua teratas. Bermakna satu industri yang sangat berat.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Ya, minta penjelasan. Saya berdiri kerana saya juga sempat melawat ke kilang tersebut yang terletak sebenarnya di DUN Sijangkang sekarang, dahulunya di DUN Telok Datok yang sekarangnya sudah tidak ada lagi. Saya sempat semak berapa minit yang ada dan saya tertarik dengan hujah Yang Berhormat bahawa kilang itu sudah pun dan beroperasi sejak tahun 2011. Semalam saya ada bertanya kepada persatuan apakah latar belakang dan juga status tanah dan juga kelulusannya. Saya tidak mendapat sebarang jawapan pun dan saya amat tertarik apakah isu itu sekiranya mendapat bantahan adakah ia nya dibuat secara teratur ataupun tertib ataupun dicatatkan ada *black and white* nya. Kalau setakat ia siapa-siapa sahaja saya rasa ia tidak akan membantu kita kerana kilang itu terbakar, pernah terbakar sekali dan saya mengesyaki ada kecacatan dalam *structure* dia yang menyebabkan terdapat *leakage* yang itu saya rasa hanya pun boleh diatasi sekiranya semua latar belakang sejarah penubuhan kilang ini boleh dijelaskan. Tetapi malangnya saya tanya-tanya tak ada orang tahu. Saya bertanya kepada Yang Berhormat adakah Yang Berhormat mempunyai maklumat ataupun kertas-kertas mesyuarat yang ada pada Yang Berhormat selaku ADUN, Kerajaan pada masa itu juga selaku EXCO Kerajaan.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih Yang Berhormat Banting. Saya kira inilah minta supaya ada *respond* daripada kerajaan negeri kerana ialah saya tidak bercakap secara *detail* nya daripada segi sudut struktur kilang ini sendiri dengan saya kira rawatan air buangan yang tidak mengikuti prosedur kerana kilang ini dibina sehingga betul-betul di atas sempadan longkang ataupun di atas sempadan hujung lot ini, yang mana ada lubang lagi yang boleh bahan buangan

19 MAC 2019 (SELASA)

keluar. Walaupun mereka mengatakan telah dirawat yang saya lihat apabila berlaku hakisan konkrit sehingga tinggal batu-batu simennya pun dah tak ada. Saya kira ini sudah satu perkara yang agak keterlaluan dan apa yang saya lihat dia agak mengecewakan walaupun kilang ini pernah diberikan notis perintah larangan di bawah Seksyen 3(4)(a)(a) ini suatu masa dulu dan juga pernah di kompaun saya dapat maklumat kalau lahan sifatnya kilang ini sifat yang akan mengeluarkan sisa plumbum kalau tidak dapat dijaga dengan baik. Sudah tentulah industri termasuk dalam industri berat ya.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Satu soalan yang ringkas. Maksudnya Yang Berhormat, jawapan Yang Berhormat ialah Yang Berhormat tidak ada maklumat tentang kilang ini. Walaupun pada masa itu Yang Berhormat selaku DUN dan juga EXCO.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Setakat ini saya tidak ada maklumat.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Tiada lah. Ok. Terima kasih.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Cuma, seperti yang saya katakan tadi kilang ini termasuk dalam kategori industri berat dan saya dapat maklumat walaupun dia tidak secara yang boleh dikatakan secara sah ya kawasan industri ini sepatutnya berada di kawasan industri berat. Tetapi saya dimaklumkan seolah kawasan ini adalah kawasan industri ringan dan sederhana yang saya kira kalau ikutkan sekurang-kurangnya ada 50 meter *buffer zone* dan sebagainya, tetapi ia nya tidak berlaku dan saya harapkan mungkin ada *respond* daripada pihak kerajaan negeri, yang kedua adalah berkenaan kaitan dengan kilang. Best Attorney, Eternity Recycle Technology Sdn Bhd yang berada di PT 41097, PT 473, Mahkota Industry Park yang mana menjalankan industri kitar semula kertas yang mana pihak berkepentingannya adalah Lee and Man Paper Manufacturing Limited China yang juga beroperasi. Saya dimaklumkan beroperasi di Vietnam dan juga di Myanmar yang mana media sana yang ada mereka ini juga telah menyebabkan pencemaran kepada alam sekitar di sana dan skop kilang yang lebih kecil daripada ada di sini. Saya dimaklumkan di sini lebih kurang dalam 100 ekar lebih dan berdekatan dengan 2 buah sekolah. Satu Sekolah Agama dan Satu Sekolah Menengah Agama Tengku Ampuan Rahimah dan satu sekolah SRAI di situ dan kawasan perumahan dan saya kira ini harus dilihat industri sebesar ini membawa sisa-sisa kertas daripada luar untuk diproses ataupun di kitar semula. Bagaimana daripada sudut pencemaran yang mungkin akan berlaku. Disebabkan oleh angin, hujan panas kepada masyarakat tempatan. Ini yang saya katakan supaya isu-isu ini dengan kesungguhan kita untuk mendapatkan pendapatan, memberikan kelulusan kepada kilang-kilang yang baru, harus perkara ini dilihat supaya di akhirnya dia tidak memberikan keburukan kepada alam sekitar ataupun masyarakat di kawasan kita. Silakan.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW : Boleh. Terima kasih. Yang Berhormat Tuan Speaker apakah pandangan Yang Berhormat katakanlah ini katakan semua benda-benda yang diimport daripada negeri yang luar, negara luar itu bolehkah kita cadangkan kepada kerajaan pusat iaitu kalau sampah ini datang dari Amerika, mana-

mana port lah tak kisahlah kita hantar balik kepada port itu untuk sebagai satu cara yang kita tidak membenarkan sampah ini masuk ke negara ini. Kerana saya difahamkan kalau nak membuat *recycle* benda-benda ini sampah ini dia perlukan satu teknologi yang sangat mahal untuk kilang itu. Jadi selagi kilang-kilang di Malaysia termasuk di Banting, di kawasan Yang Berhormat, selagi mereka tidak rela, tidak bersedia untuk mengadakan *equipment* ataupun peralatan-peralatan yang mahal itu kita jangan benarkan sampah masuk ke negara ini. Apakah pandangan saudara.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Saya setuju dengan Yang Berhormat Sungai Pelek kerana kerajaan di Persekutuan supaya ada satu dasar yang cukup jelas tempoh hari apabila berlaku isu berkaitan dengan *recycle plastic*, beribu AP yang masuk ke negara kita. Bahkan kita katakan Selangor Negeri Maju ataupun Malaysia Ke arah Negeri yang maju, di China sudah tidak menerima lagi sampah pada tahun 2020 daripada luar negara. Kenapa Malaysia kita sebagai sebuah negeri yang maju, Selangor sebagai negeri maju kita masih lagi menerima seperti ini dan seolah-olah pada hari ini walaupun dikatakan AP sudah dihentikan tetapi masih ada lagi masuk sampah-sampah seperti ini. Ini perlu ketegasan yang saya kira akhirnya dalam pembangunan, rancangan pembangunan yang kita nak jana pendapatan itu tidak menjadikan masalah kepada masyarakat ataupun rakyat negara kita. Perkara yang kedua yang saya nak sentuh adalah berkaitan dengan tenaga kerja. Sama ada tenaga kerja biasa ataupun pakar. Telok Panglima Garang sebagai salah satu kawasan industri bebas pada satu ketika dulu dan pada hari ini keluasan kawasan zon industri itu menjadi lebih besar dan saya tidak menafikan bahawa pembangunan itu perlu. Tetapi bagaimana kita menangani pembangunan ini. Saya mengharapkan kerajaan negeri Selangor mempunyai satu hala tuju yang sangat tuntas. Bagaimana tenaga kerja yang kita ada di negeri Selangor ini perlu di strategikan. Bagaimana anak-anak kita yang lepasan daripada SPM ini yang kita nak juruskan kepada tenaga mahir ataupun tenaga-pekerja kita, ataupun tenaga kerja yang akan menduduki pada industri 4.0. Ini harus disusun bukan hanya sekadar memulangkan kepada ibu bapa kepada masyarakat tanpa kita melihat keperluan-keperluan yang perlu kita janakan di negeri sendiri. Kalau tidak apa yang berlaku pada hari ini, tenaga kerja kita yang mungkin bukan tenaga kerja tetapi tenaga buruh kita datang daripada Bangladesh, baru-baru ini saya ingat YDP Kuala Langat pergi melihat, melawat kepada rumah-rumah pekerja-pekerja Bangladesh yang disewa daripada orang-orang kampung. Betapa teruknya bukan sahaja sudut daripada keadaan rumah. Begitu juga dari sudut pembuangan sampah, dari sudut sosialnya saya tidak malu mengatakan baru-baru ini dalam minggu lepas projek tanaman fertigasi yang dimiliki oleh rakyat Malaysia, pekerjanya daripada Bangladesh apabila ada maklumat orang kampung datang bukan serbu tapi datang untuk mendapatkan kepastian ada berlaku proses dagangan manusia, dagangan seks di situ. Di kawasan kebun, di tengah-tengah kebun ada katil. Bertempiaran ditinggalkan kondom-kondom dan sebagainya ini yang berlaku. Adakah ini yang kita nak bentuk sebagai negeri maju di negeri Selangor. Jadi saya kira ini adalah satu perkara yang sangat besar. Selain daripada itu juga saya nak menyentuh saya kira dengan kerjasama yang baik kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri pada hari ini. Kita tidak mahu industri-industri, pelabur-pelabur daripada luar yang masuk di Selangor untuk mereka melabur tetapi prasarana daripada sudut keperluan industri itu sangat mengecewakan. Apatah lagi industri di kawasan-kawasan industri ini juga melibatkan

19 MAC 2019 (SELASA)

kawasan-kawasan penduduk. Saya nak katakan bahawa industri kawasan di kawasan Kebun Bharu, jalan itulah yang dilalui oleh kontena-kontena, kenderaan-kenderaan berat. Jalan-jalan itulah yang dilalui oleh kereta-kereta kampung basikal-basikal anak-anak kita yang pergi sekolah. Hari ini jalannya terlalu teruk. Saya ulangi, dalam perbelanjaan dulu saya sidang bajet pun saya sebutkan. Jalan yang sangat teruk terutamanya jalan utama Batu 9, Jalan Kebun menuju ke Gamuda. Saya kira kalaulah kita tidak berkemampuan pun untuk menurap semula secara keseluruhan, sekurang-kurangnya kalau jalan itu dua lorong, buatlah satu lorong itu yang basikal yang motor boleh lalu dalam keadaan yang selesa dan mengurangkan daripada sudut kemalangan dan sebagainya. Begitu juga saya nak sebutkan tahniah hari ini kerajaan persekutuan dan negeri. Manakala kerajaan persekutuan juga memberikan sumbangansumbangan untuk pembangunan negeri Selangor. Isu yang saya nak ulangkan juga adalah berkaitan dengan jejambat ataupun *flyover* di Bulatan Bandar Saujana Putra. Tempoh hari saya kira saya mendapat jawapan semasa penggulungan daripada EXCO yang saya lihat, jawapan yang diserahkan kepada saya secara bertulis daripada soalan mulut itu berbeza daripada jawapan yang diberikan semasa penggulungan dan pada hari ini pun saya ingat dalam penyata jawatankuasa pilihan mengenai agensi badan berkanun dan anak syarikat kerajaan JP-ABAS pun ada saranan-saranan tetapi saya kira rakyat yang melalui jalan SKVE terutamanya Bulatan Saujana Putra sudah tidak boleh bertahan lagi. Bukan sahaja kesesakan, kemalangan dan saya kira perlu ada tindakan-tindakan bukan sahaja dalam bentuk jangka masa pendek, jangka masa sederhana dan saya kira pembangunan untuk jejambat ataupun *flyover* ini sangat penting. Kalau saranannya untuk menyerahkan kepada PNSB ataupun anak syarikat yang sepautnya membangunkan walaupun ada aku janjinya saya sangat khuatir kalau melihat kepada surat jawapan dalam penyata JP-ABAS itu sendiri bagaimana jawapan daripada PNSB perkara 3, walau bagaimanapun, pihak Seribu Baiduri Sdn Bhd (LBS Bina Group Berhad) selaku pemaju yang telah memberikan jaminan *Letter Of Undertaking* untuk membina dan mematuhi segala syarat yang ditetapkan oleh ELITE dan Lembaga Lebuh raya Malaysia (LLM) telah memohon tempoh sehingga akhir Januari 2019 untuk mendapatkan maklum balas daripada Y.A.B. Dato' Menteri Besar sebelum sebarang keputusan akan dibuat. Ini akan menyebabkan kelewatan demi kelewatan mungkin dengan hubungan yang baik kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri ada satu cara yang boleh sama ada mungkin dibangunkan dulu oleh kerajaan negeri dan kemudian pihak yang bertanggungjawab membuat bayaran secara ansuran dan sebagainya. Tetapi masalah lalu lintas, kesesakan ini dapat kita suraikan. Jadi Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya juga ingin menyentuh berkaitan dengan soal alam sekitar yang ditekankan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Saya kira isu sampah *recycle* di Kuala Langat masih lagi bukan satu perkara yang telah dapat diselesaikan dengan baik. Baru-baru ini laporan Februari, ada 33 kilang haram yang dilaporkan masih menjalankan yang telah ditamatkan, bermakna ada lagi kilang haram yang menjalankan operasi ini dan saya cukup khuatir kalau dulu sampah yang tidak bernilai ini seolah-olah ada bidaan ataupun boleh dilelong yang saya kira tidak ada nilai, tak ada siapa pun akan ambil dan akhirnya terbukti tak ada sesiapa pun yang ambil dan hari ini ada *trans location* ataupun dikeluarkan daripada kawasan ini dan saya dimaklumkan di bawa ke Ipoh. Saya dimaklumkan dibawa ke Pasir Gudang Johor dan saya dimaklumkan baru-baru ini kalau tak silap saya 2 hari lepas ataupun 3 hari lepas

19 MAC 2019 (SELASA)

bahawa ada kedapatan sampah daripada sisa sampah plastik Kuala Langat ditemui di daerah Hulu Langat. Jadi kalau kita katakan sampah tu dah selesai di daerah Kuala Langat kita bukan mahu isu pencemaran alam sekitar ini berlaku di kawasan kita, di negeri kita di Selangor, kita tidak mahu berlaku di Malaysia. WHO melaporkan katakan dulu 3 Mei 2018 rakyat di bumi ini 9 daripada 10 menghidu udara yang tercemar di atas bumi ini. Jadi saya kira saya tidak tahu tempat, kilang yang haram yang dijadikan tempat industri *recycle* ini tempoh hari terbakar, saya tak tahu sama ada dibakar ataupun apa pun sifatnya tetapi ini saya ingat harus diambil sebagai satu pengiktibaran kepada kita dan saya rasa mungkin EXCO boleh memberikan maklumat-maklumat kepada kita apakah sebenarnya yang berlaku dengan sampah plastik *recycle* ini. Saya sangat tertarik apabila Menteri datang dan akhirnya lebih daripada 100 kilang ditutup termasuklah kilang-kilang haram tetapi takkan sampai Menteri datang baru kita nak tutup, sudah tentu kalau kilang haram PBT boleh melakukan sesuatu tindakan, kalau nak harapkan Menteri setiap kali, Menteri kena pusing satu Malaysia nak tutup kilang, saya ingat itu bukan kerja Menteri lah. Jadi saya harapkan ini langkah-langkah yang harus diambil.

Selain daripada itu saya juga ingin menyentuh sedikit perkara berkaitan dengan pembuangan sampah secara haram ni, sampah domestik, sampah pukal di kawasan saya terutamanya saya lihat kalau sampah-sampah kampung yang Kerajaan Negeri keluarkan kewangan menguruskan hari ni dulunya menjadi isu apabila longgokan sampah yang begitu banyak tidak dikendalikan dengan baik, ditukar tempat lain, sama juga berlaku akhirnya tempat lama yang orang tidak buang sampah disitu juga kerana sifat orang meletakkan kebuk sampah di tepi jalan. Orang bawak sampah naik motor dia campak, naik kereta dia campak tapi apakah itu yang kita mahu. Sebab itu saya melihat Kerajaan Negeri sudah ada satu solusi yang baik. Sebagai contoh mungkin mencari satu tempat transit yang boleh letak tempat pembuangan sampah. Buang sampah bukan daripada motor, bukan daripada kereta tapi turun ke tempat itu untuk buang sampah. Selain daripada mendisiplinkan kalau tidak seolah-olah kita mengajar rakyat untuk buang sampah dari motor ataupun buang sampah dari kereta. Saya tengok di kawasan saya perkara ini tidak memberikan satu kebaikan kerana sudah tentu Kerajaan Negeri mengeluarkan belanja menguruskan sampah yang telah disediakan kebuknya, mengeluarkan belanja yang hasil daripada berterusan. Baru-baru ini saya melihat di jalan utama Sijangkang ada pembuangan sampah sisa konkrit yang begitu banyak saya kira bertan-tan yang ini begitu juga dengan sampah *shred* plastik, ada juga yang dibuang, ada juga kesan-kesan terbakar. Jadi bermakna mentaliti kepada rakyat tidak sampai. Apa yang kita sarankan sebagai sebuah negeri maju ia tidak sampai.

Ahli-ahli Dewan Negeri yang saya hormati sekalian, saya ingat antara isu yang disebutkan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku juga berkaitan dengan yang saya kira ini menjadi *concern* juga penggunaan air rakyat di Negeri Selangor yang dibandingkan dengan negeri-negeri lain yang cukup besar. Sudah tentu Kerajaan Negeri perlu merangka satu kempen yang mana memberikan kesedaran kepada rakyat supaya *continuity* air kita akan berlaku dengan secara baik penggunaannya tanpa pembaziran

19 MAC 2019 (SELASA)

yang saya kira ini adalah mesej yang sangat besar yang diucapkan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku.

Berkaitan dengan Sekolah Tahfiz terima kasih kepada jabatan-jabatan yang mengeluarkan garis panduan untuk pendaftaran sekolah-sekolah tahfiz dimaklumkan 15 ribu pelajar kita berada di sekolah tahfiz swasta 263 telah berdaftar tetapi ada lagi anak-anak kita yang belajar di sekolah-sekolah yang tidak didaftarkan dan tidak mempunyai silibus yang baik, saya kita Kerajaan Negeri kena mengambil ini sebagai salah satu tanggungjawabnya. Alhamdulillah kita ada 5 Maahad Intergrasi Tahfiz Sains Selangor. Ini untuk pelajar-pelajar yang terpilih. Sifatnya ada ibu bapa yang juga walaupun anaknya tidak baik mohon menghantar ke sekolah tahfiz, sudah tentu Kerajaan Negeri harus melihat bagaimana mungkin sekolah-sekolah tahfiz yang bersifat ada vokasional dibangunkan oleh Kerajaan Negeri akhirnya menempatkan anak-anak kita yang memerlukan pendidikan seperti ini dan kita tidak mengabaikan ataupun kita tidak melepaskan anak-anak kita yang mungkin di sekolah-sekolah yang tidak didaftarkan tetapi mendapat pendidikan di sekolah-sekolah seperti ini. Saya juga ingin menyentuh berkaitan...

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat, cuba pendekkan masa ya, lampu merah.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Akhir sekali berkaitan dengan Orang Kurang Upaya yang juga menjadi *concern* Duli Yang Maha Mulia Tuanku saya mengharapkan kita mempunyai universiti di bawah Kerajaan Negeri Selangor, UNISEL dan KUIS dan saya dapat semasa saya menjadi Pengurus kepada kebajikan, Jabatan Kebajikan KUIS kita dapat ada beberapa pelajar-pelajar yang OKU. Saya harapkan Negeri Selangor kita jadikan juga universiti-universiti sebagai universiti OKU *Gurantee* kerana ia juga, mereka juga memerlukan kemudahan-kemudahan untuk mereka belajar dan saya rasakan ia dapat sokongan sebaik mungkin. Saya ingat sekadar itu la terima kasih, walaupun ada beberapa perkara lain, saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Speaker yang memberi ruang ini dan dengan ini saya menyokong Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku dalam Sidang Pembukaan yang lalu.

TUAN SPEAKER : Bandar Utama.

Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN : Terima kasih dengan izin Tuan Speaker, Assalamualaikum dan Selamat Sejahtera. Pertama sekali saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Sementa kerana dilantik sebagai Timbalan Speaker. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Speaker kerana memberikan peluang kepada Bandar Utama untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Dengan rendah diri saya menyambut Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan Selangor semasa Istiadat Pembukaan Persidangan Penggal Kedua Dewan Negeri Selangor pada 18 Mac 2019 berkenaan dengan kerjasama di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Saya begitu teruja apabila titah baginda memaklumkan begitu banyak bantuan dan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan iaitu sebanyak RM2.6 bilion untuk melaksanakan 39 projek baru dan 274 projek sambungan dalam *Rolling Plan* 4 tahun 2019. Saya dapat melihat keprihatinan

19 MAC 2019 (SELASA)

Kerajaan Persekutuan terhadap Negeri Selangor dan saya yakin akan terselesainya banyak isu-isu rakyat kalau kita dapat menyempurnakan lagi sistem ataupun modul komunikasi yang lebih besar saiz dan efektif di antara Kerajaan Persekutuan dan juga Kerajaan Negeri. Komunikasi besar yang saya maksudkan adalah tanggungjawab negeri bagi mengenal pasti projek-projek yang berpriority tinggi untuk dibincangkan terlebih dahulu dengan Kerajaan Persekutuan supaya fokus dapat diletakkan pada topik yang paling utama dan komunikasi yang efektif pula bermaksud komunikasi yang lebih kerap dan terbuka supaya lebih banyak ruang perbincangan akan terlahir dan saya tahu mungkin komunikasi ini telah dilakukan oleh EXCO-EXCO kita tapi pada pandangan saya mungkin kita boleh masukkan pandangan daripada semua pihak yang berkepentingan seperti ADUN, wakil Kerajaan Tempatan dan sebagainya supaya kita dapat mendengari dan mempertimbangkan sesuatu perkara secara keseluruhannya.

Saya ingin memberikan satu contoh iaitu projek menaiktarafkan sistem pengangkutan awam di Negeri Selangor. Saya percaya semua orang bersetuju sekiranya saya mengatakan sistem pengangkutan awam yang efektif semestinya memainkan peranannya sangat penting dalam membangunkan ekonomi negeri mahupun negara. Saya kira seandainya sesuatu tempat mempunyai sistem pengangkutan awam yang sihat dan mampan semestinya lebih senang menarik perhatian pelabur untuk datang ke sini. Oleh itu sekiranya Kerajaan Negeri komited dalam mengurangkan masalah dan beban kesesakan lalu lintas maka jawapannya soalan itu hanya satu iaitu dengan membangunkan sistem pengangkutan yang cemerlang. Dan untuk ini semestinya kita memerlukan sokongan daripada Kerajaan Persekutuan. Kita perlukan perbincangan bersepada khas dalam melakar pelan-pelan penambahbaikan sistem trafik dan pengangkutan awam di Selangor supaya pelan-pelan ini sejajar dengan pelan penambahbaikan sistem trafik dan pengangkutan awam dari Kementerian Pengangkutan Malaysia. Dan saya juga berasa Kerajaan Negeri turut dapat menyumbang apabila kami semestinya boleh memberikan data ataupun informasi yang lebih tepat kerana kami sebagai Kerajaan Negeri lebih mendekati penduduk tempatan. Dengan jalinan kerjasama ini...

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW : Hello.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat Sungai Pelek.

Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN : Ya.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW : Terima kasih Tuan Speaker. Apakah pandangan Yang Berhormat kalau lah sistem pengangkutan awam di Malaysia termasuk Selangor bertambah baik dan kita tidak perlu projek kereta nasional yang ketiga kerana kita sudah ada nasional *car nombor 1* iaitu Proton dan juga Produa. Jadi kalau pengangkutan awam sudah baik kita tak perlu *flying car* ataupun nasional *third car*. Apa pandangan Bandar Utama?

Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN : Terima kasih Sungai Pelek kerana memberikan soalan yang sebegini. Pada saya, saya rasa tidak kira di Malaysia ataupun

19 MAC 2019 (SELASA)

di negara-negara lain, yang penting masih merupakan sistem pengangkutan awam yang baik kerana tidak kira di mana pun terutamanya di negara-negara yang mempunyai populasi yang sangat tinggi seperti contoh Jepun, kita dapat melihat mereka dapat memberikan sistem pengangkutan yang begitu baik tanpa menggunakan kenderaan dan sebaginya. Walaupun begitu saya rasa di Malaysia ini pandangan saya terbuka kerana di Malaysia kita masih tidak mempunyai sistem pengangkutan awam yang saya rasa sempurna di pandangan mata saya. Boleh saya sambung? Ok?

TUAN SPEAKER : Silakan, Sungai Pelek puas hati ya? Sungai Pelek, soalan sangat pelik, jadi dia jawab pun agak susah Yang Berhormat.

Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN : Saya nak cakap pelik juga sebenarnya tapi saya memang ingin fokus kepada sistem pengangkutan awam. Saya rasa Kerajaan Negeri sebenarnya perlu sokongan daripada Kerajaan Persekutuan untuk segala pelan-pelan ini kerana selain daripada berbincang tentang pelan-pelan ini kita juga perlukan sokongan dana daripada Kerajaan Persekutuan supaya pelan-pelan penambahbaikan sistem trafik dan pengangkutan dalam negeri dapat direalisasikan. Amat rugi apabila segala pelan telah dikaji dan dibincangkan tetapi tidak terlaksana kerana kekurangan peruntukan. Sebentar tadi EXCO ada menjawab soalan saya terdapat pelan induk pengangkutan MBPJ yang telah siap dirangka namun saya rasa sehingga kini pelaksanaan terhadap pelan itu tidak lebih daripada 50% dan setentunya itu bukan salah EXCO kita mungkin memang tidak mempunyai peruntukan sebegini. Oleh itu memang kita mengharap dapat menjalinkan hubungan kerjasama yang erat dengan Kerajaan Persekutuan. Di bawah DUN Bandar Utama pula sekiranya diambil contoh sejak tahun 2014. Satu kajian oleh JPS Malaysia terhadap Projek Rancangan Tebatan Banjir Sungai Kayu Ara telah dijalankan bagi menyelesaikan isu banjir di Sungai Kayu Ara. Namun sehingga kini projek itu masih tidak dapat dijalankan oleh JPS Selangor kerana kekangan peruntukan dan masih menunggu bantuan JPS Malaysia. Bayangkan kajian telah dijalankan masalah telah dikenal pasti, namun peruntukan tidak dapat disediakan akhirnya isu-isu masalah banjir ini terus menghantui penduduk-penduduk di sekeliling Sungai Kayu Ara dan kajian tambahan perlu dijalankan kerana kajian sebelum ini ketinggalan zaman. Oleh yang demikian saya sangat menyokong supaya kita menjalinkan hubungan yang lebih akrab dan pada pandangan saya juga perlu juga hubungan yang lebih berkesan dengan Kerajaan Persekutuan supaya kita dapat menjamin kesejahteraan rakyat dan kemakmuran bersama.

Tuan Speaker, kebelakangan ini saya telah menghadiri mesyuarat bersepadu yang diketuai oleh MBPJ dan dihadiri oleh SPAN, JAS, Jabatan Alam Sekitar, JPJ dan agensi lain-lain bagi menyelesaikan isu letak dan penggunaan trak kumbahan haram di SS4C bawah DUN Bandar Utama. Trak kumbahan haram ini telah diletakkan di kawasan perumahan malah juga telah meninggalkan bahan-bahan buangan yang mencemarkan kawasan persekitaran di kawasan perumahan tersebut. Saya ingin mengambil peluang mengucapkan terima kasih kepada agensi-agensi kerajaan kita yang hadir kerana mereka bersungguh-sungguh mahu membantu dalam menyelesaikan isu dan masalah di kawasan saya. Malangnya walaupun isu itu sudah bertahun berlarutan bertahun-tahun namun tidak dapat diselesaikan sehingga kini.

Sudah tentu agak sukar dan kesuntukan masa bagi saya untuk menerangkan inti pati keseluruhan perbincangan dalam mesyuarat berkenaan di dalam Dewan ini. Namun secara konklusifnya isu ini tidak terselesai kerana terdapat ketidaksempurnaan dalam undang-undang kita di mana tiada satu agensi kerajaan pun dalam mesyuarat tersebut mempunyai kuasa undang-undang yang berkesan bagi menghukum pesalah itu. Jadi saya rasa mungkin perkara ini perlu diteliti kerana pada saya selepas pertukaran kerajaan baru maka inilah peluang terbaik bagi kami untuk menjalinkan hubungan kerjasama yang lebih efektif dengan kerajaan persekutuan bagi memperkuatkannya lagi sistem perundangan yang sedia ada di Malaysia. Saya amat berharap penambahbaikan dan pengukuhan sistem perundangan kita akan menjadi salah satu objektif utama yang diperjuangkan oleh kerajaan negeri Selangor dan EXCO-EXCO kita pada penggal ini bagi menjamin kebijakan yang lebih baik untuk rakyat di negeri Selangor. Sekiranya kita ingin mencari satu hala tuju pada saya tiada apa yang lebih penting daripada memperuntukkan undang-undang yang lebih baik bagi melindungi rakyat negeri Selangor. Tuan Speaker saya turut berduakacita apabila Baginda Sultan Selangor memaklumkan bahawa empat ataupun lima sungai di negeri Selangor telah dicemari dengan bahan-bahan buangan toksik dari sisa pepejal dan sisa toksik. Semestinya pesalah-pesalah ini wajib mendapat hukuman yang setimpal dengan kesalahan yang mereka dilakukan dan saya amat lega apabila kerajaan negeri Selangor memandang serius terhadap isu ini dan penguatkuasaan yang keras telah diarahkan bagi menjalankan bagi menyelesaikan isu ini. Isu ini juga telah membangkitkan perasaan saya untuk menyentuh satu lagi perkara penting pada pandangan saya dan saya yakin ada di kalangan Ahli Dewan yang bersepakat dengan saya. Saya yakin di bawah negeri Selangor kita mempunyai ramai penjawat awam yang ingin membantu kami dalam menjayakan negeri Selangor dan menyelesaikan isu-isu tempatan mahupun negeri. Namun kita perlu memikirkan cara untuk mengukuhkan pelaksanaan penguatkuasaan di bawah kerajaan tempatan dan kerajaan negeri supaya ianya akan menjadi lebih berkesan dan efisien. Kita dapat melihat ada kadangkalanya isu aduan yang sedia ada tidak dapat diselesaikan tanpa sistem penguatkuasaan yang kukuh. Saya ingin memberikan satu contoh, seperti aduan yang selalu diterima oleh Bandar Utama apabila penduduk membuat aduan terdapat kenderaan-kenderaan milik orang luar diletakkan di kawasan perumahan. Pihak penguatkuasa boleh datang untuk melakukan tindakan sekali, dua kali tetapi mungkin tidak dapat menjalankan tindakan yang kerap kerana mereka tidak mempunyai tenaga kerja yang mencukupi. Akhirnya fokus terhadap kesalahan peletakan kereta secara haram itu hanya mampu ditumpukan kepada kawasan komersial dan bukan kawasan perumahan. Jadi pada pandangan saya, isu ini seharusnya dipandang berat kerana tanpa penguatkuasaan yang efisien akan wujud lebih banyak pelaku kesalahan kerana mereka merasakan kemungkinan untuk mereka menghadapi atau menerima penalti dan hukuman adalah amat rendah. Oleh itu saya rasa kita perlu ikhtiarkan cara bagi mengatasi cabaran ini. Saya berpendapat sekiranya sukar untuk kita meningkatkan tenaga kerja kerajaan dan saya pun tidak galakkan. Saya rasa sekurang-kurangnya kita boleh mempertimbangkan hukuman yang lebih tegas untuk sesetengah isu yang kerap berlaku di bawah negeri Selangor. Sebagai contoh isu pembuangan sampah secara haram, penggantungan bena iklan yang haram dan sebagainya. Saya rasa kita juga boleh mengkaji dan berbincang sekiranya terdapat

19 MAC 2019 (SELASA)

ruang bagi meneroka konsep-konsep baru dalam pelaksanaan undang-undang kita. Sebagai contoh mempertimbangkan perlaksanaan perkhidmatan komuniti sebagai penalti yang kerap dikenali sebagai hukuman perkhidmatan komuniti ataupun dengan izin komuniti *centre* di mana pesalah yang melakukan kesalahan kecil seperti membuang sampah di merata tempat akan diperintahkan oleh pihak kerajaan bagi membersihkan sesuatu kawasan sebagai perkhidmatan komuniti atas kesalahan membuang sampah secara haram. Kita dapat melihat banyak negara maju seperti Australia, UK dan US telah melaksanakan penalti seperti itu dan menurut laporan cara-cara seperti ini amat efektif dalam memastikan pesalah untuk tidak mengulangi kesalahan mereka buat kali kedua. Kerana cara ini sebenarnya lebih efektif berbanding dengan membayar denda ataupun kompaun. Tentu ini hanyalah contoh cadangan, sudah tentunya kita memerlukan kajian yang lebih teliti bagi perkara ini. Namun saya berharap kerajaan negeri dapat memandang serius dalam memperhitungkan cara-cara lain bagi memastikan pelaksanaan penguatkuasaan dapat dijalankan dengan lebih lancar. Akhir sekali Tuan Speaker benarkan saya untuk memuji Menteri Besar kita dan kerajaan negeri Selangor dengan seikhlas hati saya. Jarang saya nak puji tapi saya memang teringin sangat nak puji. Kerana memperuntukkan dana sebanyak 3juta untuk program-program introversi awal bagi kanak-kanak istimewa dan peruntukan 500ribu sebagai dana bantuan khas kepada anak-anak istimewa Selangor. Saya dapat melihat ini merupakan langkah awal bagi kerajaan Selangor untuk menjaga hak OKU di bawah negeri Selangor. Saya percaya dengan implementasi yang positif ini kita wajar untuk menjadikannya sebagai contoh kepada negara-negara jiran kita yang lain. Seperti yang diketahui di bawah kerajaan negeri Selangor kita mempunyai 80 ribu rakyat yang didaftarkan sebagai orang kurang upaya dan ini bukan satu angka yang kecil. Malah mungkin masih ramai yang tidak berdaftar di luar sana oleh sebab-sebab yang tertentu. Sekian lama hak OKU sentiasa diabaikan kerana mereka dianggap tidak relevan. Sering kali OKU diketepikan dan dilupakan kerana jumlah peratusan yang kecil di pandangan mata statistik. Suara mereka seolah-olah terlalu kecil untuk didengari. Namun kerajaan negeri Selangor sekali lagi membuktikan bahawa kita memandang berat tentang kebijakan semua rakyat dari pelbagai sudut dan bersifat *inclusive* iaitu kita menolong tidak kira golongan majoriti ataupun minoriti dan kita tetap prihatin kerana moto kita adalah untuk menjadi kerajaan yang prihatin. Kita tidak menggelar diri kita bos, kita mahu rakyat menjadi bos. Oleh itu saya berharap usaha seperti ini dapat diteruskan dengan usaha memartabatkan undang-undang yang melindungi golongan OKU. Sehingga kini banyak tempat awam seperti kedai, restoran ataupun kafe yang tidak menyediakan kemudahan OKU kerana tiada tindakan penguatkuasaan terhadap undang-undang yang melindungi OKU. Sebagai contoh, di sini seorang pekedai boleh mengambil keputusan untuk mengikut piawaian reka bentuk sejagat ataupun universal *design* ataupun mereka boleh memilih untuk tidak mengikutnya. Sekiranya tidak, tiada hukuman ataupun penalti yang berkesan akan dikenakan kepada mereka. Akhir sekali sudah tentunya mereka akan memilih untuk tidak mengikuti piawaian tersebut kerana mereka dapat menjimatkan duit. Justeru, saya berharap dan menggalakkan agar isu ini diteliti oleh pihak kerajaan negeri kita yang sentiasa prihatin terhadap rakyatnya. Sekali lagi saya ingin mengucapkan syabas kepada kerajaan negeri Selangor semoga kita sentiasa prihatin terhadap isu OKU yang berlaku di negeri Selangor dan terus dijadikan sebagai sumber inspirasi dan ilham buat

19 MAC 2019 (SELASA)

negeri-negeri yang lain. Jadi setakat inilah perbahasan saya pada hari ini sekian terima kasih kepada Tuan Speaker. Saya menjunjung kasih titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku.

TUAN SPEAKER : Pelabuhan Klang.

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI : Tuan Speaker. Assalamualaikum w.b.t. dan salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Yang pertama sekali saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Tuan Speaker kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan ke atas usul menunjung kasih menyokong titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor sempena Istiadat Pembukaan Persidangan Penggal Kedua Dewan Negeri Selangor Yang Keempat Belas pada 18 Mac 2019 semalam. Pelabuhan Kelang ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Selangor dan juga barisan Yang Berhormat EXCO kerajaan negeri terutama sekali EXCO Bandar Baru Klang sebagai EXCO yang menjaga pelaburan kerana berjaya menjadikan negeri Selangor sebagai pilihan pelabur-pelabur domestik dan luar negara bagi menjalankan perniagaan mereka. Nilai pelaburan yang semakin bertambah menyaksikan peningkatan sebanyak 238% berbanding pada tahun 2018 berbanding pada tahun 2017. Selain daripada itu peningkatan yang memberangsangkan terhadap pelaburan langsung asing dengan izin *foreign direct investment* menunjukkan peningkatan sebanyak 400.7% berbanding pada tahun sebelumnya. Syabas dan tahniah sekali lagi saya ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Selangor dan juga kerajaan negeri Selangor. Yang kedua, Pelabuhan Kelang juga ingin mengucapkan berbanyak terima kasih Kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ekonomi di atas usaha beliau dalam meluluskan untuk meneruskan 14 projek pembangunan yang tertangguh sebelum ini dengan kos keseluruhan bernilai RM167juta dan semestinya kita sebagai rakyat negeri Selangor bersyukur dan akan terus menyokong usaha murni kerjasama yang erat di antara kerajaan negeri Selangor dan juga kerajaan persekutuan. Diharap selepas ini akan ada lebih banyak lagi projek-projek pembangunan dan juga dana tambahan yang akan diberikan kepada rakyat negeri Selangor oleh kerajaan persekutuan dan kalau boleh banyakkan pelaburan di dalam kawasan DUN Pelabuhan Klang dan Meru. Ok. Jadi, Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian di dalam dua sidang sebelum ini saya telah membangkitkan saya melihat perkembangan ekonomi negeri Selangor ini begitu pesat membangun sudah tentu ada banyak kilang-kilang industri yang akan dibangunkan dan saya lihat kebanyakannya tertumpu di dalam kawasan Pelabuhan Kelang kerana kita berdekatan dengan *West Port* dan juga *North Port*. Dua sidang yang lepas saya membangkitkan tentang isu infrastruktur di kawasan Pelabuhan Kelang DUN Pelabuhan Kelang kita ada infrastruktur kerajaan persekutuan iaitu Lebuhraya Pulau Indah. Saya tidak mahu menyentuh apa yang saya telah bangkitkan di dalam sidang Dewan yang lepas tapi saya nak memaklumkan di dalam Dewan yang mulia pada hari ini berdasarkan maklumat yang saya terima sebab saya inginkan isu Lebuhraya Pulau Indah ini walaupun ianya di bawah kerajaan persekutuan perlulah diselesaikan dengan segera. Dan saya mendapat maklumat dan telah diberikan taklimat oleh Pihak Lembaga Pelabuhan Klang yang bertanggungjawab terhadap pengurusan Pelabuhan Kelang ini menunjukkan bahawa trafik fokus di mana

19 MAC 2019 (SELASA)

Lebuh Raya Pulau Indah ini pada mulanya ia dibina pada tahun 1996 lebuh raya sepanjang 10 kilometer ini hanya boleh menampung kapasiti kenderaan satu hari sebanyak 20,000 unit kenderaan sahaja. Dan sehingga hari ini jalan raya ataupun Lebuh Raya Pulau Indah ini masih lagi kekal sedemikian rupa. Dan berdasarkan kajian yang dibuat pada tahun 2013, menunjukkan bahawa sekarang ini Lebuh Raya Pulau Indah pada tahun 2013 menunjukkan bahawa Lebuh Raya Pulau Indah secara purata setiap hari jumlah kenderaan ataupun aliran trafik yang menggunakan lebuh raya ini adalah sebanyak 57,798. Dan berdasarkan daripada tahun 1996 kenaikan sebanyak 4% hampir setiap tiga tahun menunjukkan pada tahun ini 2018 peningkatan sebanyak 62,422 kenderaan sehari yang menggunakan Lebuh Raya Pulau Indah ini. Dan saya juga bersetuju dengan Banting tadi yang membangkitkan tentang masalah lebuh raya ini yang gelap gelita pada waktu malam disebabkan lampu-lampu jalan ini tidak menyala begitulah masalah yang dihadapi di Lebuh Raya Pulau Indah ini. Kesan daripada peningkatan yang mendadak kenderaan yang menggunakan Lebuh Raya Pulau Indah ini kesan daripada kesan daripada lampu awam yang tidak berfungsi pada waktu malam menyebabkan banyak kemalangan-kemalangan yang berlaku sehingga menyebabkan kehilangan nyawa. Dan hari ini saya bawa gambar-gambar, siri-siri kemalangan yang berlaku hampir setiap hari dalam kawasan Pelabuhan Klang dan saya nak serahkan gambar-gambar ini selepas ini

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat Pelabuhan Klang, gambar-gambar ini, gambar-gambar betul ya.

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI : Gambar-gambar betul

TUAN SPEAKER : Jangan bawa gambar-gambar yang palsu

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI : Saya tak bawa gambar-gambar palsu. Tidak.

TUAN SPEAKER : Duli Yang Maha Mulia Tuanku tidak benarkan.

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI : Gambar-gambar ini memang adalah yang berlaku di Pulau Indah dan ianya sangat merbahayakan kerana hampir setiap hari berlaku kemalangan di lebuh raya ini dan saya harap supaya pihak Kerajaan Negeri untuk segera bertindak sebab saya melihatkan perkembangan ekonomi yang sangat pesat. Perkembangan yang sangat pesat di Pulau Indah ini dengan pembangunan kilang-kilang seperti IKEA yang sedang dibangunkan sekarang ini jadi saya harap sangat masalah lebuh raya Pulau Indah ini dapat segera diatasi. Jadi Yang Berhormat Speaker, saya harap selepas ini saya tidak lagi bercakap tentang lebuh raya Pulau Indah. Saya harap ada satu jalan penyelesaian jangka masa pendek dan panjang untuk mengatasi lebuh raya Pulau Indah ini.

Jadi Yang Berhormat Speaker, untuk yang seterusnya saya ingin menyentuh tentang projek yang

TUAN SPEAKER : Pelabuhan Klang, Sijangkang minta laluan untuk mencelah.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Setuju atau tidak Pelabuhan Klang kalau soal pencahayaan, kualiti jalan itu juga satu kesinambungan yang baik daripada segi sudut kualiti daripada Pelabuhan Klang sehinggalah melalui SKVE, jalan yang berombak dan tidak berlampaunya menyebabkan banyak kemalangan jugak yang berlaku di situ. Terima kasih.

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI : Saya setuju dengan apa yang dicapai tentang Sijangkang iaitu berkenaan dengan kualiti jalan dan juga masalah pencahayaan ini yang menyumbang kepada masalah kemalangan yang berlaku hampir setiap hari bukan hanya di kawasan lebuh raya Pulau Indah tetapi juga berlaku di kawasan SKVE, Jalan Kem, lebuh raya Grandspadu, lebuh raya Taman Pendamar Indah dan juga sempadan KESAS dan juga Taman Pendamar Indah ini. Jadi saya harap isu ini dapat segera diselesaikan bukan hanya lagi bercakap dan cakap dan cakap dan salah menyalahkan antara satu sama lain sebaik-baiknya tubuhkan lah satu jawatankuasa khas bagi memikirkan tentang masalah lebuh raya ataupun trafik yang semakin meningkat bukan hanya di kawasan Pelabuhan Klang tetapi juga kawasan-kawasan yang sekitar dengan kawasan Klang mungkin perlu dilihat tentang bagaimana untuk melibatkan semua agensi-agensi penguatkuasaan seperti Jabatan Pengangkutan Jalan bagi membantu memastikan urusan ataupun aliran trafik ini dapat berjalan dengan lancar.

Jadi Yang Berhormat Speaker, saya juga ingin membangkitkan tentang Projek Pengukuhan Tebing Sungai Aur. Pelabuhan Klang ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Selangor dan juga Kerajaan Negeri Selangor di atas keprihatinan untuk memasukkan Projek Pengukuhan Tebing Sungai Aur sebagai salah satu projek *wish list* Kerajaan Negeri dengan kos projek bernilai RM15 juta ringgit daripada Kerajaan Persekutuan. Diharapkan dengan Projek Pengukuhan Tebing Sungai Aur ini kejadian runtuhan tanah di tebing-tebing sungai dapat diatasi. Dan saya ingin juga mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Pihak Jabatan Parit dan Saliran, kepada EXCO Infrastruktur, Yang Berhormat Pandan Indah dan terutamanya saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Parit dan Saliran daerah Klang kerana telah banyak membantu saya dalam menyelesaikan masalah-masalah isu banjir kilat di kawasan Pelabuhan Klang bermula dari saya jadi Penyelaras DUN pada tahun 2016.

Terkini, saya mengucapkan terima kasih kerana pihak JPS saya yakin dengan bantuan Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Persekutuan kerana telah membina sebuah Rumah Pam yang menggunakan teknologi terkini iaitu Twins Skru Pump di kunci air Sungai Keladi, Taman Kem, Pelabuhan Klang di mana Twins Skru Pump ini akan berfungsi secara automatik sekiranya berlaku pertembungan hujan lebat dan air laut pasang bagi mengelakkan kejadian banjir kilat yang sering kali terjadi di kawasan Pelabuhan Klang, Seri Berembang, Taman Kem, Sungai Aur dan juga kawasan sekitarnya. Dan saya juga dimaklumkan bahawa Rumah Pam yang menggunakan teknologi Twins Skru Pump ini juga akan dibina dan dipasang di kunci air Sungai Aur, Pelabuhan Klang.

Teknologi ini saya difahamkan yang pertama kali di pasang di kawasan daerah Klang yang sebelum ini ada Rumah Pam tetapi menggunakan pam-pam cara yang lama dan apa kelebihan Twins Skru Pump ini ialah kelebihannya apabila berlaku pertembungan hujan lebat dan juga air laut pasang tinggi rumah pam ini akan mengepam air daripada darat untuk di pam semula ke laut sewaktu pintu kunci air ini ditutup dan kelebihan Twins Skru Pump ini ialah, ini kelebihan ya dia boleh mengeluarkan dengan sampah-sampah sekali yang sebelum ini sampah-sampah ini menjadi punca sumbatnya ataupun memperlambat dan memperlakukan aliran air untuk pergi ke laut. Ini kelebihan Twins Skru Pump. Saya dah melihat sendiri kelebihannya tetapi kelemahannya ialah saya tanya pihak JPS kalau sampah-sampah ini semua diantar ke laut apa jadi dengan laut kita? Maka akan penuh pulak sampah dekat dalam laut dan akan timbul pulak isu pencemaran di laut.

Jadi saya harap sangat-sangat, EXCO, Yang Berhormat EXCO Infra untuk memikirkan. Memang boleh menyelesaikan isu banjir dengan menggunakan Twins Skru Pump ini tetapi janganlah ada isu yang lain pulak sampah pulak berlambak di tengah laut. Dia ada beberapa kaedah lah untuk menyelesaikan isu ini tapi saya yakin Yang Berhormat Pandan Indah selaku EXCO Infra mungkin lebih arif dan lebih tepat untuk memikirkan bagaimana nak menyelesaikan isu ini. Dan saya harap, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kerana Twins Skru Pump ini akan menyelesaikan masalah banjir kilat yang sering kali terjadi di dalam kawasan pekan Pelabuhan Klang apabila hujan lebat turun bertembung dengan air pasang.

Yang seterusnya, Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain saya ingin membangkitkan tentang isu pencemaran alam sekitar. Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan telah menegaskan di dalam titah baginda semalam bahawa satu penguatkuasaan yang lebih serius terhadap mana-mana pihak yang mencemarkan alam sekitar bukan sahaja sekadar pembuangan bahan-bahan kimia ke dalam sungai malahan aktiviti pembakaran terbuka dan juga pembukaan tapak-tapak pembuangan sampah yang haram juga seharusnya diambil perhatian dan tindakan yang tegas oleh Pihak Berkuasa. Saya mengambil contoh seperti, di kawasan saya di DUN Pelabuhan Klang iaitu di Teluk Gong dan juga Pulau Indah. Banyak kilang-kilang haram yang wujud di kawasan ini dan kebanyakan kilang-kilang haram ini yang antaranya memproses bahan-bahan plastik terpakai dan juga ada juga kilang-kilang yang memproses bahan-bahan kimia yang ada kilang-kilang yang ada lesen, ada kilang-kilang yang tidak ada lesen tetapi kebanyakan kilang-kilang haram ini yang beroperasi sering kali melepaskan sisa-sisa bahan kimia dan toksik ke dalam sungai-sungai yang berhampiran.

Tidak terhenti di situ sahaja mereka juga sering kali membuat pembakaran terbuka pada waktu tengah malam dan kesannya ialah apabila pembakaran terbuka ini dibuat pada waktu malam hampir banyak tempat dan saya sering kali melapurkan tentang pembakaran terbuka ini kepada pihak-pihak yang berkuasa. Saya *whatsup* terus pada waktu tengah malam kesannya ialah apabila pembakaran terbuka ini terjadi asap tebal menyelubungi kawasan Teluk Gong dan ianya mengeluarkan bau yang sangat busuk

19 MAC 2019 (SELASA)

malah ianya menimbulkan kacau ganggu dan boleh menjelaskan kesihatan penduduk-penduduk berhampiran terutama sekali anak-anak kecil.

Sungai-sungai yang ada di kawasan Pulau Indah dan Teluk Gong ini tak perlu cerita lah saya boleh jemput Yang Berhormat semua datang dan melihat dan menyaksikan sendiri bagaimana warna sungai ini boleh bertukar warna pada setiap hari. Hari ini warna coklat, besok boleh warna merah, lusa boleh warna kadang-kadang ada warna biru jadi ini adalah satu pemandangan yang saya rasa tidak cantik dan tidak sihat dan berdasarkan daripada titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Selangor yang menegaskan supaya segera mengambil tindakan yang tegas dalam mengatasi masalah pencemaran alam sekitar ini saya berharap sangat-sangat kepada semua pihak terutamanya pihak PBT dan juga Jabatan Alam Sekitar supaya terus mengambil tindakan terhadap kilang-kilang yang beroperasi terutama sekali yang mencemarkan alam sekitar.

Pihak PBT dan juga Jabatan Alam Sekitar bukannya tidak mengambil tindakan terhadap kilang-kilang ini berdasarkan aduan yang dibuat oleh orang ramai dan juga daripada pejabat saya tetapi saya pun pelik dan hairan dan menjadi persoalan, pelik-pelik ok yang menjadi persoalan saya ialah kebanyakan kilang-kilang ini telah pun diambil tindakan, telah pun disita tetapi selepas seminggu disita, selepas seminggu ditutup lepas tu dia buka balik dia operasi balik dan saya tak faham kenapa selepas tindakan diambil selepas notis diberikan kenapa kilang-kilang ini boleh beroperasi semula siapa yang bagi kebenaran.

Jadi saya harap sangat-sangat supaya tindakan yang lebih tegas selepas ini diambil kepada mana-mana pengusaha kilang haram ini yang terus degil, yang terus menjalankan operasi walaupun telah diberikan notis untuk menghentikan aktiviti-aktiviti yang tidak sihat ini kepada masyarakat.

Jadi Yang Berhormat Tuan Speaker kena pastikan supaya kilang-kilang ini tidak lagi beroperasi dan kena fikirkan bagaimakah cara dan tindakan yang terbaik. Apa lagi persoalan yang timbul yang lagi kita tak faham ialah kilang ini kilang haram yang TNB boleh bekalkan elektrik, air boleh dibekalkan oleh Air Selangor ini yang lagi menimbulkan tanda tanya dan bila saya berurusan dengan pihak TNB tiada arahan daripada mana-mana pihak untuk memutuskan bekalan elektrik ataupun membuka meter elektrik kilang-kilang ini. Jadi saya tidak tahu tanya pihak yang ini, pihak yang ini kata yang ini, tanya pihak yang ini pihak yang ini kata yang ini jadi saya dah tak nak lagi orang kata nak salah menyalah antara satu sama lain.

Ini masalah kita bersama. Ini masalah rakyat. Duli Yang Maha Mulia Tuanku pun telah menitahkan supaya kita mengambil tindakan yang tegas terhadap pengusaha-pengusaha kilang haram yang mencemarkan alam sekitar ini. Jadi saya ingin mencadangkan dalam Dewan yang mulia ini agar ditubuhkan satu jawatankuasa khas bagi menangani masalah kilang-kilang haram ini dan semua agensi-agensi kena duduk sekali dan memikirkan secara bersepada untuk mengambil tindakan. Selepas saya muat naikkan aduan saya ini dalam *facebook* sebanyak dua kali tiba-tiba pulak rajin

19 MAC 2019 (SELASA)

pulak semua pergi buat operasi. Hari ini pun buat operasi lagi macam tahu sahaja saya nak bangkitkan dalam dewan. Hari ini operasi, besar-besaran pulak hari ini pulak di Pulau Indah dan petang tadi di Teluk Gong. Jadi saya tidak mahu lah apabila hanya kita membangkitkan apabila menteri turun seperti yang dimaklumkan oleh Sijangkang tadi baru lah tindakan hendak diambil. Perlu ada jawatankuasa khas bagi mengambil tindakan khusus untuk penguatkuasaan sahaja termasuklah TNB dan Air Selangor juga kena duduk dalam tu jangan lagi bagi tahu PBT tak ambi tindakan.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat masa dah sampai. Ayat yang terakhir.

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI : Supaya tindakan ini ataupun cadangan saya ini akan diterima dan segera dilaksanakan. Jadi oleh itu, masa dah tamat Yang Berhormat Speaker, tak boleh sambung lagi ok, besok sambung (ketawa). Jadi saya dengan itu, ni nak tutup terus lah ni. Tutup terus. Ok. Saya ada banyak lagi ni.

TUAN SPEAKER : Tutup, tutup.
(Ketawa). Jadi

TUAN SPEAKER : Nak sambung esok?

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI : Boleh? Boleh sambung esok.

TUAN SPEAKER : Esok lagi bagi peluang.

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI : Terima kasih Yang Berhormat Speaker, saya sambung esok.

TUAN SPEAKER : Kerana semangat itu tinggi saya bagi *chan* sikit. Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian masa telah menunjukkan 6.00 petang maka Dewan ditangguhkan sehingga ke hari esok 20 Mac 2019 bermula jam 10.00 pagi.

(DEWAN DITANGGUHKAN PADA JAM 6.00 PETANG)